

# Wadah

DBP

Meningkatkan Apresiasi Sastera

Berdakwah melalui Karya  
— Habiburrahman El Shirazy

Kerjasama DBP dan Persatuan Penulis  
Memperkembang Bakat Sastera

T ajsis Kasih

ISSN 0127-09653



9 780127 096538



# Puisi

## Suburkan Ladang Bahasa Kita

Ayuh, kita suburkan ladang bahasa kita  
tanamlah sebanyak mana pohon  
dan bunga-bunga kecantikan.  
Siapa lagi kalau bukan kita  
yang menjaga dan menyuburkan ladang warisan  
berzaman?  
Kitalah yang menjadi pewaris, pemegang  
amanah  
sampai bila-bila pun kita mesti mempertahankan  
kesuburan dan kecantikan ladang ini  
jangan sampai ada anasir dari luar sana  
menceroboh dan mencemar ladang ini  
kerana mereka memang ingin melihat  
ladang ini tandus dan musnah selamanya.

Wahai bangsaku, pewaris zaman  
kalianlah anak-anak bumi bertuah  
jangan kalian pula dianggap petualang  
yang nanti akan mencemar  
dan melenyapkan ladang bahasa kita.  
Tidak salah kalian menjelajah, bertandang ke  
ladang bahasa asing  
untuk kemajuan diri dan minda,  
tapi jangan sekali-kali ladang bahasa kita  
digadai keagungan dan maruahnya  
kerana inilah mercu tanda, jati diri bangsa kita.

Rubiah Dullah

## Bahasa Citra Bangsa

Bahasa citra bangsa  
demikian selalu diperi-peri  
bertatih dari mulut ke mata hati  
benarkah sungguh apa dikata  
terpancar dari hati berbalut semangat jati diri  
kekadang ada rasa ngeri dalam diri  
kata-kata sekadar diucap tanpa rasa  
tidak dikota seperti dikata  
bahasa kita meronta-ronta  
mencari tempat di tanah air sendiri.

Aduhai ke mana bahasa kita dibawa pergi  
terpinggir setelah sekian lama lahir  
bahasa kita bahasa Melayu  
bahasa Melayu bahasa Kebangsaan  
bahasa Melayu bahasa rasmi  
bahasa Melayu bahasa kita  
bahasa citra bangsa  
lenyap bahasa lenyaplah bangsa.

Asmiah Haji Ajamain

---

**Ketua Editor**  
Zubaidi Abas  
(zubaidi@dbp.gov.my)

**Timbalan Ketua Editor**  
Aminah Awang Basar  
(aminah1@dbp.gov.my)

**Editor Kanan**  
Ritah Yahaya  
(ritah@dbp.gov.my)

**Editor**  
Noorzanani Kata  
(nani\_k@dbp.gov.my)

**Fotografi**  
Logiman Juakim Gamad

**Pentadbiran**  
Ag. Aziz Jaafar  
Nur Atikah Abdullah  
Hassan Hussin

---

**Ketua Pengarah**  
Dr. Haji Awang Sariyan

*Wadah* diterbitkan sejak Oktober 1986. Hak Cipta Terpelihara. Karya yang dikirimkan kepada *Wadah* hendaklah merupakan tulisan sendiri, dan belum pernah disiarkan di mana-mana media cetak. Karya yang tersiar boleh diterbitkan semula dengan syarat mendapat izin bertulis daripada Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sabah. Sidang Editor berhak menyunting karya yang diterima selagi tidak mengubah isinya. Karya yang disiarkan tidak semestinya mencerminkan pendapat atau pendirian *Wadah*. Segala sumbangan yang dikirimkan tidak akan dikembalikan. Sidang Editor juga tidak bertanggungjawab terhadap kehilangan karya yang dikirim.

Apabila mengirimkan sebarang karya, sila catatkan nama sebenar (di samping nama pena, jika ada), nombor kad pengenalan, alamat surat-menyerat yang tepat dan lengkap dengan poskod. Tanpa maklumat ini, karya yang dikirim kepada kami tidak akan disiarkan. Sila alamatkan karya anda kepada:

Editor *Wadah*,  
Unit Pembinaan Bahasa dan Sastera,  
DBP Cawangan Sabah,  
Beg Berkunci 149, 88999 Kota Kinabalu.

**DICETAK OLEH**  
Percetakan Bunga Raya Sdn. Bhd.,  
Lot 50-A, Hiong Tiong Industrial,  
Lorong Buah Salak 5, 11.2 km. Jalan Tuaran,  
P.O.Box 20148, 88758 Luyang,  
Kota Kinabalu, Sabah.  
Tel.: 088-387214  
Faks: 088-384214  
E-mel: pbrayakk@gmail.com

---

**REKA BENTUK KULIT DAN REKA LETAK HALAMAN**  
Percetakan Bunga Raya Sdn. Bhd.

# Kandungan

<b>Daripada Editor</b>	5	<b>Buku</b>	
DBP dengan Penulis: Bagaikan Ada Gula, Ada Semut		Menelusuri Watak-watak dalam Kehidupan Kemala • <i>Kasima Salinri</i>	32
<b>Fokus</b>	6	<b>Penulis dan Pengkaryaan</b>	
Kerjasama DBP dan Persatuan Penulis Memperkembang Bakat Sastera • <i>Hamzah Hamdani</i>		Berdakwah melalui Karya - Habiburrahman El Shirazy • <i>Noorzanani Kata</i>	38
Sejarah dan Hala Tuju BAHASA dalam Konteks Perkembangan Bahasa dan Sastera Kebangsaan di Sabah • <i>Sitti Rahmah G. Ibrahim</i>	10	<b>Rencana</b>	
PERWILA dan Masa Hadapannya Melahirkan Penulis dan Karya Bermutu • <i>Othman Mahali</i>	18	Perbilangan Adat Puisi Tradisional Masyarakat Adat Perpatih • <i>Lokman Abdul Samad</i>	40
<b>Puisi</b>	ii	<b>Kegiatan</b>	
Suburkan Ladang Bahasa Kita • <i>Rubiah Dullah</i>	ii	Sayembara Lagu Puisi Berkumpulan • <i>Nadin Haji Salleh</i>	49
Bahasa Citra Bangsa • <i>Asmiah Haji Ajamain</i>	17	<b>Diskusi Sastera</b>	
Ratap Lidah Austronesia • <i>Ismail Ag Piut</i>	45	Anugerah Berlian • <i>Azmah Nordin</i>	50
Keluar dari Lindungan • <i>Raymond Majumah</i>	45	<b>Analisis Puisi</b>	
Hilang • <i>Ritah Yahaya</i>	53	Mencerap dan Mencerakin Tiga Puisi oleh Tiga Penulis • <i>Zaiton Ajamain</i>	54
Ummu Haris • <i>Saudagar Cinta</i>	59	<b>Analisis Cerpen</b>	
Di Pantai Ini • <i>Ramlie A.R</i>		Antara Fantasi dengan Struktur • <i>S. M. Zakir</i>	56
<b>Cerpen</b>	20	<b>Pantun Budi</b>	
Tajsis Kasih • <i>Al Fazli HMS</i>	34		
Penunggu • <i>Mohd Rizal Razak</i>	46	<b>Keterangan Kulit</b> Semut ialah serangga daripada keluarga <i>Formicidae</i> yang terdiri daripada lebih 22 000 spesies. Semut dikatakan serangga sosial yang hebat, yang berkomunikasi antara individu, berupaya menyelesaikan masalah yang kompleks, dan mempunyai kecerdasan kolektif. Semut juga dikatakan serangga yang hebat berbanding dengan serangga atau haiwan yang lain kerana tabiat kerjasama dan kehidupan secara koloni yang membentuk kesatuan. Kita perlu mencontohi tabiat semut yang bekerjasama erat dan bersatu untuk menjayakan sesuatu matlamat.	
<b>Coretan Pembaca</b>	31		

# DBP dengan Penulis: Bagaikan Ada Gula, Ada Semut

**S**alah satu matlamat Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) yang ditubuhkan pada 22 Jun 1956 di Johor Bahru ialah mengembangkan sastera melalui penerbitan dalam bahasa kebangsaan. Untuk memastikan matlamatnya itu tercapai, DBP berusaha mencungkil bakat sastera dalam pelbagai genre. Bermula dengan novel pertama terbitan DBP pada tahun 1958, *Anak Raja dengan Anak Papa*, yang diterjemahkan oleh Pendeta Za'ba daripada novel *The Prince and The Pauper* karya Mark Twain, DBP telah menganjurkan Peraduan Mengarang Cerpen pada tahun 1957 yang memunculkan *Cerita-cerita Pendek DBP* yang diterbitkan pada tahun 1958. Melalui Peraduan Mengarang Novel pada tahun 1958, DBP berjaya melahirkan bakat sastera yang hebat melalui novel yang bukan sahaja dijadikan teks mata pelajaran Sastera di sekolah, malah kini boleh dianggap mahakarya. Antara karya tersebut termasuklah *Musafir* oleh Hassan Ali (1959), *Salina* oleh Sasterawan Negara A. Samad Said (1961), *Desa Pingitan* oleh Ibrahim Omar (1964), dan *Lingkaran* oleh Sasterawan Negara Arena Wati (1965).

Dalam usaha mengembangkan bakat sastera dan kesusteraan, DBP tentunya tidak mampu bergerak sendirian. DBP memerlukan sokongan pelbagai pihak, khususnya dalam kalangan penulis. Malah, sokongan dan kerjasama yang erat dan padu daripada penulis, persatuan penulis dan badan-badan bahasa dan persuratan yang diberikan selama ini telah memastikan kejayaan bersama memartabatkan bahasa kebangsaan dan persuratan tanah air. Di Sabah, antara persatuan penulis yang terus giat bersama-sama DBP dan DBP Cawangan Sabah, termasuklah Badan Bahasa dan Sastera Sabah (BAHASA), Ikatan Penulis Sabah (IPS), Persatuan Penulis Wilayah Persekutuan Labuan (PERWILA), dan beberapa persatuan penulis yang lain.

Pada 22 Jun 2012 ini, DBP sudah pun menginjak usianya yang ke-56. Hendaknya sokongan dan kerjasama antara DBP dengan penulis, penulis dengan DBP terus dipererat dan diperkuuh agar bahasa kebangsaan dan persuratan tanah air dapat terus dimartabatkan.

## Noorzanani Kata



# Kerjasama DBP dan Persatuan Penulis Memperkembang Bakat Sastera

oleh HAMZAH HAMDANI

**D**ewan Bahasa dan Pustaka (DBP) telah ditubuhkan pada 22 Jun 1956 di bawah Jabatan Pelajaran Persekutuan Tanah Melayu di Johor Bahru atas nama Balai Pustaka. Hasil daripada resolusi Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu ke-3 di Singapura dan Johor Bahru pada bulan September 1956, nama Balai Pustaka diubah kepada Dewan Bahasa dan Pustaka. Setelah negara mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957, DBP berpindah pejabat ke Jalan Young, Kuala Lumpur. Mulai tahun 1959, DBP menjadi badan berkanun di bawah Kementerian Pelajaran.

Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu ke-3 yang mencadangkan perubahan nama daripada Balai Pustaka kepada Dewan Bahasa dan Pustaka telah mengusulkan cadangan dua tujuan penubuhan DBP. Pertama, DBP hendaklah menjadi pusat bagi menjaga hal ehwal dan perkembangan bahasa dan persuratan Melayu supaya asal usul bahasa Melayu tidak cacat serta menjadi pendorong kepada perkembangan kebudayaan rakyat Tanah Melayu kelak. Kedua, DBP hendaklah menyiasat, membongkar dan mengumpulkan semula serta menghalusi hasil-hasil kesusasteraan Melayu semenjak zaman purba. Apabila Rang Undang-undang DBP diluluskan di Parlimen pada tahun 1959, antara lima tujuan penubuhan DBP ialah memperkembang bakat-bakat sastera terutamanya dalam bahasa kebangsaan. Tujuan inilah yang akan dibincangkan dalam rencana ini, yang dikaitkan dengan usaha kerjasama dengan persatuan-persatuan penulis di Malaysia.

Pada penghujung tahun 1850-an dan tahun

1960-an, tumpuan kegiatan utama DBP adalah dalam bidang bahasa dan penerbitan buku teks. Pembinaan bahasa Melayu menjadi bahasa yang moden untuk keperluan pentadbiran dan pendidikan mendapat keutamaan bagi keperluan sebuah negara yang merdeka. Dalam Perlembagaan Persekutuan dinyatakan bahawa dalam tempoh 10 tahun setelah merdeka, bahasa Melayu yang menjadi bahasa Kebangsaan dan bahasa rasmi bagi Persekutuan hendaklah menjadi bahasa utama seperti yang terkandung dalam Perkara 152. Cabarannya amat hebat untuk memenuhi kehendak Perlembagaan.

Meskipun demikian, sejak tahun 1957, DBP telah menganjurkan peraduan penulisan dalam pelbagai genre seperti cerpen kanak-kanak dan dewasa, novel kanak-kanak dan dewasa serta drama pentas untuk kanak-kanak. Peraduan penulisan ini diadakan untuk melaksanakan tujuan penubuhan DBP yang kedua, iaitu memperkembang bakat sastera, khususnya dalam bahasa Kebangsaan. Melalui usaha ini lahirlah buku antologi cerpen antaranya termasuklah *Cerita-cerita Pendek DBP* dan novel-novel *Musafir* (Hasan Ali), *Salina* (A. Samad Said), *Lingkaran* (Arena Wati), dan *Desa Pingitan* (Ibrahim Omar). Bagi bacaan kanak-kanak, diterbitkan kumpulan cerpen *Aku di Sebuah Pulau* dan *Lain-lain Cerita*, dan novel-novel *Bahagia Sesudah Derita* (M. Akhir Leman), *Ahad* (Zakaria Salleh), dan *Di Bawah Alunan Ombak* (A. Rashid Ngah). Buku-buku tersebut diterbitkan untuk dijadikan teks subjek sastera di sekolah rendah dan menengah.

Pada tahun 1960-an, persatuan penulis

yang aktif bergiat ialah Persatuan Penulis Nasional (PENA) yang ditubuhkan pada 12 Februari 1961. Walaupun ditubuhkan di Universiti Malaya, namun para pemimpin dan ahli jawatankuasanya ialah para petugas di DBP, seperti Usman Awang, Keris Mas, Hasan Ahmad, Baha Zain, Saleh Daud, dan Yahaya Ismail. Walaupun PENA mengadakan kursus dan bengkel penulisan, namun tidak jelas kerjasama dengan DBP secara rasmi. Hanya pada tahun 1970-an, iaitu setelah Kongres Kebudayaan Kebangsaan yang pertama pada tahun 1971, barulah DBP menubuhkan Bahagian Perkembangan Sastera yang diketuai oleh Kamaludin Muhammad (Keris Mas). Perhatian kepada usaha pembinaan bakat-bakat sastera secara terancang dimulai melalui penerbitan majalah sastera yang khusus, iaitu *Dewan Sastera*, dan penerbitan buku-buku sastera, serta mengadakan pengiktirafan bakat penulis melalui Hadiah Karya Sastera.

Penubuhan Gabungan Persatuan Penulis Nasional Malaysia (GAPENA) di Balai Seminar, DBP, pada 23 Oktober 1970, telah memulakan kerjasama yang jelas antara DBP dengan persatuan penulis. GAPENA yang menjadi induk persatuan-persatuan penulis di seluruh Malaysia telah mewujudkan jaringan pergerakan persatuan-persatuan penulis di Malaysia. DBP dan GAPENA mulai menjalankan kegiatan bersama. Kegiatan GAPENA seperti Seminar GAPENA (1972), Seminar Kesuasteraan Nusantara (1973), dan Pertemuan Penulis ASEAN (1977) turut dijayakan bersama-sama DBP. Namun, kegiatan-kegiatan kursus dan bengkel penulisan yang diadakan oleh persatuan-persatuan penulis di negeri-negeri hanya dibantu oleh DBP atau GAPENA melalui cara penghantaran tenaga penceramah atau pembimbing oleh persatuan masing-masing.

Pada tahun 1979, DBP dan GAPENA telah merancang menjayakan kegiatan Bengkel

**Penubuhan Gabungan Persatuan Penulis Nasional Malaysia (GAPENA) di Balai Seminar, DBP, pada 23 Oktober 1970, telah memulakan kerjasama yang jelas antara DBP dengan persatuan penulis. GAPENA yang menjadi induk persatuan-persatuan penulis di seluruh Malaysia telah mewujudkan jaringan pergerakan persatuan-persatuan penulis di Malaysia.**

Penulisan Kreatif Wilayah berdasarkan zon. Ahli persatuan-persatuan penulis yang menjadi ahli gabungan GAPENA telah diundang untuk menyertai bengkel tersebut. Pada tahun 1980, kegiatan ini dimulai di Zon Utara untuk para penulis di Perlis, Pulau Pinang dan Kedah. Selama satu tahun, dalam beberapa pertemuan di Pulau Pinang, para penulis telah diberikan bimbingan mengenai teori penulisan. Setiap peserta diwajibkan menghasilkan karya sama ada cerpen ataupun novel. Mereka diberikan bimbingan khusus bagi setiap peserta. Hasil daripada bengkel tersebut, maka lahirlah antologi cerpen *Utara* dan novel-novel *Awang Toksan* (Noorjaya) dan *Ruyup* (Shaari A.B.). Para penceramah dan pembimbing bengkel itu terdiri daripada tokoh-tokoh pensyarah dan penulis seperti Hashim Awang, Ramli Isin, Othman Puteh, dan Anwar Ridhwan. Penulis ikut terlibat dalam bimbingan kepada para penulis kerana pada waktu itu penulis bertugas sebagai editor buku sastera di Bahagian Pembinaan dan Pengembangan Sastera DBP.

Pada tahun kedua (1981), bengkel tersebut diadakan di Muar, Johor, untuk ahli persatuan-persatuan penulis di zon selatan, iaitu Johor dan Melaka. Penulis bersama-sama Anwar Ridhwan telah menjadi penceramah dan pembimbing kepada para peserta yang jumlahnya agak terbatas. Cerpen-cerpen yang dihasilkan oleh para peserta seperti Ishak Abdul Rahman, Ithnin Tawaf, Razak Mamat, dan Rajie' Hadi telah dihimpunkan dalam antologi cerpen berjudul *Selatan*. Sebuah novel yang dihasilkan oleh Hamdan Raja Abdullah, telah diselesaikan penulisannya, namun hingga kini tidak pasti sama ada novel diterbitkan ataupun tidak. Namun dalam perkembangan kemudian, para peserta telah berkembang menjadi penulis-penulis yang prolifik.

Bengkel Penulisan Kreatif Wilayah pada tahun 1982 telah diadakan di Kota Kinabalu dan Kuching untuk ahli persatuan-persatuan penulis di Sabah dan Sarawak. Penulis bersama-sama Othman Puteh dan Ramli Isin telah menjadi penceramah dan pembimbing dalam dua kali pertemuan di dua buah tempat tersebut. Hasil cerpen para peserta di Sabah dan Sarawak telah dihimpunkan dalam antologi cerpen *Surat dari Pulau*. Antara penulis Sabah termasuklah Mariam Omar, Mohd. Jadean Daham, Richard P. Intuwong, Jali Ambun, dan Mohd. Zakaria Nasib. Penulis-penulis dari Sarawak terdiri daripada Jais Sahok, Jong Chian Lai, Benedict Talip, Hajjah Jais, Mohammad Dris, Shahri Abdul Raman, Teresa Chong, Noor Azlina Abdullah Jong, dan Zakeria Embi. Antara penulis novel yang berkarya melalui bengkel tersebut di Sabah ialah Obasiah Haji Usman dan Sitti Rahmah G. Ibrahim, dan di Sarawak pula Jamilah Morsidi dan Jong Chian Lai. Meskipun tidak banyak penulis yang dapat bertahan hingga kini, namun penulis-penulis seperti

Obasiah Haji Usman, Sitti Rahmah G. Ibrahim, Jais Sahok, dan Jong Chian Lai masih prolifik dengan kualiti penulisannya yang baik. Malah, Jong Chian Lai telah menerima S.E.A. Write Award (2006).

Kegiatan Bengkel Penulisan Kreatif Wilayah telah diteruskan di Zon Timur (Kelantan, Terengganu dan Pahang) pada tahun 1983, dan di Zon Tengah (Negeri Sembilan, Selangor dan Kuala Lumpur) pada tahun 1984. Dari Zon Timur lahirlah antologi cerpen *Timur*. Namun dari Zon Tengah, tiada hasil karya yang diterbitkan. Kegiatan bengkel tersebut telah diadakan beberapa kali kemudiannya. Namun sayangnya tiada hasil karya yang telah diterbitkan.

Pada tahun 1980-an, sewaktu PENA dipimpin oleh Anwar Ridhwan, DBP telah bekerjasama dengan PENA menjayakan kursus penulis untuk genre puisi, cerpen, drama pentas dan esei kritik di DBP Kuala Lumpur. Pada setiap hujung minggu, sebulan untuk setiap genre, dijayakan kursus penulisan tersebut di Sudut Penulis. Sambutannya amat memberangsangkan. Namun, para peserta tidak diwajibkan berkarya. Mereka hanya didedahkan kepada asas-asas penulisan setiap genre oleh para penceramah seperti Anwar Ridhwan, Kemala, Hamzah Hamdani, Zakaria Ariffin, dan Sahlan Mohd. Saman. Meskipun tiada hasil kursus yang konkret dalam bentuk penerbitan, namun banyak penulis yang telah mendapat manfaat daripada kursus tersebut. Namun, setelah PENA tidak lagi dipimpin oleh Anwar Ridhwan, kegiatan seperti itu tidak diteruskan lagi. Melalui kegiatan kursus tersebut, DBP menyediakan tempat dan membiayai bayaran tenaga penceramah. Persatuan mencari peserta, sama ada terdiri daripada ahli persatuan mahupun peserta umum.

**Meskipun kini telah banyak pihak institusi pengajian tinggi yang menawarkan kursus-kursus penulisan kreatif, namun DBP bersama-sama persatuan-persatuan penulis di seluruh Malaysia masih perlu bekerjasama menjayakan kursus atau bengkel penulisan untuk melatih para calon penulis yang tiada kesempatan mempelajari kaedah penulisan yang baik di institusi-institusi pengajian tinggi.**

Apabila DBP menubuhkan pejabat cawangannya di Sabah dan Sarawak pada tahun 1977, dan pejabat wilayah di Zon Timur, Zon Utara, Zon Selatan serta Zon Tengah mulai penghujung tahun 1990-an, awal abad ke-21 dan dekad kedua abad ke-21, kerjasama DBP dengan persatuan-persatuan penulis di setiap zon semakin kerap. Namun, kerjasama tersebut lebih merupakan bantuan tenaga penceramah dan kewangan. Sayangnya, kegiatan kursus dan bengkel penulisan tersebut tidak disasarkan kepada objektif yang konkrit, iaitu sehingga terhasilnya sejumlah buku hasil karya para peserta.

Kaedah yang diaplikasikan dalam penyelenggaraan Bengkel Penulisan Kreatif Wilayah DBP-GAPENA pada awal tahun 1980-an telah memperlihatkan hasil yang dapat dibanggakan. Meskipun tidak banyak buku yang telah dihasilkan, namun beberapa buah buku yang diterbitkan dapat dijadikan penanda aras keberhasilan projek tersebut. Memang tidak semua penulis yang dapat berkembang dalam tempoh yang panjang, namun sebahagiannya telah memperlihatkan pencapaian yang dapat dibanggakan. Dalam bengkel tersebut, pada pertemuan pertama, para peserta telah diberikan

atas penulisan untuk mereka berkarya. Dalam pertemuuan kedua, mereka memperlihatkan hasil karya untuk dibincangkan dengan para pembimbing. Setiap peserta dibimbing secara mendalam oleh pembimbing yang khusus sehingga mereka benar-benar faham tentang kelemahan karya mereka. Setelah diperbaik, karya mereka dihantar kepada Urus Setia untuk dinilai kembali oleh para pembimbing. Karyanya mereka dihimpunkan untuk disunting secara teliti sebelum layak untuk diterbitkan. Jadi, di samping pembimbing, perlu ada editor yang berketerampilan untuk memperbaik karya mereka sehingga dapat diterbitkan menurut standard penilaian DBP.

Meskipun kini telah banyak institut pengajian tinggi yang menawarkan kursus penulisan kreatif, namun DBP bersama-sama persatuan-persatuan penulis di seluruh Malaysia masih perlu bekerjasama menjayakan kursus atau bengkel penulisan untuk melatih para calon penulis yang tidak kesempatan mempelajari kaedah penulisan yang baik di institusi pengajian tinggi. Namun, hasil kursus atau bengkel itu haruslah konkret, iaitu sasaran akhirnya ialah penerbitan buku hasil karya para peserta yang telah melalui proses bimbingan, pembakaran dan penyuntingan yang mencapai standard kualiti karya sastera yang tinggi. Para peserta yang memperlihatkan potensi untuk menjadi penulis yang prolifik dan berkualiti tinggi, wajar diberikan galakan dan peluang yang berterusan agar mereka tidak tenggelam ditelan zaman. Para penulis pula harus memperlihatkan iltizam yang kuat setelah berjaya diberikan bimbingan dan peluang penerbitan. Yang penting, dalam menempuh perubahan zaman, kaedah kursus dan bengkel harus berubah. Para penulis pada zaman kini bukan sahaja harus menguasai teknik penulisan yang sesuai dengan kehendak zaman, malah yang lebih penting ialah memahami ideologi penulisan yang sesuai dan relevan dengan zaman. **W**



# Sejarah dan Hala Tuju BAHASA dalam Konteks Perkembangan Bahasa dan Sastera Kebangsaan di Sabah

oleh SITTI RAHMAH G. IBRAHIM

Badan Bahasa Sabah (BAHASA) ditubuhkan pada 19 Mac 1970. Persatuan ini ditubuhkan selepas penubuhan dua buah persatuan yang aktif pada tahun 1960-an, iaitu Persatuan Penulis-penulis Sabah (PERPESA) yang ketika itu diterajui oleh Hajah Noraini Haji Salleh, M.A. Nast atau Haji Mohd. Ahyar Nasution, Amil Jaya, M.A. Rahman, Awang Abdul Hamid, Osman Abdul Rahman atau Kembara Muda, dan beberapa orang lagi, bergabung dengan Angkatan Persuratan Melayu Sabah (APMS) yang dipelopori oleh Kisnawati atau Mohd. Tahir Abdul Hamid, K. Bali, S. Mala, Datuk Murshidi Nambi, Murni S atau Shahirul Lakibul, Datuk R.M Jasni. Dan, akhirnya tertubuhlah BAHASA. Walau bagaimanapun M.A. Rahman kemudian dipecat daripada BAHASA apabila beliau bertanding sebagai calon United Sabah Action Party (USAP) pada tahun 1971.

Pada peringkat awal penubuhannya, BAHASA menjadi satu-satunya gerakan bahasa dan sastera yang ulung di negeri Sabah. Pada bulan Ogos 1970, gerakan ini menerbitkan majalah *BAHASA* sempena Seminar Bahasa dan Sastera anjuran BAHASA pada 4–6 Ogos 1970, di Kota Kinabalu. Dalam majalah tersebut, pengarang dalam rencananya menyatakan bahawa:

"Badan Bahasa Sabah sekarang ini merupakan sebuah badan yang terbesar seumpamanya dalam sejarah kemajuan bahasa dan sastera di Sabah. Ia mempunyai ribuan ahli dan peminat bahasa dan sastera, mempunyai 23 buah cawangannya di seluruh negeri".

(hlm 2)

Menurut Amil Jaya dan Shubaibun Yusof, tokoh yang menggerakkan BAHASA sehingga menjadi persatuan yang berpengaruh ialah Yang Di Pertua BAHASA yang pertama, iaitu Dzulkifli Abdul Hamid dan Setiausaha Agungnya, Jamdin Buyong. Mereka dibantu oleh ahli jawatankuasanya seperti Mohd. Tahir Abdul Hamid, Mohd. Ahyar Nasution, Noraini Haji Salleh, dan beberapa orang lagi.

Antara objektif dan tujuan penubuhan BAHASA termasuklah:

1. Menyatupadukan semua kaum di negeri Sabah, khasnya dan di Malaysia, amnya menerusi bahasa rasmi yang tunggal, iaitu Bahasa Melayu.
2. Menyatupadukan seluruh penulis, guru, peminat, dan ahli bahasa dan sastera di Sabah
3. Berusaha seluas-luasnya dalam lapangan bahasa, sastera dan ilmu pengetahuan:
  - i) Berjuang dan mempertahankan serta meninggikan kedaulatan bahasa dan sastera.
  - ii) Mengadakan khidmat-khidmat bagi menggalakkan, meninggikan dan memperkembang bahasa dan sastera yang meliputi:
    - a. Usaha penulis-penulis seniman dan bidang penerbitan bahan-bahan bacaan seperti buku, majalah dan risalah.
    - b. Memperjuangkan serta mempertahankan hak-hak kepentingan dan

kebijakan penulis-penulis dan seniman yang menjadi ahli BAHASA.

- c. Berhubung serta bekerjasama dengan persatuan ataupun pertubuhan dalam dan luar negeri yang mempunyai tujuan yang sama dengan BAHASA.

Dalam tempoh empat bulan selepas ditubuhkan, BAHASA mempunyai 23 buah cawangan di seluruh daerah di negeri Sabah. Dalam waktu yang singkat, jumlah cawangan itu meningkat kepada 27 buah cawangan, iaitu cawangan di daerah Tuaran, Tambunan, Kuala Penyu, Kudat, Tambunan, Ranau, Kota Belud, Kota Marudu, Menggatal, Semporna, Bongawan, Lahad Datu, Labuan, Sipitang, Tawau, Membakut, Tenom, Sandakan, Kota Kinabalu, Kunak, Keningau, Papar, Putatan, Beaufort, Weston, Kinabatangan, Kampung Nagapas, dan Menumbok.

## Aktiviti dan Hala Tuju BAHASA

Pada peringkat awal penubhannya, BAHASA telah menganjurkan pelbagai program seperti seminar dan bengkel penulisan sama ada menyasarkan golongan penulis muda ataupun golongan penulis mapan. Pada tahun 1973, BAHASA menjadi tuan rumah Hari Sastera yang julung-julung kalinya diadakan di Sabah melalui kerjasama dengan Gabungan Penulis Nasional (GAPENA).

Selepas itu, BAHASA menganjurkan sayembara penulisan novel. Melalui sayembara itu lahir tiga buah novel yang penting di Sabah, iaitu *Nafas yang Hampir Putus* oleh Anuar Beda Amasuba, *Serandung* oleh Isa Razak dan *Cerah* oleh Amil Jaya. Dua novel itu telah diterbitkan oleh DBP, iaitu *Nafas yang hampir Putus* dan *Cerah*.

Sebagai usaha untuk menyemarakkan kegiatan sastera di Sabah, BAHASA telah menganjurkan sayembara penulisan novel, seterusnya menganjurkan pelbagai kegiatan seperti peraduan mendeklamasi puisi yang menarik minat banyak golongan muda bagi menjadi pendeklamasi dan penulis puisi yang baik di Sabah. Secara perlahan-lahan, muncul beberapa orang penulis yang berpotensi di Sabah, yang turut mendapat tempat di peringkat kebangsaan. Melalui perbincangan beberapa orang tokoh BAHASA dengan beberapa pihak seperti editor majalah dan akhbar yang diterbitkan di peringkat kebangsaan ketika itu, maka lahirlah beberapa orang penulis Sabah yang berkarsma dan menghasilkan puisi yang berkualiti sehingga berjaya meraih Hadiah Sastera Perdana Malaysia, antaranya termasuklah Jamdin Buyong dan Saidi Lampoh atau S. Mala.

Peranan BAHASA pada peringkat awal penubhannya dalam mengimarahkan sastera Melayu di Sabah boleh dikatakan seperti jambatan penghubung antara penulis Sabah, Semenanjung, Sarawak, dan Negara Brunei Darussalam. Setiap kali kegiatan sastera peringkat nasional diadakan seperti Hari Sastera dan Hari Puisi Nasional, maka banyaklah penulis Sabah yang menghadiri kegiatan berkenaan atas tajaan dan inisiatif BAHASA. Malah, BAHASA seolah-olah menjadi duta kepada penulis negeri Sabah berinteraksi dengan penulis di seluruh negara apabila menjadi salah sebuah badan kerabat GAPENA.

Walau bagaimanapun, apabila kerajaan United Sabah National Organization (USNO) oleh digantikan dengan kerajaan Parti Bersatu Rakyat Jelata Sabah (BERJAYA), BAHASA juga secara perlahan-lahan tenggelam, lebih-lebih lagi apabila tertubuhnya Gabungan Penulis-penulis Sedar Sabah (GAPURA) yang diterajui oleh Abdul Hamid Awang. Hanya setelah BAHASA dihidupkan semula pada pertengahan tahun 1980-an, maka usaha

memperkasakan bahasa dan sastera kebangsaan semakin menyerlah di Sabah.

Pada 4–6 September 1987, BAHASA menganjurkan sebuah pertemuan yang besar dan bertaraf kebangsaan, iaitu Hari Puisi Nasional 1987 yang diadakan di Kota Kinabalu dengan kerjasama GAPENA dan DBP Cawangan Sabah. Tema perayaan Hari Puisi Nasional itu ialah “Dunia Penyair – Antara Desa dan Kota”. Dr. Kasim Ahmad telah dianugerahi Anugerah Penyair GAPENA. Beberapa orang tokoh dan sasterawan terkenal seperti Sasterawan Negara A. Samad Said dan beberapa orang penulis Malaysia yang lain menyertai pertemuan berkenaan.

Hari Puisi Nasional 1987 itu dirasmikan oleh Ketua Menteri Sabah Datuk Joseph Pairin Kitingan, di Teater Mini Yayasan Sabah, pada 4 September 1987. Kira-kira 200 orang peserta rasmi mendaftar, separuh dari Sabah, 82 orang dari Semenanjung, selebihnya dari Sarawak, Singapura, dan Negara Brunei Darussalam. Sebuah buku antologi puisi diterbitkan sempena pertemuan Hari Puisi Nasional itu.

Sebagai sebuah badan yang bernaung di bawah payung GAPENA, BAHASA terus memainkan peranannya secara aktif dalam memperkasakan bahasa dan sastera kebangsaan di Sabah. Pada tahun 1989, Kerajaan Negeri Sabah menganjurkan peraduan menulis novel dengan kerjasama BAHASA. Hadiah yang ditawarkan ialah RM5,000.00 untuk pemenang pertama. Peraduan ini dimenangi oleh Azmah Nordin melalui novel yang berjudul *Dari dalam Cermin*.

Pada awal tahun 1990-an, BAHASA jarang-jarang menganjurkan pertemuan bahasa dan sastera yang besar. BAHASA hanya terlibat dalam menganjurkan pertemuan bersifat kecil-kecilan dan adakalanya hanya menghantar peserta atau pembentang kertas kerja menyertai beberapa pertemuan sama ada di Sabah, Wilayah Persekutuan Labuan dan Sarawak ataupun di luar negara seperti

Pertemuan Dialog Borneo di Pontianak Kalimantan Indonesia dan juga di Negara Brunei Darussalam.

**Sebagai sebuah badan  
yang bernaung di bawah  
payung GAPENA,  
BAHASA terus  
memainkan peranannya  
secara aktif dalam  
memperkasakan bahasa  
dan sastera kebangsaan di  
Sabah.**

iaitu Seminar Pemikiran Amil Jaya dengan kerjasama DBP Cawangan Sabah sebagai menghargai jasa Amil Jaya dalam BAHASA dan juga dalam konteks sastera di Sabah, sekali gus sebagai mengimarahkan kegiatan ilmu melalui aktiviti bahasa dan sastera di Sabah. Beberapa orang tokoh penyair Malaysia menghadiri majlis itu. Selain diadakan siri pembentangan kertas kerja, turut diadakan Majlis Pengucapan Puisi Amil Jaya di Dewan Besar, DBP Cawangan Sabah. Amil Jaya turut menghadiri majlis berkenaan.

Pada 18 Januari 2009, BAHASA menganjurkan majlis Baca Puisi Amal GAZA dan bersempena dengan majlis itu sebuah antologi puisi berjudul *Luka Gaza* diterbitkan. Sebahagian besar karya puisi yang diterbitkan dalam antologi itu merupakan reaksi penyair negeri Sabah terhadap kekejaman rejim Zionis di Semenanjung Gaza, yang mengorbankan ribuan warga Palestin yang tidak berdosa. Acara Baca Puisi itu turut dimeriahkan oleh kehadiran Datuk Haji Mohd. Arifin Haji Mohd. Arif.

Pada 6–8 Mac 2009, BAHASA sekali lagi menganjurkan program besar, iaitu Persidangan Persuratan dan Kebudayaan Kebangsaan di salah sebuah hotel terkemuka di Kota Kinabalu. Persidangan itu turut dihadiri oleh lebih 200 orang sasterawan dan budayawan dari seluruh Malaysia dan Negara Brunei Darussalam.

Persidangan itu meriah apabila Datuk Haji Mohd. Arifin Mohd. Arif turut menghadirinya. Beberapa orang kenamaan lain seperti Setiausaha Persekutuan Sabah, Datuk Ismail Wadin, Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Encik Mohd. Razy Mohd Noor, Ketua Satu GAPENA, Tan Sri Profesor Emeritus Dato' (Dr.) Pendeta Haji Ismail Hussein, dan Pengarah DBP Cawangan Sabah, Encik Zubaidi Abas turut menghadirinya. Sebuah antologi puisi berjudul *Bahtera ke Selatan* diterbitkan sempena pertemuan itu.

Pada tahun 2009, BAHASA bersama-sama Sabah Economic Development

Corporation (SEDCO) telah menganjurkan Hadiah Penulisan Cerpen SEDCO-BAHASA pertama. Majlis Penyampaian Hadiah dan Pelancaran Buku Antologi Cerpen yang memenangi peraduan berkenaan berjudul *Visi Sophia* telah diadakan pada 2 Disember 2009. Hadiah Penulisan Cerpen SEDCO-BAHASA ke-2 terus diadakan pada tahun 2010. Majlis Penyampaian Hadiah, seterusnya Pelancaran Buku Antologi Cerpen *Emas Hitam* disempurnakan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Mohd. Arifin Mohd. Arif di Hotel Hyatt pada 10 Disember 2012.

Sementara, Hadiah Penulisan Cerpen SEDCO-BAHASA ke-3 yang diadakan pada 2011, melangkah setapak lagi ke hadapan apabila turut disertai akhbar *New Sabah Times* sebagai penganjurnya. Majlis penyampaian hadiahnya diadakan pada 27 Februari 2012 bersempena dengan Mahrajan Persuratan dan Kesenian Islam Nusantara di Membakut, yang dirasmikan pembukaannya oleh Haji Mohd. Arifin Mohd. Arif.

Bagi menyemarakkan perkembangan bahasa dan sastera di Sabah, pada tahun 2010 BAHASA bersama-sama Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah menganjurkan Sayembara Menulis Novel Negeri Sabah Siri 1 yang menawarkan hadiah sebanyak RM10000.00 bagi pemenang pertama, hadiah kedua RM7,000.00 dan hadiah ketiga RM5,000.00. Sementara, kategori novel remaja pula menawarkan hadiah pertama bernilai RM3,000.00, hadiah kedua RM2,000.00, hadiah ketiga RM1,000.00, empat hadiah sagu hati bernilai RM3,000.00. Sayembara tersebut dilancarkan oleh Menteri Pelancongan dan Kebudayaan Negeri Sabah, Datuk Masidi Manjun, di Bilik Mesyuarat kementeriannya, Tingkat 7, Wisma Tun Fuad, Kota Kinabalu.

Sayembara tersebut mendapat sambutan hangat dan kira-kira 13 buah manuskrip diterima pengajur dan setelah dinilai, panel hakim memutuskan tiada pemenang untuk hadiah pertama. Tempat kedua dimenangi oleh Ruhaini Matdarin melalui novel *Nesan*, tetapi

tajuk itu ditukar kepada *Nisan* setelah diterbitkan, tempat ketiga dimenangi Sitti Rahmah G Ibrahim melalui novel *Muntio*, tetapi apabila diterbitkan novel itu ditukar judulnya kepada *Taklik Cinta*. Sementara, lima buah novel yang memenangi hadiah sagu hati ialah *Nakad Karya Emin Madi*, *Titian Muhibah* karya Badariah Binti Arbin, *Kolam* karya Dr. Chacho Haji Bulah, *Menambalang* karya Nuraini Booh Abdullah, dan *Merdekakan Cintamu* karya Dayangku Mastura Pg. Ismail.

BAHASA dan GAPENA juga menganjurkan dua program besar, iaitu Karnival Sambutan 40 Tahun BAHASA pada bulan Mac 2010, dan juga Hari Puisi Nasional ke-18 pada 25–27 Februari 2011, dengan tema “Peranan Penyair dalam Menjana Gagasan 1 Malaysia”. Kedua-dua program itu melibatkan tokoh besar bahasa dan sastera tanah air, khususnya dari GAPENA. Bersempena dengan Hari puisi Nasional ke-18 yang diadakan di Binsulok, Membakut, BAHASA dan GAPENA menerbitkan antologi puisi *Gema Membelah Gema 16* yang diselenggarakan oleh Jasni Matlani, Noordin Zainal Abidin (Norza) dan Sitti Rahmah G. Ibrahim. Antologi itu memuatkan karya puisi yang dihasilkan oleh para penyair dari seluruh Malaysia. Jamdin Buyong juga dinobatkan sebagai Tokoh Penyair Gapena bersempena dengan Hari Puisi Nasional ke-18 ini. Hari Puisi Nasional ke-18 ini meriah dan turut disertai para penyair dari seluruh wilayah nusantara.

BAHASA juga aktif menerbitkan buku dan pada tahun 2010, BAHASA telah menerbitkan lima buah buku bersempena dengan sambutan 40 Tahun BAHASA, iaitu kumpulan cerpen *Bagong* karya Sitti Rahmah G. Ibrahim, novelet *Racunda* karya Ruhaini Matdarin, kumpulan puisi *Skrip Aneh*, karya Jasni Matlani, kumpulan drama *Pewaris* karya Dayangku Mastura Pg. Ismail, dan kumpulan drama radio *Setinggi Puncak* karya Hajah Rubiah Nordin.

Pada 8–10 Februari 2012, BAHASA bersama-sama Pejabat Daerah Kecil

Membakut, Pejabat Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) N.24 Membakut, dengan kerjasama DBP Cawangan Sabah, Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Negeri Sabah, Institut Terjemahan dan Buku Negara (ITBN), GAPENA, dan Penulis Nasional (PENA) menganjurkan pertemuan bertaraf antarabangsa, iaitu Mahrajan Persuratan dan Kesenian Islam Nusantara, di Membakut, Sabah.

Mahrajan itu dirasmikan oleh ADUN N.24 Membakut, Datuk Haji Mohd. Ariifin Haji Mohd. Arif dan turut disertai oleh tokoh-tokoh sastera dan budaya yang terkemuka dari Malaysia, Indonesia, Singapura, Thailand dan Negara Brunei Darussalam. Antara yang terlibat sebagai pemakalah, termasuklah Habiburrahman El-Shirazy, Datuk Wira Dr. Latif Abu Bakar, Dr. Salleh Rahamad, Haji Hamzah Hamdani, Dr. Hashim Ismail, Jasni Matlani, Ramli Jusoh, S. M Zakir, Shamsuddin Othman, Rahimidin Zahari, Jalidar Abdul Rahim, Zafri Arif, Zubaidi Abas, Datuk Haji Muhibin Yusin, dan banyak lagi. Kira-kira 280 orang peserta dari seluruh wilayah Nusantara menyertai program mahrajan bertaraf antarabangsa di daerah Membakut itu.

Bersempena dengan Mahrajan itu juga buat pertama kali Anugerah Persuratan dan Kesenian Islam Nusantara diperkenalkan. Penerima pertamanya ialah tokoh novelis Islam dari Indonesia, Habiburrahaman El Shirazy, Haji Pengiran Maidin Abdul Rahman dipilih sebagai Tokoh Persuratan dan Kesenian Islam Negeri Sabah.

Program itu diteruskan dengan siri jelajah yang diadakan di Sandakan pada 4 Mac 2012 dan di Institut Pendidikan Guru, Keningau pada 21 Mac 2012. Kedua-dua siri jelajah mahrajan itu mendapat sambutan hangat daripada para pelajar dan aktivis persuratan dan kesenian Islam setempat.

BAHASA juga terus menganjurkan siri Hadiah Menulis Cerpen SEDCO-BAHASA dan *New Sabah Times* ke-4 dan terus

**Pada 8–10 Februari 2012,  
BAHASA bersama-sama Pejabat  
Daerah Kecil Membakut, Pejabat  
Ahli Dewan Undangan Negeri N.24  
Membakut, dengan kerjasama DBP  
Cawangan Sabah, Kementerian  
Pelancongan, Kebudayaan dan  
Alam Sekitar Negeri Sabah,  
Institut Terjemahan dan Buku  
Negara (ITBN), GAPENA dan  
Penulis Nasional (PENA)  
menganjurkan pertemuan bertaraf  
antarabangsa iaitu Mahrajan  
Persuratan dan Kesenian Islam  
Nusantara, di Membakut, Sabah.**

merancang pelbagai kegiatan termasuk menganjurkan bengkel penulisan bagi menyemarakkan kegiatan sastera, khususnya dalam kalangan generasi muda di negeri Sabah.

Seterusnya, BAHASA di bawah kepimpinan Jasni Matlani, tidak lupa memberi perhatian kepada pembangunan dan perkembangan penulis muda. Selain sering menjadi pembimbing kepada golongan penulis muda, beliau juga menubuhkan Biro Penulis Muda di bawah pimpinan Ruhaini Matdarin dan diletakkan di bawah seliaan Ahli Jawatankuasa Pusat BAHASA.

BAHASA era Jasni Matlani bukan sahaja aktif di peringkat negeri, malah di peringkat kebangsaan. Buat pertama kali juga BAHASA diberi kepercayaan duduk dalam Jawatankuasa Kerja GAPENA bermula tahun 2009 hingga tahun 2012. BAHASA juga aktif dalam menyuarakan hak penulis Sabah dan wilayah kepulauan Borneo semasa era kepimpinan beliau.

Sebagai Yang Di Pertua BAHASA yang ke-4, Jasni Matlani mempunyai visi dan hala tuju tersendiri dalam memacu kecemerlangan dan kegemilangan sastera di Sabah. Di bawah kepimpinan beliau, BAHASA telah

menggalurkan beberapa visi dan hala tuju seperti yang berikut:

1. Menjadikan Sabah sebagai dataran ilmu dan sastera Melayu yang penting di rantau Asia Tenggara;
2. Mengemukakan gagasan kepada kerajaan negeri Sabah agar menubuhkan sebuah Lembaga Bahasa dan Sastera Sabah (LBSS) untuk melindungi golongan penulis, sasterawan dan budayawan, seterusnya mengimarahkan lagi perkembangan bahasa dan sastera Melayu di Sabah;
3. Mendesak kerajaan Negeri Sabah agar menjadikan bulan Jun sebagai bulan Festival Puisi setiap tahun di Sabah (Festival Puisi ini telah diputuskan dimulakan di Sabah pada Jun 2009);
4. Mewujudkan Anugerah Sastera Borneo dan Sabah sebagai pusatnya bagi memberi peluang kepada penulis-penulis di kepulauan Borneo diiktiraf di peringkat tertinggi dan mengangkat mutu karya sastera Melayu di kepulauan berkenaan ke tahap sewajarnya.


Sesungguhnya, BAHASA memainkan peranan yang sangat besar dalam konteks perkembangan bahasa dan sastera kebangsaan di Sabah. Pertubuhan ini, tidak dinafikan telah membawa perubahan yang amat besar dalam isu memperkasa dan memartabatkan bahasa dan sastera kebangsaan di negeri ini. Melalui pelbagai kegiatan yang dianjurkan di pelbagai peringkat, BAHASA telah membuktikan dirinya sebagai satu-satunya pertubuhan yang begitu gigih dan aktif di Sabah, khususnya dalam memperjuangkan serta memperkasakan bahasa dan sastera kebangsaan.

---

# Fokus

---

W



## Puisi

---

Ratap Lidah Austronesia

*Apa guna kelahiran 2500 sebelum masihi  
kalau dewasanya kita wajarkan di rumah kebijakan  
hanya dikunjungi bila hati sayu dan lesu.*

*Apa erti milik 300 dialek sejagat  
kalau banyaknya kita buihkan di samudra  
gagah mengapung tanpa haluan  
lalu tak bisa menjadi gigi pantai dan bebunga karang.*

*Apa makna juara keempat dunia  
kalau wangi kasturinya kita bakhilkan  
di botol tiada nama, tiada aura  
dan hidung kita hanya mahu menghidu bau tulip  
orientalis.*

*Apa faedah weltanschauung Melayu abad itu  
apa faedah lingua franca Timur zaman itu  
apa faedah perantara dagang semesta masa itu  
apa faedah bahasa ilmuwan nusantara tika itu  
dan apa faedah tuturan politik kepulauan Melayu saat itu  
kalau kini, kita nobatkan ia di takhta sejarah antik  
yang nilainya hanya mimpi nostalgia nusa  
lalu kita payahkan jelmaan bayangnya  
meski tubuh realitinya di depan mata.*

*Penting apakah Perkara 152 Perlembagaan Malaysia?  
mustahak apakah Akta Kebangsaan 1967?  
istimewa apakah Laporan Razak 1956?  
kalau kita suramkan cahaya amanahnya di lorong  
'Tak Melayu hilang di dunia'  
kalau kita masih membenam etnosentrik diri dalam  
lopak zenosentrik asing.  
lalu kita memaksa ketakutan pada bayang sendiri  
meski madani bangsa mesti diungkapi bahasanya.*

*Lalu,  
mengapa masih berlidah Indo-Eropah?  
mengapa masih memeluk budaya penjajah?  
sedang ia tidak pernah membentungi kota perpaduan kita  
sedang ia pernah papa lalu melanun makmur bumi kita.  
sedang kera tidak bertukar manusia walau kita susukan  
sedang kita selamanya merintih dalam bahasa Austronesia.*

---

Ismail Ag Piut



# PERWILA dan Masa Hadapannya Melahirkan Penulis dan Karya Bermutu

oleh OTHMAN MAHALI

Persatuan Penulis Wilayah Persekutuan (WP) Labuan (PERWILA) ditubuhkan pada 18 Mei 1985, lebih kurang setahun setelah Labuan diisytiharkan sebagai Wilayah Persekutuan. PERWILA bertujuan untuk menyatupadukan para penulis WP Labuan serta mengasah bakat mereka dalam bidang penulisan.

Kini, setelah berusia lebih 27 tahun, PERWILA bukan sahaja dikenal di Malaysia malah, dikenal di Negara Brunei Darussalam, Indonesia, Singapura, dan Selatan Thailand. PERWILA telah melahirkan penulis-penulis puisi dan cerpen yang aktif berkarya antaranya termasuklah Norgadis Labuan (Masnah Mohd Ali), royal rmarm (Rafidah Mohamad), Suili Bakar ANS, Faten Hamama Abd. Hadi, Hajah Hasnah Sambas, Nadirah Junior, N.Athirah (Nurfatiyah Athirah Abbas). Pernah suatu ketika, karya penulis-penulis berikut (sekadar menyebut beberapa nama) seperti Maslia Puasa, Wahidah Mohd Yaacob, Alinah Yusof, Normadi Mohd. Nor, Matusin Ag. Damit, Mahani Aman, Noridah Atma, sering tersiar di dada akhbar tempatan sekitar tahun 1990-an.

Dalam usaha memupuk minat menulis dan memantapkan hasil penulisan sastera, PERWILA telah menganjurkan beberapa siri kursus dan bengkel penulisan sama ada cerpen ataupun puisi, dan skrip drama pentas/radio. PERWILA pernah menjemput penulis-penulis tersohor sebagai penceramah, antaranya termasuklah Keris Mas, Amil Jaya, A. Samad Said, Haji Hamzah Hamdani, Nordin Zainal Abidin, Ramli A.R, Ismaily Bongsu, dan beberapa orang penulis lagi. Untuk menjayakan program berkenaan, PERWILA

sering bekerjasama dengan DBP dan Jabatan Kebudayaan Persekutuan.

Dalam usaha untuk melahirkan penulis dan karya bermutu, beberapa peraduan menulis cerpen dan puisi telah dianjurkan oleh PERWILA. Pada tahun 2009, PERWILA telah mengadakan peraduan menulis cerpen yang bertemakan pembangunan Labuan semenjak diisytiharkan sebagai WP. Sebanyak 15 buah cerpen dari sepuluh penyertaan telah diterima. Cerpen-cerpen berkenaan telah pun diantologikan dengan judul, *Peluru Cinta Victoria* dan diterbitkan oleh PERWILA pada tahun 2011 dan dicetak di Miri. Kini, buku tersebut telah dicetak kali kedua. Sebelum buku itu terbit, PERWILA pernah menerbitkan beberapa buku antaranya termasuklah *Antologi Puisi Sepulau Sekasih Kita* yang diterbitkan pada tahun 2009, *Kumpulan Puisi Setia Mengalir* karya Norjannah MA dan *Kumpulan Cerpen Komedi Aarrgghh Kantoinya Aku*, hasil tulisan Rafidah Mohamad.

Terkini, PERWILA menganjurkan peraduan menulis cerpen yang bertemakan kehidupan masyarakat Labuan semenjak tahun 1985. Penulis juga digalakkan menghasilkan karya berbentuk futuristik Labuan. Peraduan ini akan ditutup pada 31 Julai 2012. Diharapkan semua karya hasil peraduan ini kelak dapat dibukukan dan diterbitkan untuk tatapan pembaca di WP Labuan atau di luar WP Labuan.

Pada masa ini, sejak bulan Februari 2012 yang lalu, PERWILA mengadakan ceramah sastera di sekolah-sekolah menengah, yang

bertujuan untuk mempromosi dan menjual buku-buku terbitan PERWILA di samping membantu pelajar untuk menghasilkan sebuah karya sastera yang bermutu. Sambutan pihak sekolah dan pelajar untuk menjayakan program ini amatlah menggalakkan.

Untuk jangka masa panjang dan pendek PERWILA akan mengadakan kerjasama dengan pihak Kolej Matrikulasi Labuan (KML). Sebelum ini, pihak PERWILA, iaitu melalui Biro Bahasa dan Sasteranya mengadakan perbincangan dengan wakil KML. Pada dasarnya, kedua-dua pihak bersetuju mengendalikan beberapa aktiviti bersama dengan pensyarah dan pelajar. Program yang dicadangkan mungkin akan dimulakan pada bulan Mei. Namun, semua itu bergantung pada kemampuan untuk mendapat sokongan daripada beberapa pihak, termasuk peruntukan dari Pejabat Ahli Parlimen Labuan dan juga DBP Kuala Lumpur atau DBP Cawangan Sabah. Antara aktiviti yang dikenal pasti ialah bengkel penulisan kreatif – cerpen, puisi dan skrip drama radio kepada para pelajar yang berminat. Program ini akan dijalankan secara bersiri kerana bilangan pelajar yang banyak. Selain itu dicadangkan kursus atau bengkel penggunaan bahasa Melayu dan ejaan yang betul kepada pensyarah serta kakitangan sokongan. Aktiviti lain ialah majlis pengucapan puisi santai dan sayembara menulis cerpen dan puisi yang hasilnya kelak




Antara buku terbitan PERWILA.

akan dapat dibukukan. Aktiviti ini akan dijalankan oleh PERWILA bersama KML. Bagi menjayakan program ini, PERWILA sangat mengharapkan bantuan kewangan dan juga tenaga dari DBP dan pihak swasta.

Di samping itu, PERWILA dengan kerjasama Labuan FM telah pun memulakan program *Gemersik Citra Suara Hati* di bawah kelolaan DJ Salbiah Ajis. Program ini disiarkan dua kali sebulan, iaitu pada malam Sabtu pukul 9.00. Program ini menyiaran hasil karya penulis-penulis PERWILA yang berbentuk cerpen dan puisi. Semua karya yang tersiar akan mendapat bayaran daripada pihak Labuan FM. Penulis-penulis PERWILA diminta terus menghantar karya-karya mereka kepada penerbit agar program ini akan berjalan mengikut jadual.

Ahli PERWILA terdiri daripada pelbagai

golongan, antaranya terma-suklah pegawai-pegawai kerajaan, pekerja swasta, individu yang bekerja sendiri dan pelajar-pelajar sekolah menengah. Penyertaan terbuka kepada rakyat Malaysia tanpa mengira keturunan dan fahaman agama. Mereka yang berminat boleh mendapatkan Borang Ahli daripada Setiausaha dan melengkapannya serta membuat bayaran pendaftaran dan yuran seperti yang dikehendaki dalam borang. Setakat ini ahli PERWILA melebihi 100 orang. PERWILA akan terus bergiat aktif tanpa had waktu demi matlamat penubuhannya. **W**





# Tajsis Kasih

oleh AL FAZLI HMS

**T**atkala Lugam dan dua orang lelaki berpakaian kemas itu berjalan menyusur denai di belakang rumah menuju ke sempadan tanah di belakang, Ludin terus mundar-mandir keresahan di halaman rumah seresah dedaun kering yang berserakan di halaman yang sesekali ditiup angin sehingga bertaburan. Dari tadi tidak siap-siap disapunya, ranting-ranting kecil kering di bawah pohon mangga juga belum dikumpulkannya. Burung-burung serindit yang berkicau di pohon mangga tadi, senyap sepi, terbang membawa diri entah ke mana seolah-olah tidak sanggup menghiburkan hati Ludin yang sudah hilang keceriaan hari ini, tidak seperti awal pagi tadi. Fikiran Ludin berkecamuk mengingat perangai Lugam yang suka mencipta masalah sendiri.

'Business! Business! Business! Business hantu barangkali!' katanya geram sendirian sambil berjalan menuju ke bawah pohon mangga di hadapan rumah mereka dengan selipar jepun yang hampir putus talinya. Sapu lidi masih lagi dipegangnya ke sana ke mari, sesekali menyapu daun-daun kering di halaman rumah itu. Kemudian berdiri menoleh perlahan ke sana-sini melihat sekeliling, keceluaran.

'Fuuuh!' desisnya perlahan sambil menghirup udara nyaman menenangkan fikiran. Ada sesuatu yang ingin dinikmatinya. Kerinduan. Cinta kasihnya pada tanah ini. Sekian lama tinggal di sini semakin mendalam sayangnya pada tanah ini. Tanah pusaka arwah ayah dan ibu.

Kress! Kress! Kress! Ludin menyambung semula kerjanya sambil menguis-nguis daun

kering yang melekat di tanah dengan menggunakan sapu lidi. Daun yang terlepas dari bilah-bilah penyapu lidi itu renyah terpijak kaki Ludin. Kalau beberapa bulan lepas daun-daun ini cantik menghijau, terawang rendang semat dahan, lebat dipandang mata, tempat Ludin berteduh di bawahnya, tapi sekarang daun-daun itu telah kering dan berguguran. Sempurna sudah tanggungjawab si daun kering kepada induknya, si pohon mangga. Namun, ada juga daun-daun masih hijau subur turut sama gugur ke bumi, tidak sempat berpaut lama.

'Adakah aku juga akan sama seperti daun hijau ini ... tidak sempat melaksanakan amanah sebelum meninggal dunia,' tiba-tiba terlintas perkara itu dalam fikiran Ludin.

Sejak tadi Ludin tidak sepenuh hati membuat kerja-kerja rutin hariannya itu, fikirannya asyik melayang. Namun tidak berhenti menyapu daun-daun kering yang kadang-kala bergolek ditiup angin.

Ludin berhenti seketika. Ada sesuatu yang membuatnya terpanggil menoleh ke belakang. Pandangannya tertumpu ke tanah kuburan ibunya yang masih merah lagi. Tidak jauh dari belakang rumah, lebih kurang 50 meter sahaja. Kelmarin baru selesai Ludin menyempurnakan amanah arwah ibunya. Membina pagar simen *baluster* sekelilingnya, tiga kaki setengah tingginya, lantainya juga dipasangkan jubin, cantik. *Tajsis* kubur ini terbina dari tangan yang begitu ikhlas penuh kasih sayang dan teliti hasilnya. Binaannya amat teliti, hasil sentuhan tangan-tangan kasar Ludin yang sudah kemalu yang biasa melakukan kerja-kerja binaan. Hasil binaannya lebih teliti dan halus berbanding kebiasaannya yang Ludin bina dari mengambil upah bekerja di tempat orang. Batu nisan yang ditempahnya di kampung sebelah juga telah dipasangnya menggantikan kayu nisan sementara hari itu. Tanah yang sedikit mendap juga telah ditambahnya, siap dengan sempurna. Lugam pun banyak membantu kali ini.

Sebelumnya, ada bilah-bilah kecil buluh

runcing dicacak 'X' memanjang di sepanjang tengah-tengah kuburan itu yang sudah kering menguning telah dibuangnya. Bilah-bilah kecil buluh runcing dibuat bertujuan untuk mengelak daripada binatang liar seperti anjing datang menggali kubur itu andai kata terhidu bau jenazah di dalam yang disangka bangkai makanan. Selain itu, ada kepercayaan mengatakan ketika jenazah baru 'turun tanah' masa inilah banyak makhluk halus berminat menggali kubur tersebut. Jadi, bila melihat buluh runcing itu di situ, akan terhalanglah niat mereka, takut terbelit atau tercucuk pada buluh tersebut. Tapi itu semua kepercayaan orang di kampung. Ikon sajalah, kalau tidak bising pula nanti.

Pokok langsat yang bersebelahan dengan kuburan ibunya juga sudah ditumbangkannya. Dulu lebat buahnya, manis pula tu. Masa kecil-kecil dulu pokok langsat itu tempatnya bertenggek sambil memakan buahnya. Dia takut bila berbuah nanti ada sesiapa termakan pula. Haram memakan buah-buahan yang tumbuh di tanah perkuburan, kerana tentu sagu orang yang meninggal itu turut menjadi sumber khasiat tumbuhan untuk tumbuh membesar seterusnya menghasilkan buah. Tambahan tambahan ini kuburan ibunya sendiri.

Ludin menarik nafas panjang. Kini ingatannya tertumpu pada ibunya yang tersayang. Bunyi daun-daun pisang yang mengepak-ngepak dipukul angin, berhampiran jalan masuk ke rumah itu mengimbas semula nostalgia lama bersama ibunya. Seperti pemergian ibunya baru beberapa hari, walaupun kenduri 100 hari baru selesai bulan lepas.

'Cepatnya masa berlalu,' Ludin berbisik pada dirinya sendiri.

Dulu, sebaik sahaja geran itu diperoleh ... sekitar dua tahun berikutnya, ada jalan raya besar dibina di hadapan. Sebahagian tanah ini telah diwartakan untuk pengambilan balik tanah bagi projek berkenaan. Kini, keluasan tanah mereka tidak sampai dua ekar lagi, dulu

dua ekar lebih. Daripada wang pampasan tersebut dapatlah mereka membaiki rumah membaiki bumbung rumah dan membina warung kecil berhampiran jalan.

Suatu ketika, semasa Ludin dan ibunya berehat di serambi rumah sambil menghirup secawan kopi dengan sukun goreng ... Ludin terperanjat bila ibunya menyatakan bahawa dia telah mengasingkan RM3,000.00 daripada wang pampasan itu untuk persediaannya bila sampai waktu 'binasa badan'. Tersentak Ludin mendengarnya, mahu saja gelas di tangannya terlepas, sempat diletaknya semula atas *cuit* tapi agak senget. Dia merenung tepat wajah ibunya yang penuh dengan garis-garis kedut seribu, melakar di setiap inci wajah ibu kesayangannya ini. Muka yang sudah cukup letih menanggung beban membesarkan mereka sebagai ayah dan ibu di rumah ini.

Jelas ibunya, wang itu sebagai persediaan sekiranya beliau meninggal dunia, termasuk perbelanjaan pengurusan jenazah, kenduri dan memperelok pusaranya. Arwah ibunya mewasiatkan agar dikebumikan di tengah-tengah bahagian tanah ini, di belakang rumah. Wang RM1,000.00 lagi itu khas untuk memagar dan memperelok kuburan itu nanti. Ludin hanya tunduk diam mendengar permintaan ibunya. Kuih sukun goreng masih dipegangnya, tiada selera untuk meneruskannya. Baki kuih yang masih dalam mulutnya dikunyah perlahan. Telinganya jelas mendengar setiap patah perkataan ibunya.

"Binakan *tajsis* di pusara ibu nanti, untuk kebaikan kamu juga. Agar kamu sentiasa mengingati ibu dan siapa sahaja yang lalu di tanah ini sedar 'kehadiran' ibu di sini," kata ibu Ludin seolah berseloroh bila melihat Ludin anak kesayangannya kelihatan sugul sejak awal perbualan mereka.

"Tapi ibu tidak mahu dibangga-banggakan. Sekadar kamu tahu di situ kubur ibu sudah cukup. Jadilah anak yang baik, ibu bapa juga akan menuai pahala di alam barzakh dan akhirat kelak," jelas ibunya lagi.

**“Ludin, satu lagi. Ingat tanah  
inilah satu-satu harta yang dapat  
ibu tinggalkan untuk kamu  
berdua. Kamu jaga dengan baik,  
jangan sampai jatuh ke tangan  
orang lain,” tambah ibunya agak  
sayu, tersekat-sekat, sebak  
bunyinya.**

“Ibu namakannya ‘Tajsis Kasih Ibu’, bolehkan Din?” tambah ibunya senyum sambil menghulur wang RM4,000.00 itu kepada Ludin. “Ibu, jangan bercerita soal mati. Ajal maut di tangan tuhan. Mungkin saya yang pergi dulu. Lagipun membuat binaan di kuburan begini dilarang dalam agama Islam. Tidak boleh ... seolah-olah minta dimegah-megahkan pula,” sanggah Ludin sayu, agak sebak suaranya, tunduk menyembunyikan air matanya yang mula bergenang di kelopak matanya.

“Walaupun berat, bukanlah niat ibu minta dimegah-megahkan oleh orang ataupun anak cucu ibu dengan berbuat begini. Mudah-mudahan tuhan mengampuni ibu, lagipun ini tanah kita sendiri, bukan tanah perkuburan awam...” bait-bait kata ibunya agak serius itu masih melekat kuat di ingatannya.

“Bukan untuk bermegah, Din,” tegas ibu Ludin lagi.

“Ibu sudah bertanya dengan ustaz niat ibu. Ibu ada maksud lain, bukan itu. Sampai masanya kautahu juga nanti mengapa ibu berbuat begini, laksanakanlah. Kau sahaja yang ibu boleh harap,” pesan ibu memandang tepat ke wajah Ludin yang tunduk dan membisu dari tadi.

Berat hati Ludin mendengar permintaan

ibunya. Hidup-hidup lagi sudah membincangkan soal mati, seolah-olah esok ibunya sudah muh meninggalkan mereka. Walaupun Ludin tidak dapat menangkap tujuan ibunya berbuat demikian, namun dia berjanji dengan dirinya untuk melaksanakan tanggungjawab itu dengan terbaik. Dia berdoa agar Allah memanjangkan umurnya dan diberi kesempatan melaksanakan amanah ibunya ini.

Berat Ludin menerima amanat itu, perlahaan tangan Ludin menerima wang dari tangan ibunya. Ludin memegang erat wang RM4,000.00 itu. Ibunya memandang tepat wajah Ludin dengan penuh pengharapan agar Ludin faham maksud tersiratnya tadi.

Itulah kisah yang mereka bualkan, langsung dia tidak boleh dilupakan oleh Ludin, biar mati hidup semula, sangat meresap dalam ingatannya.

“Ludin, satu lagi. Ingat tanah inilah satu-satu harta yang dapat ibu tinggalkan untuk kamu berdua. Kamu jaga dengan baik, jangan sampai jatuh ke tangan orang lain,” tambah ibunya agak sayu, tersekat-sekat, sebak bunyinya.

“Sekarang ibu tidak lagi sihat seperti dulu. Ibu bersyukur kepada Allah kerana memberi ruang kesihatan dulu untuk menyempurnakan hasrat arwah ayahmu. Nama kamu adik-beradik telah ada dalam geran ini. Esok lusa kalau ibu ‘pergi’ pun, ibu sudah bersedia,” tambah ibu Ludin, dengan nada yang amat menyentuh perasaan Ludin. Tidak sanggup Ludin mendengarnya. Semakin laju air mata Ludin mengalir membasahi pipinya.

Lantas ibunya berdiri menuju ke dapur, mungkin sedang menyembunyikan rasa sebaknya tadi. Air mata Ludin yang bergenang membasahi pipinya, balik-balik dikesatnya dengan baju T kesayangannya, baju basahan peninggalan arwah ayahnya yang agak lusuh.

Rawan hati Ludin mengingatinya. Ada butir-butir manik halus menitik di pipinya, cepat-cepat disapunya. Tiga ekor anak ayam lalu di hadapannya mencuri pandangan, sedang

mencari makan, menguis-nguis timbunan daun yang dikumpul oleh Ludin tadi. Nasib mereka serupa, anak-anak ayam ini juga baru kehilangan ibu minggu lepas ... mati dilanggar kereta yang lalu-lalang di hadapan rumah. Namun, anak-anak ayam ini sudah mampu berdikari mencari makan sendiri, ke sana ke mari sentiasa bersama-sama. Alangkah baiknya jika dia dan abangnya Lugam juga begitu, mesra dan akrab. Ini tidak, masing-masing membawa diri ... ada sahaja kesibukan Lugam, tapi entah apa urusannya.

Ludin berjalan menuju ke pohon mangga, membiarkan anak-anak ayam itu terus menyelongkar timbunan sampah daun keringnya. Biarlah, dia tidak marah, nanti disapunya semula. Beri ruang kepada mereka mencari rezeki dulu. Dia duduk di bangku kayu usang di tepi pohon itu, berehat sebentar.

Entahlah ... hatinya masih tidak enak, tidak setenang seawal pagi tadi. Fikirannya masih tertumpu dengan kehadiran dua orang luar datang ke rumah mereka. Seorang Pegawai Bank dan seorang lagi Pegawai Penilaian harta tanah. Ludin mendapat tahu apabila masing-masing memberikan kad nama mereka. Tadi, Ludin yang menemui mereka sebaik sahaja turun dari kereta pacuan empat roda jenama Toyota itu. Kebetulan dia di halaman rumah.

Sebaik sahaja Lugam turun dari rumah menemui pegawai-pegawai tersebut, Ludin meninggalkan mereka pergi, tapi sempat juga telinga Ludin menangkap perbualan mereka. Apa yang Ludin faham, Lugam membuat pinjaman di bank dengan mencagarkan geran tanah. Pegawai Penilaian itu datang untuk membuat lawat periksa ke atas tanah ini bagi menyediakan laporan penilaian untuk pihak bank. Laporan penilaian tersebut akan dijadikan panduan tentang jumlah kewangan yang mereka boleh berikan selain kelayakan dari pendapatan bulanan peminjam sendiri. Pegawai Bank itu pula turut serta untuk mendapatkan gambaran umum persekitaran tanah cagaran ini.

Kini, kedua-dua pegawai itu sedang

berbual dengan Lugam, abangnya yang agak pendek gempal, berseluar panjang hitam dengan baju kemeja pendek lengan. Gaya Lugam ala-ala gaya bos, rancak berbual, sekali-sekala diselangi gelak ketawa. Meskipun mereka agak jauh dari tempat Ludin duduk, namun perbualan mereka masih jelas kedengaran.

Mereka rupanya telah ada temu janji dengan Lugam untuk lawat periksa tanah pada pagi ini, tanpa pengetahuan Ludin. Pakaianya kemas, tersusun tutur katanya, agak mesra. Tapi kemesraan mereka itu belum cukup membuat hatinya tenang. Bab-bab tanah ini memang kepantangan Ludin. Mengapa masa ibu ada di dunia ini, soal ini tidak timbul. Bila sudah tiada, ada pula orang luar yang tiada bersangkut paut pasal tanah ini datang tanya itu dan ini. Apa sudah jadi dengan abangnya ini.

'Mahu menjual tanah emak ini barangkali,' terlintas di benaknya. Huh! Naik geram Ludin melihat muka tetamu itu tadi, tapi disimpannya sahaja dalam hati. Banyak prasangka dalam kepalanya bila sebut soal tanah sahaja. Sebenarnya bukan hatinya tidak sudi menerima tetamu. Tapi, tujuan kehadiran mereka yang membuat hatinya gundah. Segundah hati ibunya menantikan geran tanah ini sekian puluhan tahun. Cukuplah sebahagian hayat ibunya dikorbankan ke sana ke mari, turun naik pejabat mengejar urusan tanah ini. 'Jangan pula Lugam buat gila dengan tanah ini. Ini perjuangan ibu.' Sakit hati Ludin.

Entahlah, apa lagi abangnya buat kali ini dengan tanah peninggalan kedua arwah orang tuanya. Selama ini banyak urusan itu dan ini, dia pun tidak faham, tidak diberitahu pun. *Business* konon. Entah berapa banyak betul *Business*nya itu dan ini, asyik tidak menjadi saja. Dulu bertanam dan berniaga jagung, lepas itu menjual ikan air tawar konon, berkongsi perniagaanlah, kontraktor, entah macam-macam lagi. Tapi tiada satu pun yang berjaya. Paling lama bertahan tiga bulan. Lepas itu adalah masalah yang timbul. Hanya alasan,

alasan, alasan dan alasan sahaja yang terpacul keluar dari mulut Lugam. Tapi tidak ada satu pun alasan yang ingin menyalahkan diri sendiri, semuanya menuding kesalahan orang lain. Belum betul-betul faham tentang selok-belok perjalanan perniagaan, sudah memandai-mandai melabur, lagaknya macam hebat dan pakar pada mulanya. Campur tolak congaknya, semua untung, tiada yang rugi, seolah-olah tiada satu pun risiko setiap perniagaan yang diceburinya. Kalau tiada risiko, tentu semua orang kaya di dunia ini. Alasan Lugam, belum cuba, belum tahu!. Itu sahaja balik-balik.

Bagi Ludin, apa lagi mahu dicuba-cuba, kalau gerak hati sudah tahu akan rugi. Buang masa, buang duit. Bukan sikit, kadang-kadang sampai beribu ringgit. Biasanya langsai begitu saja. Duit ibunya yang selalu jadi mangsa. Bayar tiada! Susah-susah mengumpul duit, senang-senang saja Lugam membuangnya.

Ludin melirik ke arah mereka yang berjalan menuju ke arah kuburan ibunya sambil berbual-bual. Seorang daripadanya membawa fail, yang seorang lagi membawa kamera digital dan satu alat seperti telefon bimbit.

“Inilah *Global Positioning System (GPS)*. GPS digunakan untuk menentukan kedudukan kita di bumi dengan tepat. Kami menggunakan untuk menentukan kedudukan sempadan atau lokasi sesebuah tanah,” jawab pegawai penilaian yang agak kurus lampai itu, memberi sedikit penerangan kepada Ludin sementara menunggu Lugam turun dari rumah tadi.

Tadi, memang Lugam mengajak Ludin bersama-sama mereka. Ludin enggan, dengan alasannya ada banyak kerja lagi di halaman ini. Berat hatinya turut serta. Berat memikirkan tentang tanah dan kuburan ibunya. ‘Ada sesuatu yang tidak kena dengan tindakan Lugam ini,’ fikirnya dalam hati.

Sanggup Ludin tidak mempunyai wang asalkan tanah ini tidak jatuh ke tangan orang lain. Lugam telah membuka ruang ini kepada orang lain, andai kata dia tidak mampu

membayar pinjaman itu nanti. Boleh putih mata dibuatnya.

“*Palis-palis* kalau dilelong,” tersentak Ludin bila teringat perkataan ‘lelong’ itu.

Lugam sudah mempunyai dua orang anak hasil perkongsian hidup dengan Kakak Rosyati, cikgu di sekolah rendah dekat bandar. Kedua-dua budak yang comel itu ... Tahun 1 dan Tahun 3, sekolah di tempat ibunya mengajar. Tengah hari nanti baliklah mereka bertiga bersama-sama. Ludin di rumah menjadi ‘suri rumah’, tukang masak, membersihkan rumah atau apa-apa sajalah kerja lelaki dan perempuan di rumah semua dibuatnya. Walaupun kakak iparnya selalu melarang Ludin buat itu dan ini di rumah, tetapi Ludin tetap membuatnya kerana sudah biasa.

Berapa kali dicarikan jodoh untuk Ludin, tapi Ludin menolaknya. Belum ada ‘lambaian’ lagi jawab Ludin selalu, diiringi dengan gelaknya. Dia hidup bahagia begini, menumpang kasih sayang dengan keluarga abangnya, anak-anak buahnya pun sangat sayang dengan Ludin. Ludin sangat senang melakukan kerja-kerja itu di rumah sekarang, ikhlas di hatinya. Kecualilah sekiranya suatu hari nanti dia tidak diperlukan lagi di rumah itu. Banyak kenangan dan memori manis tinggal di rumah itu, sejak dia mula merangkak sehingga mempunyai anak buah ini. Semua tersusun rapi di mindanya, kenangan di rumah hasil ketukangan arwah ayahnya.

Tersentak dia dari lamunannya. Ludin bangun meneruskan kerjanya membersihkan daun-daun kayu yang berselerak di halaman, anak-anak ranting kayu yang berjatuhan semalam ditiup angin dikutipnya, dikumpul di tempat biasa. Petang nanti dibakarnya, boleh juga menghalau nyamuk-nyamuk dari kawasan rumah mereka.

Bunyi bising kenderaan lalu lalang di hadapan rumah tidak mengganggu kerja-kerja di situ. Kebisingan itu sudah tidak diendahkan lagi. Lumrah! sejak tiga tahun yang lepas. Jalan dua hala berturap di hadapan inilah

menjadi laluan alternatif ke bandar. Banyak kenderaan lalu-lalang, laju-laju pula, mentang-mentanglah jalan lebarnya rata dan lurus. Nasib baiklah tiada "mat rempit" di tempat ini. Kalau ada, entah apa akan jadi dengan nyawa-nyawa mereka.

Adat semut, di mana ada gula adalah semut, di mana ada pembangunan di situlah orang macam dua orang ini mengambil kesempatan. Bila memberi pinjaman, semunya baik dengan senyum muka manis. Tapi bila sudah bab lelong atau terlambat bayar semua kemesraan itu hilang.

'Soal nilai kemanusiaan mana ada sudah masuk buku,' kata Ludin dalam hati penuh kebencian di raut wajahnya. Hidup macam ayam di jalanan, kalau melintas, jangan harap kereta berhenti atau memperlahangkan kenderaan bagi laluan. Mati, matilah. *Not my business!*

Ayam-ayamnya entah berapa ekor sudah menjadi mangsa korban jalan raya ini. Daripada 22 ekor, kini tinggal 'laki bini' saja lagi yang tinggal. Itu pun macam pencen sudah bertelur. Ada sahaja yang mati dilanggar kenderaan. Terutama lori-lori tanah yang keluar masuk di tapak projek berhampiran. Sibuk, boleh katakan kiri kanan depan belakang, semua projek pembinaan perumahan dan rumah kedai.

'Hai! Nasib baiklah atas langit dan bawah tanah ini tidak boleh buat rumah, kalau boleh, situ pun mahu juga dibuat mungkin. Menyusahkan orang saja.' Terlintas di fikiran Ludin bila melihat kawasan projek tersebut yang menjadi penyebab kawasan jalan turut berdebu seperti fikirannya yang bercelaru kekaburan oleh sebab dilitupi debu-debu amarah, kegeraman, rindu dan sebak.

Biarlah orang dengan pandangan hidupnya dan kemajuan yang dikehendaki. Ludin tidak mahu tanah ini juga menjadi korban. Dia sanggup terkorban mempertahankan tanah ini andai kata tanah ini juga dikorbankan untuk

pembangunan begitu. Cukuplah penderitaan ibunya mempertahankan tanah ini telah berlalu. Kini, dia tekad melaksanakan amanah ibu yang kedua ini. Kalau selama ini dia asyik berdiam diri, sudah sampai masanya dia bersuara di hadapan abangnya. Tunggulah dua orang pegawai itu balik, ini soal adik-beradik. Memang dasar Lugam memandai-mandai buat keputusan sendiri, soal pinjaman bank ini pun dia tidak tahu.

'Sabar! Sabar!' Ludin menenangkan perasaannya. Kalau ikut hatinya yang tidak beradat itu, mahu saja dia terus memaki hamun dan menghalau dua orang pegawai itu balik. Tapi Ludin nekad untuk berbincang dengan abangnya baik-baik selepas ini, biarlah depan kakak iparnya. Ada juga orang tengah mereka, andai kata ada apa-apa yang berlaku nanti. Lagipun kuasa masih ada di tangan Ludin, setengah daripada bahagian tanah ini masih atas nama Ludin dan setengahnya lagi atas nama Lugam. Nama mereka berdua ada dalam geran. Lagipun tanah ini tidak boleh dicagarkan berasingan mengikut bahagian masing-masing. Tiada *indent agreement* atau perjanjian pembahagian ruang dibuat antara mereka untuk menentukan ruang masing-masing di tanah tersebut. Yang pasti, sekiranya Lugam ingin membuat pinjaman mesti melaluinya juga untuk tandatangan persetujuan mencagarkan tanah itu.

'Kalau soal pengurusan tanah ini, meskipun aku tiada pelajaran tinggi, tapi banyak perkara yang sudah aku ketahui dan lalui. Jauh dari pengalaman Lugam sendiri,' kata Ludin dalam hatinya.

Ludin mengingati dia dengan ibunya turun naik pejabat tanah sejak dia kecil sehingga turun naik di tangan ibunya. Banyak ilmu yang ditimbahnya sepanjang turun naik di pejabat-pejabat kerajaan yang terlibat dengan pengurusan tanah itu. Orang yang datang ke pejabat, datang dengan pelbagai masalah masing-masing. Ludin suka mendengarnya sementara menunggu giliran ibunya. Menjadi

pendengar dan pemerhati yang baik pun sudah cukup membantunya memahami selok-belok pejabat kerajaan. Tempoh 25 tahun cukup baginya dan ibunya turun naik ke pejabat. Lugam kalau diajak menemani ibunya ke pejabat ada saja alasannya untuk menolak.

'Ah pedulikan. Berbahaslah kami nanti.' Ludin melupakan seketika peristiwa lalu itu.

Pandangannya beralih ke rumah mereka

pelbagai. Rumah itu juga adalah ibarat 'tajsis kasih ayah' buat isteri dan anak-anaknya.

Sungguh cantik binaan rumah ini. Lima puluh kaki lebar, 80 kaki panjang. Semua dari kayu terpilih. Ada sedikit ukiran di pangkal atas tiang kaki lima dan alang pintu masuk. Pernah sekali seorang lelaki, orang luar berkata, corak ukiran itu menyamai corak ukiran tertua yang ditemui di Gua Supu Kinabatangan yang



yang sederhana besar, cantik dan comel baginya. Rawan hatinya melihat, peninggalan arwah ayahnya. Ada nilai kasih sayang yang mendalam terhadap rumah kecil di hadapannya ini. Rumah ini hasil pertukangan arwah bapanya lebih 50 tahun yang lalu. Di sinilah mereka dibesarkan. Di sinilah kegembiraan. Di sinilah kesedihan. Ada yang datang dan ada yang pergi tidak kembali lagi. Di rumah inilah banyak mencatat sejarah dalam hidupnya yang

mencecah lebih 1000 tahun. Ketika itu Ludin membantu lelaki berkenaan menukarkan tayar kenderaannya yang kebetulan pancit di jalan berhampiran depan rumah. Lelaki itu benar-benar tergamam melihat ukiran yang cantik dan berseni itu. Sempat orang tersebut meminta izin untuk mengambil beberapa keping gambar corak dan ukiran di rumah itu sebelum meneruskan perjalanan.

Ludin pun tidak faham apa istimewanya

ukiran itu di mata lelaki itu. Dari kecil lagi Ludin sudah melihatnya, biasa saja. 'Inilah barangkali masalahnya kalau tidak sekolah tinggi, darjah enam saja, apa pun tidak tahu,' fikirnya sambil melihat orang itu pergi dengan *T-shirt* kuning ada tertera di belakangnya 'Hari keluarga, Bahagian Konservasi dan Arkeologi'. Muat terbelit sahaja lidah menyebutnya. Baginya inilah satu-satunya rumah peninggalan bapanya yang telah meninggal dunia tanpa nisan, hilang karam di sungai semasa kerja di kem kayu balak ketika Ludin berusia enam tahun.

Terbayang kembali bagaimana ibunya yang bertubuh kecil, pelat dengan bahasa Sungai Sukangnya itulah yang bertungkus lumus mengurus tanah ini sehingga memperoleh geran tanah sebelum beliau meninggal dunia. Terkenang bagaimana sedih mengingat perjuangan ibunya mendapatkan hak milik tanah peninggalan arwah ayahnya. Ibu turun naik ke pejabat kerajaan untuk mengurusnya. Bukan setahun dua, tapi puluhan tahun. Bayangkan, dua tahun sebelum masuk darjah satu hinggalah tiga tahun lepas baru geran tanah itu diperoleh. Macam-macam saja masalah yang dihadapi oleh ibunya ketika berurusan di pejabat-pejabat berkaitan. Ada saja alasan yang diberikan oleh pegawai-pegawai berkenaan bila ditemui.

"Urusan ini dalam perhatian kami. Fail makcik belum ditemui dalam simpanan kami... kami sedang berusaha mencarinya. Permohonan ini bertindan dengan orang lain. Makcik sabarlah, permohonan ini akan dibawa ke LUC *meeting*. Bos kami sedang bercuti...makcik datanglah esok."

Kesian betul melihat riak wajah ibu, muah menangis pun ada. Kalau perkataan 'esok' tidak tahu berapa ratus kali sudah diungkapkan. Perbelanjaan datang ke pejabat ini sahaja berpuluhan ringgit setiap kali datang, belanja makan, minum dan tambang. Datang setakat mendengar perkataan 'nanti esoklah'. Macam-macam lagi alasan itu dan ini, macam ada skrip pula.

Kalau soal watak, macam-macam 'pelakon' sudah dilihatnya di pejabat-pejabat kerajaan itu. Macam-macam jenis lakonan yang dimainkan. Ada yang berlagak seolah-olah sangat mengambil perhatian perkara itu dari dahulu, ada yang pura-pura serba tahu, macam-macamlah. Bukan apa, sekadar mengelak dari disalahkan dan kelihatan bekerja. Pegawai dan keraninya sama sahaja, walaupun ada segelintirnya yang bersungguh-sungguh menjaga tugasnya dan berpegang kepada etika kerja jabatan dengan cemerlang. Ibu Ludin pun berurusan main serbu sahaja, bukan ada kenalan, bukan berpelajaran. Tapi itulah kelebihannya kalau rajin bertanya, tidak akan sesat jalan. Ibu Ludin sentiasa bertanya tentang sesuatu kemosyikilan dengan pegawai-pegawai yang berdedikasi dan berintegriti dengan tugasnya. Sampai sekarang ramai kenalan Ludin di pejabat-pejabat itu, ada antaranya telah penced.

Tidak kira panas terik, hujan lebat, puasa atau apa pun keadaan, kalau tiba masanya ibunya mengejar urusan itu di pejabat, pasti beliau akan berusaha sedaya upaya untuk sampai ke sana. Ludinlah temannya. Entah berapa kali sudah Ludin terpaksa ponteng sekolah menemankan ibunya ke pejabat. Kalau dibiarkan siapa lagi yang menemani emaknya. Kalau harapkan Lugam, payah benar nampak batang hidung di rumah. Ada sahaja alasannya, sekali sekala itu ada juga. Tapi bila Lugam ikut cerewetnya bukan main di sepanjang jalan, beli itu, beli ini, baru muah jalan. Betul-betullah! Kalau di pejabat pula, macam bola saja Ludin dan emaknya dibuat oleh orang pejabat, sekejap suruh ke sana, sekejap suruh ke mari.

Oleh kerana terlalu kerap turun naik pejabat tersebut, Ludin hafal benar perjalanan ke sana. Biar ditutup mata pun dia boleh sampai. Kalau dari perhentian bas, 83 langkah ke kiri, pusing ke kanan 152 langkah betul-betul depan anak tangga pertama pejabat. Berderap bunyi hentakan kasut 'adidas kampung' Ludin di setiap anak tangga.

Matanya dipejamkan, suaranya seakan berbisik mengira setiap langkahnya, tapi masih jelas kedengaran. Ibu Ludin sering kehairanan, apa saja yang dimainkan oleh Ludin. Tapi selalunya bunyi seretan selipar jepun ibu Ludin yang haus itu menutup suara kecil Ludin dari pendengaran ibunya. Kemudian, dari bawah anak tangga pertama, naik lima anak tangga, maju ke hadapan tiga langkah, terus selak pintu kaca, maju 19 langkah ke hadapan lagi, ke kiri tiga langkah, tujuh anak tangga ke atas, dua langkah ke kanan dan 16 langkah terakhir ke kanan, tepat di kaunter pertanyaan. Sudah hampir 30-an begini pun dia tidak akan lupa angka-angka itu.

Tersenyum Ludin sendirian mengenangkan perangainya itu. Dia memandang parut di bawah lututnya. Parut yang menjadi bukti, gara-gara terlalu bosan dan penat sewaktu menemani emaknya semasa kecil-kecil, semasa Tahun 4. Dia yang berjalan di belakang, berjalan sambil memejamkan mata. Emaknya tidak tahu perbuatannya di belakang. Tahu-tahu saja Ludin jatuh tersadung, tertiarap hampir ke parit kecil tepi tangga, gara-gara tersilap kira langkah. Rupanya terlebih satu langkah, awal sampai ke anak tangga. Kakinya luka. Ibu betul-betul marah melihat luka di tulang keringku. Darah mengalir membasahi seluar.

“Betul-betullah kau ini Ludin, butakah? Macam mana boleh kaumasuk parit ni!” Ternyata ibu betul-betul marah.

Namun begitu, tangannya lembut dan cermat mengikat betis Ludin dengan sapu tangannya. Seluarnya yang penuh dengan debu, ditepuk-tepuk lembut agar kotoran itu hilang. Naluri kasih sayang ibu betul-betul membuatkan kesakitannya hilang, seronok kalau dimanja-manja. Sampai ibunya meninggal dunia, Ludin tidak pernah menceritakan sebab dia jatuh.

Syukurlah setelah bertungkus lumus selama 25 tahun akhirnya dapat juga memperoleh geran itu. Berkat kegigihan dan

ketabahan ibunya membuat Ludin sangat mengagumi ibunya. Walau apa pun rintangan di hadapan, kalau ada kesungguhan dan keikhlasan, kejayaan itu akan seiringan. Berseri wajah Ludin mengingati semula suntikan semangat keibuan dan kegigihan seorang ibu terhadap tanggungjawab dan masa depan keluarga dan anak-anaknya. Tanah ini juga bukti ikatan kasih sayang dan cinta antara ibu dan ayahnya. Layaklah menjadi ibu mithali.

Pengorbanan kasih sayang ibunya kepada ayahnya bagaikan kisah cinta Adam dan Hawa yang terpisah sekian lama. Terjalin rapat pada simbolik pengorbanan meninggalkan wasiat tanah ini untuk dua orang anak mereka yang tercinta, bukti cinta yang terpateri sewaktu di jinjang pelamin dulu.

Kelihatan dari jauh Lugam dan dua orang tadi berdiri menghadap kuburan ibunya sambil berbual-bual. Entah apa yang dibicarakan. Kelihatan serius perkara yang dibincangkan. Sekejap-sekejap orang tadi tu menggeleng-gelengkan kepala seperti tidak setuju dengan sesuatu perkara. Matahari pula mula naik ke kepala ... panas. Ludin perlahan bangun dari *hammock*. Disambarnya tuala kecilnya, diselendangkan ke leher. Berjalan menuju ke arah mereka bertiga. Ingin juga dia tahu apa isi perbincangannya.

“Saya minta maaf, saya tidak dapat menilai tanah ini dengan harga pasaran sebenar, Encik Lugam,” kata pegawai tadi. “Walaupun tanah encik dalam zon komersial, tapi kami kena ambil kira kepentingan pihak bank andai kata berlaku ‘sesuatu’ pada masa akan datang.”

“Apa maksud encik ‘sesuatu’ yang boleh berlaku pada masa akan datang.” Pantas Lugam mencelah inginkan penerangan lanjut Pegawai Penilaian itu.

“Beginilah ... kita tidak minta. Tapi andai kata jika tanah ini terlelong, apa akan jadi dengan kepentingan pihak bank pada masa itu?”

Lugam, Ludin dan Pegawai Bank menanti penerangan lanjut Pegawai Penilaian tersebut. Pegawai Bank tersebut agak muda, berkaca mata, kurus kecil, agak peramah orangnya. Kelihatan berpengalaman dalam perbankan.

“Tentu risiko besar kepada pihak bank untuk mendapatkan semula hak mereka.”

Tersirap darah Ludin mendengar perkataan ‘lelong’. Tapi dia tidak ingin menyampuk kerana Pegawai Penilaian itu masih ada sesuatu yang disampaikan.

“Apa pula kaitannya dengan lelong. Mustahil. Bukannya saya tidak bayar. Bulan-bulan saya akan bayar,” agak keras suara Lugam menyampuk, tidak setuju dengan pegawai penilaian itu.

“Kita tidak minta keadaan ini berlaku, encik .... Tetapi sebagai contoh, katakan pembayaran encik tidak lancar di bank selama lebih tiga bulan sehingga tanah ini terpaksa diarah dibuka kepada lelongan awam ... sanggupkah pihak encik melihat tanah ini menjadi milik orang lain. Sedangkan ada kuburan emak encik di tanah ini juga, turut ‘terlelong’ sama. Tentu tidak bukan,” jelas pegawai itu lagi sambil memandang Pegawai Bank di sebelahnya.

Ludin tersentak. Lantas menoleh ke arah kuburan ibunya di sebelah. Cantik. Berpagar kuning muda. Berlantaikan jubin biru laut, hasil kerja Ludin sendiri, hasil tangan seorang tukang rumah.


“Benar, kami sering berhadapan dengan masalah begini pada kemudian hari. Ada sesetengah peminjam menyembunyikan kuburan keluarga mereka di tanah tersebut, pada peringkat awal, khususnya semasa lawat periksa begini,” jelas Pegawai Bank tersebut yang sejak tadi tidak bersuara.

“Tapi kalau sudah begini keadaan kuburannya, besar, luas dan agak menonjol, dari sudut mana pun orang tahu bahawa di tanah ini ada kuburan. Lagipun kedudukan kuburan ini di tengah-tengah tanah, kalau pecah geran pun tetap akan kena,” tambahnya

lagi.

Semua mata mereka tertumpu ke arah kuburan itu. Lama mereka berbual berkenaan kuburan itu. Banyak huraian dan fakta-fakta yang diberikan pegawai tersebut tentang kedudukan nilai tanah tersebut yang diistilahkan sebagai *nominal value* ataupun pada kadar nilai seringgit.

Menurut Pegawai Penilaian yang agak tinggi lampai itu, kerja-kerja penilaian tanah juga perlu mengambil kira soal kemanusiaan. Walau apa pun yang berlaku sama ada dari segi perundangan dan sebagainya, tentu tidak ada ahli keluarga sanggup melihat kuburan keluarga mereka diperlakukan sewenang-wenangnya oleh orang lain. Apatah lagi kalau dikacau ganggu dan dimusnahkan untuk pembangunan. Ada yang sanggup mati mempertahankan tanah tersebut. Oleh sebab itu, pihak bank tidak akan mengambil risiko



untuk memberikan pinjaman kepada peminjam yang mencagarkan tanah berkeluasan kecil yang mengandungi tanah kuburan. Itu risiko besar pihak bank menjaga kepentingan mereka. Namun, untuk membangunkan, itu tidak ada masalah. Terpulang kepada pemunya tanah. Biasanya pihak badan berkanun dan kerajaan masih membentarkan pinjaman tanpa cagaran, kata pegawai tadi. Pada dasarnya tanah tersebut boleh mencecah RM700,000.00 pada nilai pasaran semasa, mungkin lebih, katanya.

Terkejut Ludin dan Lugam mendengar angka tersebut. Namun kali ini wajah kecewa Ludin beralih kepada Lugam. Lugam tidak seceria seawal pertemuan tadi. Kini, Ludin ceria kegembiraan mendengar perkara itu. Lugam tidak putus-putus merayu memohon pertimbangan pinjamannya. Namun, Pegawai Penilaian tersebut tidak berani mengambil risiko yang akan menimbulkan pelbagai kesulitan kepada banyak pihak, Lugam menguis-nguis tanah dengan parang pamolnya seolah-olah kehampaan. Bunyi kicauan burung serindit mula kedengaran di telinga Ludin. Satu kemenangan baginya. Lugam akur. Terbatal niatnya mencagarkan tanah ini.

Tidak lama selepas itu, kedua-dua orang pegawai tadi minta diri dan beredar dengan kenderaan pacuan empat roda milik syarikat mereka. Ludin pun sama-sama meninggalkan tempat tersebut membiarkan Lugam sendiri yang masih termangu, entah apa lagi ligat dalam fikirannya.

Sepanjang melangkah, Ludin tersenyum simpul. Namun, ada sebak di hatinya. Di sinilah kebesaran Ilahi. Kini terjawab teka teki ibunya sebab dia beria-ia sangat minta dikebumikan di tengah-tengah tanah ini dan dibina sesuatu "petunjuk" tentang kehadirannya di sana agar tidak terhalang pandangan dari diselimuti semak samun suatu hari nanti.

Ludin tidak perlu lagi bertekak dengan Lugam selepas ini. Semua sudah terjawab. Kalau setakat membuat rumah atau kedai di tanah ini untuk kegunaan sendiri banyak ruang dan peluang kerajaan berikan. Mahu atau tidak sahaja.

Inilah *tajsis* kasih daripada seorang ibu. Wanita kampung yang hebat merancang hidup dan masa depan warisnya. Tidak pernah menjelak kaki di sekolah, jauh sekali di menara gading. Orang kampung yang berfikiran jauh. Inilah wanita hebat. Hebat ... hebat .... Siapa sangka *tajsis* dan kubur ini tunjang kelangsungan hidup anak cucunya di tempat ini.

Menitis air mata Ludin, mengenangkannya, keharuan. Imbasan pengorbanan dan bait-bait kata dari ibunya, berkisar di kotak mindanya. Pengorbanan ibu yang tiada tolok bandingnya. Wasiat 'tajsis' kasih', menjadi benteng harta warisan zuriat turun temurun.


"Aku sayang ibu juga," lirih Ludin dalam hati dengan kasih yang amat mendalam. Dia menadah tangan ke langit, bersyukur. Air mata jerihnya meluncur laju membasahi pipinya. Air mata kerinduan, kesedihan, kesyukuran untuk ayah dan ibunya.

'Aku bersumpah, selagi hayatku, biarlah kubur ibu dan *tajsis* itu bersemadi di situ selamanya, tidak akan berganjak seinci pun dari tanah pusaka ini. Biar nyawaku ditukar ganti,' sumpah Ludin pada dirinya sambil menggenggam erat sekepal tanah bumi bertuah itu.

Air mata kesyukurannya masih basah di pipi. Al-Fatihah buat ibu dan ayah tercinta.

## Glosari:

*tajsis*—binaan kuburan yang berlebihan  
*palis-palis* mudah-mudahan tidak terjadi  
(bahasa sukuan Sungai Sukang)  
*cuit*—piring kecil tempat meletak gelas *W*



## Coretan Pembaca

To: nani\_k@dbp.gov.my

Cc:

Bcc:

Subject: Menyubur Semangat Cintakan Karya Sastera

Attachments:

Artikel yang disajikan dalam *Wadah* mampu menyuburkan semangat cintakan karya sastera. Selain itu, *Wadah* mampu mengubah persepsi saya selama ini yang menganggap karya sastera ialah sebuah karya yang kosong dan penuh dengan khayalan semata-mata. Tetapi, dalam karya sastera seperti cerpen terkandung nilai murni, kemanusiaan, jati diri, budaya, dan citra sesebuah bangsa dan negara.

**Edy Fitri,  
Tenom.**

Send Save Draft Discard

To: nani\_k@dbp.gov.my

Cc:

Bcc:

Subject: Peluang Karya Diterbitkan


Attachments:

Saya sangat berminat untuk menulis karya kreatif, terutamanya puisi. Puisi-puisi yang saya tulis biasanya saya simpan sahaja. Tetapi, apabila saya membaca *Wadah*, saya mengetahui bahawa *Wadah* menyediakan peluang untuk menghantar karya, dan peluang untuk karya diterbitkan. Oleh itu, saya akan menghantar puisi-puisi saya untuk mendapat perhatian daripada Editor *Wadah*.

**Amira Hashim,  
Kota Kinabalu.**

Send Save Draft Discard

Jika anda mempunyai sebarang pandangan tentang *Wadah*, sila kemukakan pandangan anda secara bertulis atau e-mel kepada Editor *Wadah* dengan menyertakan maklumat peribadi yang lengkap.



# Menelusuri Watak-watak dalam Kehidupan Kemala

---

oleh KASIMA SALINRI

---

Peminat sastera Malaysia lebih mengenali Kemala sebagai penyair berikutan karya-karya beliau yang banyak dalam genre puisi. Jumlah puisi yang dihasilkan Kemala amat banyak, dan hal ini terbukti daripada kumpulan puisi perseorangan beliau yang sudah terbit, antaranya termasuklah *Timbang Terima* (1970), *Meditasi* (1972), *Era* (1975), *A'yn* (1983), *Relabuhan Putih* (1989), *Titir Zikir* (1995), *MIM* (1999), *Ziarah Tanah Kudup* (2006), *Syurga ke Sembilan* (2009), dan *Sumsum Bulan Rawan* (2011). Antara kumpulan cerpen perseorangan beliau termasuklah *Anasir* (1983), *Firuzia*, *Firuzia* (1990) dan *Laut Takjub 25 Cerpen Pilihan* (2010).

Dalam ruangan pengenalan buku ini, Kemala telah memulakan subtajuknya sebagai Mendengar, Membaca dan Menulis Cerita. Kemala bermula dengan mendengar cerita dongeng dan nyanyian syair yang disampaikan oleh ibu beliau. Apabila dewasa, penulis menambahkan khazanah perbendaharaan cerita yang didengarnya dengan membaca karya sastera dari Tanah Melayu, Indonesia dan dunia antarabangsa dan seterusnya beliau mula menulis atau berkarya.

*Mata, Rumah dan Merpati (MRdM)* menghimpunkan 13 cerita pendek yang ditulis oleh beliau antara tahun 1970 hingga 2000. Menurut beliau, cerita-cerita yang ditulis itu membawa beliau menghayati watak-watak



yang sempat dikenali dalam hidup beliau. Gambaran watak-watak yang semestinya berdasarkan pengalaman beliau itu, telah beliau ubah suai di sana sini. Tambah beliau lagi, “kebenarannya” mungkin tinggal 60 atau 70 peratus sahaja. Menurut Kemala, ada lima cerita pendek dalam kumpulan cerpen ini yang berdasarkan pengalaman sebenarnya yakni, “Kaki”, “Uma”, “Perjalanan”, “Peti”, dan “Sebuah Masjid Buat Hari Tua”.

Mak Esah dalam MRdM, merupakan ibu mertua beliau sendiri, yakni Raja Khadijah. Ketika menulis cerpen tersebut, isteri beliau sedang hamil anak kedua mereka. Beliau menggambarkan runtunan perasaan seorang penyair yang amat mencintai kemanusiaan dan penuh dengan rasa timbang rasa ketika berhadapan dengan situasi yang sedikit mengganggu kehidupan mereka iaitu seekor merpati membuat sarang di atap rumah mereka. Akhirnya, cinta kudus dan kemanusiaan yang tinggi mengalahkan kebersendirian yang pada mulanya tidak ingin diganggu oleh makhluk lain, yang juga ingin meneruskan kehidupannya di muka bumi ini. Sebagai penutup kompromi antara watak utama dengan merpati dicapai dengan ujaran, “Doakanlah isteriku agar dia selamat melahirkan anak kami yang kedua”.

Pengalaman membesarkan anak-anak turut dikongsi oleh beliau. Melalui cerpen “Uma” misalnya, beliau menggambarkan perasaan seorang ayah yang terpaksa berjauhan dengan anak kerana menyempurnakan tahun akhir bagi ijazah pertama. Akhirnya, sang ayah tunduk kepada naluri kebapaannya apabila memilih untuk balik bertemu dengan anaknya yang dirindu, berbanding dengan keinginan

berfoya-foya dengan Amelia di Bali.

Begitu juga dengan cerpen “Perjalanan”, yang didasarkan oleh kisah benar dan menyayat hati yang ditempuhi oleh beliau dan isteri. Pengalaman secara tidak sengaja berkenalan dengan isteri seorang banduan ketika dalam perjalanan kereta api diceritakan dalam cerpen ini. Keinginan untuk meneruskan hidup berkeluarga dalam suasana yang bahagia akhirnya dapat dirasai oleh keluarga banduan itu dengan pembebasannya dari penjara.

Mengharungi kehidupan sebagai seorang pesara kerajaan dikongsi oleh beliau melalui cerpen “Sebuah Masjid Buat Hari Tua”. Hasrat Cikgu Akmal untuk memperkenalkan sistem pengurusan yang “telus” dan “tulus” akhirnya disokong oleh Ahli Jawatankuasa (AJK) baharu dan para jemaah yang lain. Kesudahannya, cita-cita murni pesara guru itu terlaksana meskipun mendapat tantangan yang hebat pada mulanya oleh (AJK) lama.

Cerpen “Peti” yang memenangi Hadiah Sastera Malaysia 1983 pula mengisahkan krisis keluarga Mak Andak yang berlanjutan. Perasaan tamak dan pentingkan wang ringgit melebihi segala-galanya, termasuk jenazah ibu yang terburuk kaku. Garapan krisis ini membawa makna yang lebih besar, mencakupi masyarakat, negara dan pemimpin yang bercakaran sesama sendiri.

Demikianlah antara cerpen dan watak di sepanjang kehidupan Kemala yang terkandung dalam *Kumpulan Cerpen MRdM* ini. Terdapat banyak lagi cerpen pilihan beliau, hasil garapan kisah benar dalam perjalanan hidup beliau yang dinukilkhan secara kreatif dari segi gaya penceritaan, lengkok bahasa, perwatakan, dan latar belakang sosiobudaya. *W*



# Penunggu

oleh MOHD RIZAL RAZAK

**M**entari senja sudah beralah. Menunggu tiba kelibat sang bulan, menyeru suasana malam. Persis kehadiran raja bertitah kepada seluruh rakyat sekalian.

Pejabat sudah lengang sunyi. Insan terakhir yang menutup dan mengunci pintu pejabat tersebut baru sahaja pulang. Dan kerani tersebut yang diamanahkan memegang segala kunci pejabat itu ialah insan bertuah yang menjadi topik perbualan hangat. Bukan dalam kalangan manusia tapi dalam kalangan bukan manusia.

Ketika itu, di ruang legar pejabat tersebut, muncullah dua kepulan kabus hitam kelabu yang mempunyai ketinggian saiz sembilan hingga sepuluh kaki tinggi. Dan akhirnya membentuk dua entiti hitam dengan masing-masing memiliki sepasang mata berwarna merah bernyala. Mereka menjelma dalam keadaan terapung-apung tanpa menyentuh lantai. Kedatangan mereka juga diiringi bau wangian kasturi yang cukup kuat. Mereka berdepan sesama sendiri dan kemudian seorang darinya terus melutut kaki kirinya ke lantai sambil kepalanya tertunduk ke bawah.

“Makhlukku, persembahan Adiloro Kagen kali ini adalah laporan bahaya yang diterima dari seluruh alam sejagat. Nyi Raden Lita berpesan Adiloro Kagen mengutarakan berita ini tanpa ragu dan dengan segera agar tidak ditelan masa,” ujar entiti yang melutut bernama Adiloro itu memulakan dialog.

“Adiloro Kagen, Ketua Penunggu bangunan agensi persekutuan dan negeri berdiri dan beritahu bual bicara,” seru entiti yang terpacak di hadapan Adiloro Kagen. Beliau ialah Sultan Loro, pemimpin yang memerintah alam halus, yakni alam yang tidak dapat dilihat oleh mata kasar manusia.

“Makhlukku, perkhabaran bahaya yang dimaksudkan bermula dengan berita kecil. Mengenai perasmian bangunan baharu, bangunan

untuk wanita yang dirasmikan oleh isteri pemimpin mereka baru-baru ini. Makhlukku, siapa yang akan mengemudi pergerakan tugas di sana?” soal Adiloro Kagen sambil bingkas secara perlahan.

“Jangan terburu-buru. Kita tidak mahu keadaan hysteria berlaku seperti mana yang terjadi di hospital kerajaan beberapa tempoh yang lalu. Tolak semua pencalonan yang dicampuradukkan selama ini. Berikan tugas itu kepada penunggu Soldadu dalam kalangan bangsa bunian pula kali ini,” tegas Sultan Loro memberikan jawapannya.

“Makhlukku, tiada masalah dengan jawapan itu, calon dari bangsa makhlukku juga. Tapi ada satu masalah besar, mengenai seorang manusia ini,” kata Adiloro.

“Ceritakan sepenuhnya,” ujar Sultan Loro.

“Mengenai seorang kerani yang baharu sahaja bekerja di jabatan bangunan ini. Dia berkeupayaan luar biasa sekali. Anugerah besar dia untuk melihat dan tidak gentar dengan alam sejagat kita, makhlukku,” Adiloro menerangkan dengan kedua belah tangannya bercekak di pinggang.

“Pantang dilanggar peraturan tradisi kita. Kalau boleh mahu sahaja aku cincang gerangan yang kamu maksudkan itu. Tapi, bagaimana ini semua boleh terjadi, cuba jernihkan kemosyikilan masalah kita ini,” Sultan Loro berkehendakkan penjelasan terang walaupun dia tahu perkara tersebut pernah berlaku suatu ketika dahulu.

“Makhlukku, pancaindera manusia sangat berbeza. Tapi ada juga keganjilan yang pernah berlaku pada suatu masa dahulu. Sebagai contoh, peristiwa kerasukan yang berlaku di blok mahasiswi, kediaman di Bintulu, Sarawak beberapa tahun yang lalu. Ketika proses ‘menghalau’ dilakukan oleh seorang dukun terkenal, salah seorang pelajar di situ sebenarnya telah memanipulasikan keadaan. Dia telah merencanakan dari awal lagi peristiwa kerasukan yang berlaku terhadap rakan sebiliknya itu dengan tujuan untuk menangkap salah seorang perajurit dari alam sejagat kita. Demi untuk kepentingan wang, dia hampir berjaya melakukannya.

“Apa yang berlaku?” soal Sultan Loro.

“Atas arahan penyandang takhta makhlukku ketika itu iaitu Jin Daun Berjuntai, Adiloro Kagen segera ke sana dan bertemu serampang mata dengan pelajar itu dan bisa memberikan wajah sebenar kepadanya. Tidak lama kemudian, pelajar itu mati mengejut kesan dari bayangan wajah negeri Adiloro Kagen. Akibatnya, Adiloro dipuji dan

makhlukku memberi gelaran 'Ketua Penunggu'." Adiloro Kagen bercerita kejayaannya itu sambil diiringi pergerakan ayunan tangannya yang membentuk pandangan asap kabur mindanya itu. "Tahniah, Ketua Penunggu, tahniah! Sememangnya Adiloro Kagen sahaja yang layak mewarisi gelaran itu setelah kemangkatan sahabat beta, Ru Dewi, yang sememangnya handal dalam ilmu pertempuran dua alam. Walaupun dia seorang manusia," puji Sultan Loro yang terus tertunduk ke bawah dan memikirkan nostalgia lama.

"Beta memang mempunyai hubungan istimewa dengan Ru Dewi. Dia menjadi ratu di hati beta. Cinta kami amat luar biasa sekali," sambung Sultan Loro lagi.

"Jadi memang benar segala perkhabaran yang singgah di seluruh alam sejagat. Makhlukku memang pernah bercinta dengan bangsa manusia selama ini," ujar Adiloro Kagen.

"Percintaan kami telah melanggar pantang. Beta sememangnya layak dihukum dan hingga kini beta belum lagi bertemu dengan anak beta tersebut. Ini kerana Ru Dewi telah meninggal dunia," nada sayu Sultan Loro menjelaskannya satu persatu.

"Makhlukku, janganlah bersedih."

"Benar, kita jangan lemah. Musuh ada di mana-mana. Bagaimana pula dengan masalah seorang manusia tadi, adakah ceritanya sama dengan pelajar kolej itu?" soal Sultan Loro semula dan tangan kanannya membentuk bara api yang bernyalा.

"Sama, makhlukku. Tapi dia dikhabarkan memiliki kekuatan yang luar biasa sekali. Dia juga telah diwawancara oleh anggota kumpulan yang memburu hantu. Segala kisah alam sejagat telah direkodkan dan didokumentasikan dalam bentuk beberapa buah buku. Rahsia alam sejagat sedikit sebanyak hampir tergugat, makhlukku!" tegas Adiloro Kagen menerangkan musibah yang melanda alam sejagat sambil ayunan tangannya membentuk putaran bulat bercahaya.

Beta kenal kumpulan itu. Mereka dari Tanah Semenanjung. Mereka memburu segala macam hantu entiti seperti mana yang tercatat di dalam buku mereka itu. Beta tahu pemburuan mereka hanyalah sia-sia belaka. Alam sejagat sudah cukup terjaga. Mereka mengkaji kita dari pelbagai sudut termasuklah sudut saintifik. Istilah seperti halusinasi diperiksa dengan kesan bahan kimia seperti *LSD* atau *Methamphetamine* dan banyak lagi penemuan baharu mereka. Penemuan ini kononnya akan memberikan impak bayangan yang

bukan-bukan. Kemudian terdapat juga dalam kalangan mereka mengalami keadaan *Hypnagogia*, satu keadaan kondisi psikologi di mana mereka berada antara fasa tidur dan fasa sadar. Pertembungan dua fasa ini menyebabkan kadang kala mereka melihat sesuatu yang tidak wujud di depan mata mereka. Ini sangat bahaya dari sudut alam sejagat kita! Terdapat juga dalam kalangan mereka yang memiliki penglihatan serangan separa foto sensitif yang membolehkan insan tersebut melihat di luar kepompong alam maya mereka. Mungkin manusia yang dimaksudkan oleh Adiloro Kagen itu tadi adalah manusia yang memiliki pancaindera keenam ini," jelas Sultan Loro dan tangan kanannya beransur pulih tanpa membara lagi.

"Makhlukku, mungkin juga! Gerangan makhlukku memang hebat dan berilmu dengan ilmu sains manusia. Tidak disangka-sangka."

"Ketua Penunggu, beta dulu pernah berguru, menyamar dan mencari ilmu. Tapi lain pula yang ditemui," ujar gerangan beta dengan nada sayu.

"Ilmu manusia sukar difahami, mujurlah makhlukku bukan pemimpin yang buta hati," sambil mengangguk-angguk kepalanya, Adiloro memuji.

Sultan Loro berpaling arah lalu memandang Adiloro Kagen seolah-olah ternampak sesuatu dari masa silamnya. Tapi dia segera menyembunyikannya dengan bijak dengan dagu ke depan dan badan tegak berdiri bagi pemerintah yang disegani.

"Adiloro Kagen, Ketua Penunggu bangunan agensi persekutuan dan negeri, dengan ini beta menurunkan perintah arahan yang wajib dilaksanakan. Jalankan tugasmu dengan segera kerana beta menjadikan kamu Sang Algojo, sang pembunuh yang harus membunuh manusia durjana tersebut dengan segera," tegas Sultan Loro memberikan arahan bunuh itu.

"Makhlukku, perintah dijunjung dan akan dilaksanakan dengan senjata paling berbisa yang dimiliki Adiloro Kagen. Pandangan wajah Penunggu!" sahut Adiloro sambil mengubah wajah asalnya untuk diperakui oleh pemimpinnya itu.

Satu wajah ngeri yang cukup hodoh menjelma di depan pandangan Sultan Loro, menyebabkan Sultan Loro berundur setapak ke belakang. Mungkin dia terkejut atau mungkin juga dia takut melihat wajah yang cukup menakutkan itu. Tetapi serangan wajah ngeri itu tidak memberikan apa-apa kesan kepada Sultan Loro kerana Adiloro Kagen

tidak melepaskan sekali bisa racun yang terdapat pada pandangan ngeri wajahnya itu.

“Menakjubkan, tahniah Adiloro, tahniah! Beta sendiri jadi takut, walaupun sedikit sahaja!” puji Sultan Loro sambil bertepuk tangan.

Adiloro Kagen kemudian mengubah semula wajah ngeri itu kepada keadaan asalnya. Kelabit mereka berdua yang seolah-olah memakai jubah besar berwarna hitam yang menutupi keseluruhan tubuh sehingga ke paras kaki. Dengan pergerakan lembut mereka mendaratkan kedua belah kaki mereka mencecah permukaan lantai. Ada sesuatu yang mustahak yang ingin disampaikan oleh Sultan Loro dan itu adalah adat tradisi alam sejagat yang diperturunkan sejak berdekad-dekad lamanya.

“Makhlukku, apakah makna semua ini?” soal Adiloro Kagen yang keliru melihat tingkah laku Sultan Loro mencemarkan kakinya sedemikian rupa. Tapi Adiloro Kagen tetap turut serta bersama-sama pemimpinnya itu.

“Adiloro Kagen, Ketua Penunggu kebanggaan alam sejagat, bangkitlah pahlawan kami, bangkit! Dengan kuasa yang dimiliki dan diamanahkan oleh beta, beta sudah menemui calon pengganti yang setaraf dengan beta. Sebaik sahaja berlakunya

peristiwa gerhana bulan ketiga tidak lama lagi, beta akan menyebut nama pengganti beta kepada ahli-ahli Lembaga Perisytiharan Roh di salah satu mesyuarat di kawasan Lingkaran Api Pasifik. Mungkin di Gunung Sinabung, Sumatera, Indonesia,” Sultan Loro memberitahu hajatnya.

“Gunung Sinabung! Tapi makhlukku, mengapa Gunung Sinabung?” soal Adiloro Kagen.

“Keputusan yang telah dibuat oleh beta ini sebenarnya sudah agak terlambat. Gunung Karangetang yang berketinggian 1,784 meter (5,853 kaki) di pulau terpencil Siau, Wilayah Sulawesi Utara telah pun meletus awal bulan lalu. Letusan itu menyebabkan banyak orang tercedera dan ada juga yang dilaporkan hilang. Beta tidak lagi mahu melambatkan keputusan beta untuk membuat pengumuman tersebut dalam mesyuarat berkenaan. Selepas pengumuman beta di Gunung Sinabung kelak nanti, pasti akan dapat meredakan segala amarah yang terbukti di akar perhitungan. Gunung Sinabung yang berketinggian 2,460 meter (8,100 kaki) di utara Sumatera tidak pernah meletus lebih 400 tahun namun telah menunjukkan beberapa aktiviti vulkan yang agak membimbangkan. Beta harus segera mengumumkan calon pengganti beta dan ini akan secara langsung menghapuskan segala bala yang terkumpul dan menamatkan kebobrokan penduduk di kawasan tersebut. Beta harus lakukannya! Beta harus mengembalikan semula ketenteraman Gunung Sinabung!” tegas Sultan Loro sambil mengangkat kedua belah tangannya ke langit dan melepaskannya semula ke bawah secara perlahan.

“Tapi makhlukku, siapakah gerangan yang menjadi pilihan untuk menggantikan makhlukku sebagai pemimpin alam sejagat?” Adiloro bertanya lagi.

“Pengganti beta tidak lain dan tidak bukan, Ketua Penunggu Adiloro Kagen,” Sultan Loro menjawab pertanyaan tersebut dengan penuh bangga sekali.

“Tapi, makhlukku, Kagen ... Kagen,” Adiloro Kagen tidak dapat berkata apa-apa lagi. Lidah menjadikelu.

Dia tidak menyangka Sultan Loro akan memilih dirinya memandangkan dia tidak mempunyai pengalaman luas untuk menjadi seorang ketua. Apatah lagi usianya yang dianggap masih belum berada dalam lingkungan ‘penunggu veteran’. Adiloro Kagen kaku seketika membuatkan fikirannya melayang membayangkan masa depan dengan takhta berlian di atas bonjol



kepalanya.

“Makhlukku, layakkah Adiloro Kagen dengan penghormatan yang diberikan ini?”

“Beta sudah lama menyiasat latar belakang dan tingkah laku Adiloro Kagen semasa menjalankan apa pun tugas wajib dan tidak wajib yang telah dilaksanakan. Ternyata Adiloro Kagen tidak mengecewakan langsung. Malah kerja-kerja yang dilakukan oleh kamu selama ini turut dipuji oleh ahli-ahli Lembaga Perisytiharan Roh, terutama sekali hamburan pujian yang disampaikan sendiri oleh Pengerasi Lembaga tersebut iaitu Mona Lilita, dari bangsa Langsuir Utara Borneo. Kamu sememangnya layak menggantikan beta,” ujar Sultan Loro sambil tangan kanannya menepuk bahu Adiloro Kagen.

“Makhlukku, jika itu adalah kemahuan beta dan seluruh pemimpin alam sejagat, Adiloro Kagen dengan hati terbuka menerima gelaran tersebut dan bersumpah akan menegakkan benteng alam sejagat dengan kudrat ilmu yang ada,” sahut Adiloro Kagen dengan bersemangat sekali.

“Tapi sebelum itu, sebagai tugas terakhir kamu sebagai Ketua Penunggu, kamu harus hapuskan manusia durjana yang telah mengganggu-gugat ketenteraman alam sejagat kita. Manusia yang kamu katakan telah berjaya melihat di luar alam mata kasar manusia dan tidak sekali-kali gentar atau takut dengan alam sejagat kita itu wajib dibunuh!” tegas Sultan Loro.

“Baiklah, makhlukku. Tugas itu akan dilaksanakan dengan sebaik-baiknya tanpa sebarang keraguan. Tugas ini akan menjadi satu tugas yang bakal disebut-sebut berita pelaksanaannya dan pasti menjadi legenda di seluruh alam kelak nanti. Itu sumpah Adiloro Kagen, Ketua Penunggu bangunan agensi persekutuan dan negeri manusia,” sahut Adiloro Kagen dengan mengangkat sumpah tangan kanannya yang terus mengeluarkan asap membentuk lingkaran api simbol alam sejagat.

Sultan Loro berundur semula ke belakang dan mengalihkan pandangan menghadap dinding belakang. Dia tahu apa yang bakal berlaku dan seharusnya mengambil langkah berjaga-jaga.

Manakala, di luar pintu pejabat pula, kerani yang dimaksudkan itu sebenarnya tertinggal telefon bimbitnya di meja komputer. Jadi dengan pantas dia mengeluarkan kunci pejabat dan

menguakkan daun pintu lebar-lebar ke tepi.

Alangkah terkejutnya apabila di hadapannya kelihatan dua entiti besar berjubah hitam di mana salah satu darinya terus menayangkan wajah ngerinya tepat ke arah kerani tersebut. Adiloro Kagen kemudian menghulurkan kedua belah tangannya ke depan untuk melepaskan bisa racun tersebut ke arah kerani itu. Kerani tersebut kemudian mengerang kesakitan dan mula menitiskan air matanya. Sultan Loro kemudian berpaling ke depan dan melihat kerani tersebut.

“Bapa, tolong saya, tolong! Ru Dewi ialah ibu saya! Bapa ...” pekik terakhir kerani tersebut sebelum dia jatuh tersungkur ke lantai.

“Anakku! Adiloro Kagen berhenti!” Sultan Loro menjerit sekuat hatinya tapi sayang semuanya sudah terlambat. Sultan Loro pantas meluru ke arah kerani tersebut.


Adiloro Kagen segera mengubah dan menutup semula wajah sebenarnya itu. Dia kemudian menahan kesakitan melihatkan kedua belah tangannya telah hangus sampai ke siku.

Sultan Loro kemudian mengangkat mayat kerani itu dan ditatapnya wajah insan tersebut. Dia memeluk mayat itu sekuat hatinya. Anaknya sudah meninggal dunia. Dia tidak berdaya lagi untuk melakukan apa-apa pun kecuali meratapi kesedihan kehilangan anaknya itu. Dengan bunyi sayu lagi hiba, Sultan Loro meraung sedih dan jelas kedengaran di segenap penjuru ruang bangunan tersebut.

Adiloro Kagen turut tersentuh hati apabila dia melihat sendiri kemasuhan yang dilakukannya. Buat kali terakhir, Sultan Loro yang sedang memeluk mayat anaknya itu ghaib dari pandangan Adiloro Kagen. Linangan air mata yang jatuh bercucuran membasahi wajahnya itu tidak dapat dibendung lagi. Tidak lama kemudian, Adiloro Kagen turut ghaib semula ke alam sejagat.

\*\*\*

Semenjak peristiwa itu, terdapat beberapa khabar angin yang bertiup sana-sini mengenai pejabat di bangunan itu. Menurut legenda bangunan tersebut, dilarang sama sekali bercerita kisah-kisah sedih di situ. Jika tidak, akan kedengaranlah sesuatu yang pasti menyentuh hati dan jiwa mereka yang mendengarnya. **W**



# Berdakwah melalui Karya

## – Habiburrahman El Shirazy

---

Disusun oleh NOORZANANI KATA

---

Habiburrahman El Shirazy lahir di Semarang, Jawa Tengah, Indonesia pada 30 September 1976. Habiburrahman merupakan siswazah Universiti Al-Azhar, Mesir. Selain dikenali sebagai seorang novelis, Habiburrahman juga dikenali sebagai seorang penyair dan pendakwah. Karya-karya Habiburrahman sangat dikagumi dan diminati, tidak hanya di Indonesia, tetapi juga di negara jiran seperti di Malaysia, Singapura dan Brunei.

Novelis dari Indonesia ini telah mencetuskan fenomena dalam kalangan peminat sastera di Nusantara gara-gara novel beliau yang hebat dan terlaris, seperti *Ayat-ayat Cinta* (AAC). ACC telah terjual sebanyak 3.8 juta naskhah di Nusantara sahaja. Malah, ACC dan beberapa buah novel beliau yang lain turut diangkat ke filem.

Karya-karya fiksyen beliau dinilai dapat membangunkan jiwa dan menumbuhkan semangat berprestasi dan menyuburkan nilai-nilai keislaman pembaca. Selain AAC, antara karya popular beliau yang lain termasuklah *Di Atas Sejada Cinta*, *Ketika Cinta Berbuah Syurga*, *Pudarnya Pesona Cleopatra*, *Ketika Cinta Bertasbih 1*, *Ketika Cinta Bertasbih 2*, *Dalam Mihrab Cinta*, dan *Bumi Cinta*. Atas kecemerlangan beliau itu, Habiburrahman telah dianugerahkan *Pena Award 2005*, *The Most Favorite Book and Writer 2005* dan *IBF Award 2006*. Malah, dalam Mahrajan Persuratan dan Kesenian Islam Nusantara 2012 yang diadakan di Membakut baru-baru ini, beliau dianugerahkan Anugerah Persuratan dan Kesenian Islam Nusantara oleh Ahli Dewan Undangan Negeri Membakut, Datuk Haji Mohd. Ariffin Mohd. Arif.

Melalui karya beliau, Habiburrahman

sentiasa berdakwah. Bagi beliau, saluran terbaik untuk menyampaikan mesej berunsur Islam kepada para pembaca adalah melalui pengkaryaan. Dengan mengangkat tema percintaan, Habiburrahman berjaya menarik minat pembaca terutamanya golongan remaja. Baginya, cinta adalah perjuangan yang tepat dalam nuansa masyarakat Muslim yang sudah kehilangan jiwa dan agama.

Dalam konteks berdakwah melalui karya, Habiburrahman melihat umat Islam pada abad ke-20, semakin kehilangan arah. Justeru, beliau cuba memulihkan kembali jati diri Muslim di dalam tubuh umat Islam yang telah rosak, sakit dan pasif itu supaya bangkit melawan Barat. Habiburrahman melihat permasalahan ini disebabkan oleh dendam dan kebencian Barat



Habiburrahman El Shirazy

## Penulis dan Pengkaryaan



Antara karya Habiburrahman El Shirazy.

yang meluap-luap terhadap Islam, bermula selepas Perang Salib. Keadaan umat Islam selepas Perang Salib (Crusades) pada abad ke-11 hingga ke-13, dibayangi gejolak prasangka musuh, iaitu Yahudi dan Kristian. Setelah kegemilangan Islam menenggelamkan tamadun Rom, Parsi dan Eropah pada tempoh yang lama, musuh Islam mahu mengelakkan kemunculan semula kuasa baharu Islam pada abad ke-18, ke-19, ke-20, dan ke-21 dengan strategi dan tindakan yang agresif. Cara yang paling mudah dengan mencabut rasa cinta umat Islam terhadap agama mereka. Barat cuba memisahkan ruang kehidupan umat Islam daripada agama atau yang dikenali sebagai sekularisasi.

Barat bersandarkan landas sekular telah menghilangkan agama secara progresif

dari pada sistem kehidupan. Manakala, umat Islam terus dengan nilai agama yang dibayangi fundamentalis, ekstrem, fanatik, ingin pulang ke masa lampau, berbahaya, tidak rasional dan berbudaya songsang. Barat memahamkan masyarakat Islam bahawa agama yang mereka anuti boleh menghalang mereka mencapai tingkat kemajuan serta beradaptasi dengan sains dan teknologi. Lalu membuat pemujukan melalui media massa; televisyen, radio, internet, filem, akhbar, novel, dan lain-lain. Identiti umat Islam diperkotak-katikkan Barat. Kesan penjajahan fizikal sebelumnya, Barat telah berjaya menimbulkan rasa rendah diri dalam kalangan umat Islam, hilang pedoman agama, malah berasa kagum terhadap kuasa Barat. **W**



# Perbilangan Adat Puisi Tradisional Masyarakat Adat Perpatih

oleh LOKMAN ABDUL SAMAD

**P**erbilangan adat ialah ungkapan ringkas dan padat, tetapi mengungkapkan setiap tatacara, peraturan dan falsafah hidup yang diamalkan oleh masyarakat Adat Perpatih. Setiap tatacara dan peraturan yang diturunkan secara lisan daripada generasi kepada generasi diciptakan melalui daya pengamatan yang amat tajam dengan mengambil perlambangan "alam sebagai guru".

Ungkapan perbilangan adat sering dikatakan hampir serupa dengan bidalan dan pepatah. Perbilangan adat, sejajar dengan istilah pembentukan kata dasarnya, iaitu bilang menyangkut makna seperti orang yang membilang. Perbilangan adat terdapat dalam bentuk yang sebaris, dua baris, atau lebih daripada itu (*Pelita Bahasa*, Disember 1991:38). Tegasnya, pemerian perbilangan adat merupakan satu penilaian yang dibuat berdasarkan fungsinya sebagai pedoman, peraturan dan petunjuk yang menjadi pegangan serta amalan masyarakat Adat Perpatih. Seterusnya, adat Perpatih itu dituangkan ke dalam kata-kata adat, pepatah dan petitih, sejak-sejak tradisi dan perbilangan adat (Abdullah Siddik, 1975:113). Setiap anggota masyarakat itu pula harus akur dan menerima perbilangan adat yang dipakai sebagai undang-undang adat yang tidak bertulis. Sehubungan dengan itu, perbilangan lebih merupakan sesuatu yang dinobatkan sebagai hukum memerintah negeri. Melalui kesetiaan dan penerimaan terhadap ungkapan perbilangan tersebut telah menjelaskan pula keunikan pernyataan pegangan masyarakat pendukung Adat Perpatih yang unik.

Perbilangan adat juga dapat dikaitkan dengan pelbagai pengertian atau istilah lain yang sering digunakan dalam merujuk kata-kata adat. Rujukan istilah lain yang dipakai adalah seperti terasul, tambo atau salasilah, pepatah, petitih, peribahasa, kata-kata adat, tamsil, bidalan, gurindam, dan pantun adat. Antara yang sering dikaitkan dengan perbilangan adat ialah istilah tambo atau teromba. Dari aspek semantik, istilah tambo membawa maksud sejarah. Menurut keterangan Edward

Djamaris, istilah tambo kadang-kadang disebut *tarambo*, dan dari aspek makna membawa maksud babad, hikayat atau riwayat kuno. Walau bagaimanapun, istilah tambo dan *terambo* memperlihatkan situasi penggunaan yang berbeza istilah *tarambo* atau *terambo* adalah secara khusus merujuk salasilah keturunan (Abdullah Jumain, 1995:21).

Sebahagian besar istilah yang dipakai terbukti hanya mempunyai satu tujuan, iaitu bagi merujuk adat. Istilah itu merupakan unit atau sebahagian unsur yang terkandung dalam koleksi perbilangan adat. Namun, istilah teromba mempunyai perbezaan khusus, iaitu merujuk undang-undang adat. Istilah pepatah, petitih, kata-kata adat, *teramsil*, bidalan dan gurindam termasuk sebahagian daripada golongan perbilangan adat. Buktinya bahawa, setiap istilah yang digunakan itu mempunyai kaedah pengucapan yang sama, iaitu disebut lepas satu, satu seperti orang membilang. Jelasnya istilah yang telah dinyatakan tersebut termasuk sebahagian daripada koleksi perbilangan adat.

Istilah lain seperti pepatah yang merupakan ungkapan bahasa yang sering digandingkan dengan kalimat petitih, yang membentuk gabungan pepatah petitih, seperti yang dimaklumi umum disebut juga sebagai perbilangan (A. Samad Idris, 1989:ix). Muhammad Din Ali pula, menggunakan istilah pepatah untuk menggambarkan perbilangan yang mempunyai makna selapis. Contohnya:

- Berat sama dipikul
- Ringan sama dijinjing
- Bukit sama didaki
- Lurah sama dituruni
- Laba sama dikutip
- Rugi sama ditatang
- Hati kuman sama dicicah
- Hati gajah sama dilapah
- Berat sama dipikul
- Ringan sama dijinjing cicir sama
- Rugi dapat sama laba
- Pangkal sama dipupuk

# Rencana

Pucuk sama digentas  
Bunga sama dipetik.

(Muhammad din b. Ali, 1957:8-9)

Gambaran dalam pepatah yang diberikan menunjukkan satu kesatuan masyarakat yang mengamalkan semangat prinsip perjuangan bersama setia dan mempunyai semangat kekitaan yang tinggi. Pepatah yang dinyatakan itu, diikuti pula dengan kalimat kedua yang bersifat pelengkap, iaitu kalimat berat digandingkan dengan ringan; laba-rugi, gajah-kuman; pucuk-pangkal; sebagai pepatah inilah yang disebut sebagai petith. Apabila kalimat pepatah merupakan kalimat hukum alam yang digauli oleh manusia, maka petith merupakan peraturan yang harus dijalani oleh manusia dalam pergaulannya dengan manusia (A.A Navis, 1986:257).

Terdapat juga sebahagian pengkaji yang menggunakan istilah peribahasa adat untuk merujuk perbilangan adat. Abdullah Siddik, umpamanya menyebut sebagai peribahasa adat. Maksud perbilangan di bawah merupakan gambaran dasar demokrasi dengan struktur kepimpinan yang jelas, iaitu raja yang mewakili kedudukan yang paling tinggi, diikuti oleh penghulu Luak atau Undang dan Lembaga yang memerintah anak buahnya.

Raja menobat di dalam alam  
Penghulu menobat di dalam luak  
Lembaga menobat di dalam  
lingkungannya  
Orang banyak menobat di dalam  
terataknya.

(Abdullah Siddik, 1975:110)

Bidalan dan kiasan biasanya menggunakan kata-kata perumpamaan yang bernada langsung dengan memakai ungkapan “umpama”, “ibarat”, “bak” dan “seperti”. Perumpamaan lazimnya terdiri daripada satu kalimat, yang mewakili perbandingan yang tersirat dengan mengandungi maksud yang dalam.

Ibarat labu menjalar ke hulu  
Ibarat kundur menjalar ke hilir.

(Za'aba, 1964:222)

Bidalan mengandungi makna tersurat bersifat langsung dengan pengertian selapis melalui

perbandingan yang jelas. Contohnya:

Harimau mati tinggal belangnya  
Gajah mati tinggal tulangnya  
Manusia mati tinggal nama.

Kayu mati berpunggor  
Manusia mati biar bernama.

Jangan bawa rasmi jagung  
Makin berisi makin tegak.

Bawa rasmi padi  
Makin berisi makin runduk  
Iku suka luka  
ikut hati mati  
ikut rasa binasa.

(Za'aba, 1965:169)

Bidalan mempunyai mesej yang membawa pengajaran yang bermakna, dengan bentuk fikiran yang mudah tetapi tepat. Dalam contoh bidalan yang dikemukakan, memperlihatkan keinginan individu untuk membuat apa-apa sahaja yang disukainya. Maka, dibidalkan mengikut suka sendiri tanpa muhun mendengar pandangan dan pendapat orang lain kesannya akan melukakan hati serta perasaan orang lain dan kalau diturut sekehendak hati juga akhirnya akan membawa kerosakan (W.G Shellabeare, 1960:188).

Secara keseluruhan, sebahagian besar ungkapan perbilangan adat terjelma dalam bentuk pepatah, petith, bidalan, peribahasa, dan perumpamaan. Jelasnya kesemua bentuk penggunaan istilah tersebut tetap merujuk tema yang sama, iaitu berkenaan adat. Perbandingan yang dibuat dari aspek istilah tersebut tidak menunjukkan perbezaan yang jelas. Hasil kajian, menunjukkan semua bentuk istilah tersebut mempunyai mesej yang jelas dalam mengungkapkan manifestasi adat yang di dalamnya terangkum kata-kata berkenaan undang-undang, falsafah, adat istiadat, hiburan, dan nasihat.

Perbilangan adat pada dasarnya berlandaskan sistem sosial Minangkabau. Oleh itu, untuk memahami pengertian perbilangan adat dengan penuh lengkap dan tepat, seseorang pengkaji itu harus mengenal masyarakat Adat Perpatih dari

## Rencana

segala genap segi. Hal yang penting adalah sistem kekerabatan, politik, ekonomi, kepercayaan, dan pengamalan agama yang menjadi teras sistem Adat Perpatih. Sesungguhnya, mengkaji perbilangan adat adalah satu usaha untuk mengenali sistem sosial Minangkabau (Nordin Selat, 1978:221)

Analisis perbilangan adat yang bertemakan undang-undang seharusnya mengenali konsep adat yang menjadi salah faham selama ini. Adat sebagai undang-undang bertujuan untuk pemuliharaan, iaitu mewujudkan keperibadian mulia masyarakat bagi faedah bangsa dan negeri. Oleh sebab terdapat adat yang tetap, tidak berubah di samping ada adat yang berubah, maka adat itu boleh dibahagikan dalam empat kategori yakni, adat yang sebenar adat, adat istiadat, adat yang diadatkan dan adat yang teradat (Navis, 1986:88, Idrus Hakimy, 1978:106).

Adat yang sebenar adat, ialah aturan dan sifat serta ketentuan yang terletak pada setiap unsur alam. Ketentuan alam yang dimaksudkan ialah hukum alam yang tidak boleh diubah atau yang hakiki, yang disebutkan dalam perbilangan seperti yang berikut:

Adat ayam berkокok  
Adat kambing membebek  
Adat tajam melukai  
Adat air membasaki  
Adat api menghanguskan.

(Norazit Selat, 1994:3)

Melalui perbilangan tersebut, manusia mengalami sendiri dalam hidupnya petunjuk yang sangat berharga berpangkal daripada jangan sesekali mencuba mengubah ketentuan alam ciptaan Tuhan. Sebarang usaha untuk mengubah ketentuan alam ciptaan Tuhan ini, pasti tidak akan meninggalkan sebarang kesan seperti yang dijelaskan dalam perbilangan yang berikut:

Dicabut tidak mati  
Dipindahkan tidak layu.

(Navis, 1986:89)

Hasil daripada renungan dan pengamatan tajam masyarakat Adat Perpatih terhadap ketentuan

hukum alam ini, telah menetapkan hukum alam yang sedemikian sebagai falsafah hidup mereka. Justeru itu, mereka mematerikan hukum alam ini sebagai peraturan hidup yang dijelmakan melalui konsep, adat yang sebenar adat (Abdullah Siddik, 1974:4).

Adat istiadat pula bermaksud kebiasaan yang berlaku di dalam satu-satu kelompok masyarakat, wilayah atau negeri tertentu, yang dipakai dalam maksud pengertian sesuatu upacara, lazimnya melalui upacara perkahwinan yang melibatkan, adat istiadat merisik, bertunang, berinai, bersanding dan sebagainya. Kedudukan setiap adat istiadat ini berbeza mengikut sempadan tempat. Perbilangan menyebutkan:

Sekali air bah  
Sekali pasir berubah  
Lain lubuk lain ikan  
Lain padang lain belalang  
Lain negeri lain adatnya.

(Norazit Selat, 1994:4)

Gambaran tersebut menunjukkan bahawa, konsep adat istiadat ini tidak tegar dan tidak berapa dipentingkan dalam sistem sosial Adat Perpatih. Oleh itu, adat istiadat dalam masyarakat Adat Perpatih merupakan kebiasaan yang diwarisi secara turun temurun dan pengalamannya bergantung pada kehendak serta keserasian jiwa generasi seterusnya.

Adat yang diadatkan ialah apa-apa yang dinamakan sebagai undang-undang dan hukum yang dijalankan (Navis, 1986:89). Segala peraturan dan ketetapan yang diambil daripada Dato' Perpatih bertujuan untuk menyusun masyarakat dalam segala bidang terutama dalam sistem sosial kehidupan, iaitu melalui pergaulan. Peraturan yang dipaterikan merupakan satu bentuk undang-undang yang tidak dikanunkan dan disampaikan serta diperturun dari mulut ke mulut daripada satu generasi kepada satu generasi. Adat yang diadatkan inilah yang dimaksudkan dalam perbilangan, iaitu:

Jika dicabut mati  
Jika di anjak layu.

(Navis, 1986:89)

Dalam sistem Adat Perpatih, adat yang diadatkan inilah yang tersedia ditetapkan melalui

# Rencana

permuaafakan para pemimpin dan anak buah yang seterusnya telah menjadi hukum yang tidak boleh diubah lagi. Sehubungan dengan itu, para pemimpin yang menjalankan hukuman tidak boleh mengetepikan keadilan biarpun anak sendiri melakukan kesalahan.

Adat yang teradat dimaksudkan sebagai peraturan yang terhasil melalui muafakat penghulu, nenek mamak dan anak buah. Peraturan ini berguna melaksanakan hukum dasar daripada adat yang diadatkan mengikut kesesuaian situasi dan kondisi sesebuah negeri (Idrus Hakimy, 1984:117). Jelasnya, konsep ini merupakan satu bentuk peneguhan dan penyelarasaran daripada dasar adat yang diadatkan tadi. Jika sesuatu perkara itu dirasakan perlu diubah, harus mendapat persetujuan melalui proses musyawarah.

Perbilangan adat yang berfungsi sebagai kata undang-undang terbahagi kepada beberapa bahagian, antaranya termasuklah undang-undang negeri, undang-undang pentadbiran di dalam negeri, undang-undang luak, dan Undang-undang 20 (Winstedt, 1954:45).

## a. Undang-undang Negeri

Berjenjang naik bertangga turun  
naik dari jenjang yang bawah  
turun dari tangga yang di atas  
berbilang dari esa  
mengaji dari alif  
kemenakan beraja ke mamak  
mamak beraja ke muafakat  
muafakat beraja kebenaran  
kebenaran berdiri sendiri  
menurut alur patut.

(Idrus Hakimy, 1984:155)

Melalui perbilangan adat tersebut, terbukti sistem pemerintahan yang ideal bagi masyarakat Adat Perpatih. Adat itu didirikan pada dasar muafakat dan musyawarah. Setiap muafakat yang berdasarkan alur dan patut akan menambahkan wibawa pemimpin yang mengamalkannya. Hal ini lebih jelas dengan perbilangan di bawah yang menggambarkan had kekuasaan pemimpin tertentu:

Raja memerintah alam  
undang memerintah luak  
lembaga memerintah suku  
buapak memerintah anak buah.

(Abdullah Siddik, 1975:114)

## b. Undang-undang di dalam Negeri

Salah cincang memberi pampas  
salah bunuh memberi balas diat  
salah makan meludahkan  
salah terik kembalikan  
sesat turut telangkah kembali  
salah pada Allah taubat  
gawal manusia minta maaf  
bohong dibuang usul dipakai  
bersetuji berbetulan  
bersalah berpatut  
ghaib berkalam Allah  
berbantah ke tengah  
suarang beragih  
menarik mengembalikan  
meminjam memulangkan  
hutang membayar  
piutang diterima  
jauh yang berhambatan  
hampir yang tertarikan.

(Winstedt, 1954:45-46)

Undang-undang jenayah yang digambarkan dalam perbilangan tersebut lebih menitikberatkan prinsip pemulihan (*retribution*); orang yang bersalah membunuh tidak semestinya dibunuhi, tetapi boleh menggantikan orang yang terbunuhi dengan salah seorang suku yang membunuhi. Demikianlah juga prinsip yang dipegang bagi kesalahan yang lain (Harun Mat Piah, 1989:432).

## c. Undang-undang Luak

Mencampak tiba ke hulu  
kenalah pantau dek jala  
dilerak di dalam cupak  
dijerang dengan si pedas  
luak yang berpenghulu  
alam yang beraja  
tegak yang tidak tersondak  
melenggang yang tidak berpapas  
melintang patah

# Rencana

membujur lalu  
salah pada raja mati  
salah pada penghulu berhutang.

(Winstedt, 1954:46)

Alam Minangkabau telah dibahagikan kepada dua bahagian yang disebut luak dan rantau. Undang-undang ini mengatur sistem pemerintahan pada wilayah yang terbahagi dua ini. Dalam sejarah, rantau sentiasa merupakan wilayah yang menjadi rebutan kerana sumber ekonomi. Oleh sebab sering berlaku peralihan kuasa untuk menguasai daerah ini dalam ketentuan adat telah disebutkan melalui undang-undang luak sebagai:

Luak berpenghulu  
rantau beraja.

(Idrus Hakimy, 1984:139).

## d. Undang-undang 20

Perbilangan yang mengungkapkan Undang-undang 20 adalah memerihalkan ketentuan adat untuk menyatakan perebutan, tingkah laku yang sumbang dan yang salah. Undang-undang Lapan dan Undang-undang 12. Urutan Fasal lapan dan 12 ini disebutkan dalam perbilangan yang berikut:

Tikam bunuh  
upas racun  
saman sakar  
siar bakar  
maling curi  
dahaga dahagi  
kicang kicuh  
sumbang salah.

Terumbang terciak  
tertanda terbukti  
terencang teregas  
terikat terkebat  
teratar terkejar  
terhambat terpukul  
bersuruh bagi sipasin  
berjejak bagi berkik.

Enggang lalu atah jatuh

kecenderungan mata orang banyak  
menjual murah-murah  
berjalan tergesa-gesa  
dibawa pikat dibawa lalu.


(Navis, 1986:112)

Perbilangan adat yang digunakan untuk merujuk adat istiadat tertentu adalah seperti pelantikan penghulu, meminang, pertunangan, perkahwinan, kenduri-kendara, upacara, dan muafakat adat (Nordin Selat, 1978:222). Lazimnya, dalam upacara perkahwinan yang dimulai dengan adat merisik, hanya orang semenda sahaja yang ditentukan oleh adat untuk menjalankan proses tersebut. Tanggungjawab orang semenda di tempat persemedannya boleh disuruh dan diarah, maka tidak sesekali orang semenda boleh menolak permintaan tempat orang semenda. Namun, orang semenda yang menjalankan perintah tersebut masih lagi diberikan belanja untuk perbelanjaan merisik atau menjemput. Perbilangan menyebutkan:

Orang semenda di tempat semenda  
Boleh disuruh di arah  
Disuruh diberi belanja  
Dikurung diberi makan.

(Sulaiman Kalam, Negeri Sembilan 1995)

Perbilangan adat bentuk puisi yang sengaja diciptakan dengan tidak terikat atau bebas daripada segala hukum puisi yang tegar. Perbilangan adat genre puisi lisan yang diucapkan dengan rentak bunyi berirama yang cukup menarik. Penyusunan dan pemilihan bunyi yang menimbulkan beberapa kesan emosi itu, mempunyai hubungan erat dengan konteks masyarakatnya. Perbilangan adat harus dihubungkan dengan masyarakat bagi mentafsir dan memahaminya. Setiap ungkapan perbilangan yang diucapkan bukanlah kata-kata kosong, atau untuk indah didengar sahaja bak kata orang indah khabar daripada rupa, tetapi ialah satu peraturan yang menjadi pegangan dan hukum dalam sistem sosial masyarakatnya. *[W]*



## Puisi

---

### Keluar dari Lindungan

*Pandang ke arah terbit mentari  
matahari pun ingin keluar dari lindungan  
memperlihat diri – menyerlahkan bahang  
dan memberi terang sebagai caranya berkawan  
tidak ada penyesalan dalam berkawan  
tidak menapak tangan semasa berkawan  
terang menyuluhan dalam purnama mengambang  
memperlihat diri  
menunjuk diri  
menyerlah diri  
keluar dari lindungan  
bagaikan turun dari dunia ghaib alam sorumbou.*

*Bangun awal pagi  
keluar dari lindungan seperti mentari yang terbit  
kita terbit keluar berjalan dari bilik istirahat  
berebut dengan burung-burung  
memungut rezeki  
awal pagi hendak menyambut  
merebut keluar dari lindungan.*

*Berisi kiranya ubi rambat  
akan digali agar tidak terlindung tanah  
mari memanggil menyanyikan lagu kehidupan  
ubi kayu kiranya berisi  
ondut makanan musim kebuluran  
keladi agaknya dijadikan sayur dan rebusan  
makanan  
semuanya akan digali  
arah maju ke hadapan juga yang akan hadap  
mari meredah hutan rimba  
semak akan diterangluaskan.*

*Kita keluar dari lindungan untuk menyerlah  
leraikanlah hutan kesukaran  
mari berjalan di lurus laluan  
keluar dari lindungan jangan lemas  
gelombang berpusar rakit mengimbang.*

Raymond Majumah

### Hilang

*Dari cermin yang retak beribus  
duka membasah di daunan waktu  
dalam rindu yang membekam  
pada silam yang berbalam  
aku mencari diam pelangi  
pada awan  
pada hujan  
aku bertanya jawapan.*

*Dalam rindu yang membekam  
pada silam yang berbalam  
aku membenahi diri  
antara keliru dengan kalut  
dalam rasa yang terkurung  
dalam gumam yang ramah  
dalam riuh yang diam  
aku mengerti maknanya hilang.*

Ritah Yahaya





# Masjid Kampung Kami

oleh JASNI MATLANI

**D**i kampung kami yang dahulunya di kelilingi hutan itu ada sebuah masjid yang menurut sejarahnya sudah wujud beberapa ratus tahun. Kata Ustaz Abdul Hakim, anak tempatan kampung kami yang berpendidikan tinggi, generasi ke tujuh kampung kami, masjid itu sudah wujud sebelum pemerintahan British lagi. Sebelum Wilayah Borneo Utara diserahkan oleh Sultan Brunei kepada Syarikat British *North Borneo Chartered Company* pada penghujung bulan Mei yang mendung, tahun 1882.

Walau bagaimanapun, tidak ada sesiapa yang dapat memastikan dengan tepat tarikh masjid itu dibina atau pembinanya. Hanya ada seorang tua, tetapi sudah lama menjadi almarhum pernah mengatakan bahawa masjid itu kononnya diwakafkan seorang syeikh yang datang dari Hadramaut dan entah bagaimana syeikh itu terlontar di kampung kami sehingga apabila dia meninggal dunia kuburnya dianggap memiliki kuasa keramat, dan boleh menyembuhkan bermacam-macam jenis penyakit. Cerita itu mengalir seperti angin dan kemudian menjadi popular seperti cerita rakyat, berpindah dari mulut ke mulut, zaman berzaman.

Apabila Inggeris datang menjajah wilayah utara Pulau Borneo dan membuka ladang getah, dan tidak lama kemudian membuka sebuah stesen kereta api, dengan landasannya menghala ke sebuah daerah pinggir laut berdekatan dengan daerah kami, masjid itulah tempat orang kampung berkumpul dan kadang-kadang menjadi tempat mereka melahirkan perasaan tidak puas hati terhadap Inggeris. Apabila perasaan tidak puas hati itu makin memuncak, dan mereka tidak dapat menahan sabar dengan karenah Inggeris yang menjajah, melakukan sesuka hati terhadap anak jajahannya, dengan segala tipu muslihat mereka, maka kebiasaannya orang kampung bermesyuarat dalam masjid itu sebaik-baik sahaja solat Isyak dan mesyuarat itu berlanjutan hingga larut malam.

Ada ketikanya dalam mesyuarat itu salah seorang daripada mereka mempersoalkan sebab Wilayah Utara Pulau Borneo yang kaya hasil mahsul itu dijual dengan harga yang begitu murah

oleh Kesultanan Brunei yang memiliki kedaulatan terhadap tanah permata nilam kampung kami yang dikelilingi hutan itu. Entah bagaimana sultan itu tergamak menjual tanah pinggir laut yang mengunjur dari pesisiran pantai Sindumin hingga ke Teluk Kimanis dengan harga yang murah melalui satu perjanjian dibuat oleh penjajah Inggeris dan ditandatangani oleh Sultan Abdul Mumin, yang berkuasa ketika itu bagi memindahkan hak milik ke atas wilayah utara Pulau Borneo dari Teluk Gaya hingga ke Sungai Sibuko dengan bayaran £15,000 sebagai pampasan kepada sultan. Beberapa lama kemudian, entah bagaimana dan di manakah silapnya, wilayah Kimanis termasuk juga perkampungan kami yang kecil itu digadai oleh sultan dengan harga yang paling murah dalam sejarah penjajahan Inggeris di dunia ini.

“Bertuah sungguh Inggeris mendapat tanah permata nilam kami ini dengan harga yang murah, seolah-olah tanah ini dijual seperti barang lama yang dilupuskan tempoh hayatnya,” kata Ustaz Abdul Hakim dalam sesi tazkirah bersama para pemuda kampung, di masjid yang sungguh bersejarah di kampung kami itu.

Ada antara anak muda itu tersengih dan menggeleng-gelengkan kepala memikirkan bijaknya penyamun Inggeris menipu sehingga bumi permata nilam kami itu tergadai dengan harga yang murah sekali dalam sejarah.

Inggeris kemudian membuka ladang getah yang luas di bumi permata nilam kami, kerana menurut kajian mereka, kawasan tanah permata nilam kami termasuk juga kawasan tanah di kampung kecil kami itu sangat sesuai untuk menanam getah *Hevea brasiliensis*, dalam keluarga *Euphorbiaceae*. Pokok getah itu kononnya penting dari segi ekonomi kerana hasil lateksnya bermutu tinggi.

Menurut ceritanya lagi, pokok getah itu dibawa khas dari bumi Brazil, boleh menghasilkan lateks bermutu dan mampu memenuhi keperluan ledakan industri permotoran di Barat, malah industri pembinaan kapal terbang juga memerlukan getah bagi tayar dan beberapa bahan komponen lainnya. Jadi, getah yang digunakan bagi menampung ledakan industri di Eropah itu sebahagiannya didatangkan daripada bumi permata nilam kami.

Justeru, bagi mengangkut sumber getah ke kawasan laut yang terdekat, Inggeris membina landasan kereta api terawal di wilayah Utara Pulau Borneo dari tanah permata nilam kami ke suatu kawasan yang dipanggil Weston, suatu nama daerah yang diambil bersemepena nama seorang

penjajah Inggeris yang membuka pelabuhan dan memajukan kawasan itu.

Nama itu kekal hingga ke hari ini seolah-olah tidak ada nama tempatan lain yang boleh menggantikan nama berbau penjajah itu.

“Menurut ceritanya,” kata Abdul Hakim, “Daerah Weston akhirnya menjadi salah sebuah pelabuhan yang terpenting di wilayah Borneo Utara bagi mengangkut hasil getah dari bumi permata nilam kami dan diseludup ke tanah Inggeris, sebelum peranannya diambil alih oleh pelabuhan Jesselton.”

Suatu ketika dahulu, ada antara penduduk kampung kami hendak mensabotaj penghantaran getah itu dan merancang hendak menyerang kereta api yang membawa hasil mahsul bumi permata nilam kami ke tanah Inggeris. Lalu, di masjid itulah para pejuang kami yang berani, merancang serangan berkenaan, tetapi akhirnya rancangan itu dihindu pihak Inggeris.

Barangkali, ada tali barut Inggeris dalam kalangan para pejuang yang berani di kampung kami, namun tidak diketahui pula kesahihannya. Inggeris kemudian menyerang dan beberapa orang penduduk kampung terbunu dalam serangan itu. Masjid di kampung kami itu juga hampir musnah dalam serangan yang tragis itu.

Bertahun-tahun peristiwa itu membekas di hati penduduk kampung kami. Walau bagaimanapun, mereka membina semula masjid itu perlahan-lahan seolah-olah membuktikan bahawa satu serangan bukan bererti sebuah perjuangan itu telah berakhir. Suatu keruntuhan bukan bererti runtuhlah segala tekad untuk menentang kezaliman yang bermaharajalela di kampung kami.

Dalam beberapa bulan sahaja, masjid itu berdiri semula seperti keadaan asalnya. Penduduk kampung menggunakan seperti biasa sebagai tempat solat dan sesekali sebagai tempat kenduri-kendara dan bermusyawarah. Walaupun ada antara penduduk kampung yang sebahagian besarnya mewarisi darah pahlawan datuk moyang mereka, tetapi mereka tidak lagi menggunakan masjid itu

sebagai pusat gerakan bawah tanah bagi menentang penjajahan Inggeris.

Penentangan memang terus berlaku, tetapi pada masa yang sama mereka juga memikirkan akibatnya selepas itu. Sudah pasti tindak balas Inggeris berlaku dan bakal meranapkan masjid itu semula. Sedangkan seluruh penduduk kampung sudah bertekad, dalam perjuangan, masjid jangan musnah, pegangan jangan hilang paksi, perjuangan mesti diteruskan melalui taktik dan cara yang lain.


Apabila Jepun menyerang wilayah Utara Pulau Borneo dan menghalau Inggeris daripada bumi permata nilam kami, Tok Aki kami pernah menceritakan bahawa kapal terbang Jepun pernah terbang rendah sehingga hampir mencecah menara

masjid yang satu-satunya di kampung kami itu. Bunyi deruman kapal terbang bukan sahaja menakutkan penduduk kampung, tetapi juga turut menggegarkan menara masjid setinggi bangunan tiga tingkat dengan simbol bulan bintang warna keemasan di puncaknya itu.

Bermacam-macam risalah yang digugurkan dan bertaburan di kampung kami yang meminta supaya penduduk kampung bersama-sama tentera Jepun menghalau penjajah kulit putih. Sementara, di kawasan tertentu tentera Jepun menggugurkan beratus-ratus butir bom bertujuan melumpuhkan kubu pertahanan Inggeris, dan menghalau mereka dari bumi permata nilam kami.

Kata Tok Aki, kebanyakan penduduk kampung berkubu dan bersembunyi di dalam masjid itu, kerana tempat itu selamat, sehingga penduduk kampung membina tempat persembunyian rahsia di suatu kawasan berhampiran masjid. Mereka juga percaya bahawa Allah menyelamatkan sesiapa sahaja yang mendapat perlindungan di rumah-Nya.

“Apabila manusia hilang upaya menentang kezaliman manusia lainnya, Allah akan memberikan pengajaran kepada mereka dengan menjadikan sebuah masjid sebagai kubu yang sangat ampuh dalam menghalang segala kekejaman dunia,” kata Tok Aki, seperti yang dipetik Ustaz Abdul Hakim, “Hanya Allah yang



mampu menghalang kekejaman dunia, sebab itu mereka berlindung di rumah Allah ini daripada sebarang angkara tentera Jepun,” sambungnya.

“Jepun tidak merobohkan masjid ini, ustaz?” soal salah seorang anak muda yang tekun mengikuti tazkirah Ustaz Abdul Hakim.

“Tidak wahai anak muda,” jelas Ustaz Abdul Hakim tenang, “Tujuh butir bom digugurkan di sekitar kawasan masjid ini termasuk sebutir daripadanya jatuh betul-betul di hadapan pintu gerbang masjid ini, tetapi anehnya ketujuh-tujuh butir bom yang digugurkan daripada beberapa buah kapal terbang Jepun itu tidak meletup, sehingga ada yang percaya, masjid ini benar-benar ajaib dan dijaga empunya-Nya.”

“Maksud ustaz, orang yang mewakafkan tapak masjid ini ratusan tahun dahulu?”

“Masya-Allah,” Ustaz Abdul Hakim menggeleng-gelengkan kepala, “Fitrah manusia, tidak pernah melebihi fitrahnya sebagai manusia. Kuasa manusia ada hadnya, tetapi kuasa Allah tiada batasnya. Yang melindungi masjid ini bukan manusia, melainkan kuasa yang melebihi kuasa manusia, iaitu kuasa Allah. Allah sahajalah yang memiliki rumah ini. Allah yang memiliki alam ini. Allah yang memiliki masjid ini.”

Mata Ustaz Abdulk Hakim menyoroti semua wajah anak muda yang mengikuti tazkirahnya malam itu. Dia kemudian menarik nafas dalam seolah-olah hendak menyedut semua kekeliruan yang bermukim di kepala anak-anak muda yang duduk tekun di hadapannya. Semua anak muda itu tidak bersuara sepatah pun. Mereka tidak takut, tetapi hanya diam membantu dan membisu seribu bahasa.

Selepas era pemerintahan Jepun, pihak penjajah British kembali semula menjajah bumi permata nilam kami. Mereka menebus kembali kekalahan mereka di tangan tentera Jepun dengan berbaik-baik semula dengan penduduk kampung serta menjanjikan nikmat kebebasan yang selalu menyesak di kepala penduduk kampung selama ini. Ada beberapa orang tali barut Inggeris pernah datang menemui penduduk kampung yang berkumpul di masjid kampung kami, dengan mengajak penduduk kampung agar memberikan sokongan kepada penjajah Inggeris membangunkan semula bumi permata nilam kami. Ada yang membuat bantahan halus, dengan mengatakan 100 tahun penjajah Inggeris menjajah tanah permata nilam kami, tetapi tidak ada sebesar zarah pun pembangunan yang dibawanya kepada penduduk kampung kami.

Tali barut utusan Inggeris itu cuba berlembut dengan mengatakan bahawa memang benar pihak

penjajah Inggeris tidak membawa sebarang pembangunan kepada penduduk kampung dan tanah permata nilam kami, tetapi pihak Inggeris jugalah yang bertanggungjawab menghalau semula tentera Jepun daripada terus menguasai tanah permata nilam kami.

“Inggeris juga sedar,” kata juru cakap tali barut penjajah Inggeris itu secara berhemah, “Lambat laun kemerdekaan mesti diserahkan kepada penduduk peribumi tanah permata nilam ini. Semenanjung Tanah Melayu sudah diserahkan kembali kepada orang Melayu sejurus sahaja Tengku Abdul Rahman Putra Al-Haj melaungkan kata keramat “Merdeka” pada 31 Ogos 1957. Begitu juga wilayah Borneo Utara ini mesti diserahkan kembali kepada penduduk peribumi. Cuma caranya sahaja yang masih dalam perbincangan, sama ada melalui pembentukan Malaysia, maksudnya bergabung dengan Tanah Melayu atau merdeka sebagai sebuah negara baru,” sambungnya.

Semua yang ada di perkarangan masjid kampung kami berpandangan sesama sendiri. “Bergabung dengan Tanah Melayu, membentuk sebuah negara persekutuan atau merdeka sebagai sebuah negara baru?” persoalan itu seperti bercelaru dalam benak mereka.

“Jadi, ingat sejarah masjid kampung ini wahai anak muda. Di sinilah para pejuang kita berbincang dan merintis kemerdekaan. Tidak ada salahnya kita berpatah balik melihat sejarah, kerana sejarahlah yang memperbetulkan hala tuju dan masa depan kita. Apabila kita mempunyai pandangan yang salah terhadap sejarah, akan menyebabkan masyarakat dan malah tanah permata nilam kita ini bergerak ke arah yang salah.”

Semua anak muda yang mengikuti tazkirah Ustaz Abdul Hakim menganggukkan kepala. Namun, begitulah masjid di kampung kami itu terus bercahaya di tengah-tengah kampung yang sudah tidak lagi dikelilingi hutan setelah mencapai kemerdekaan melalui pembentukan Malaysia. Apabila seluruh rakyat tanah permata nilam kami bersetuju menyertai Malaysia, perlahan-lahan seluruh kampung kami dan daerah yang berdekatan berubah wajahnya. Masjid di kampung kami itu juga turut berubah wajahnya. Di hadapan masjid itu sudah dibina sebatang jalan beraspal tempat kenderaan pelbagai jenis hilir mudik bertali arus ke destinasi masing-masing. Ustaz Abdul Hakim merenung wajah anak-anak muda yang bersih seperti kain putih di hadapannya. Dia memandang mereka lama sekali. Renungannya itu seperti enggan berkalih ke tempat lain dan tidak mampu dilepaskan sepanjang hayatnya. **W**

# Sayembara Lagu Puisi Berkumpulan

oleh NADIN HAJI SALLEH

**L**azimnya, teks sajak karya penulis dibaca atau dideklamasikan sama ada dalam majlis-majlis rasmi ataupun sebarang pertandingan. Namun, pada kali ini Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sabah (DBPCS) dengan kerjasama Kementerian Belia dan Sukan Sabah telah menganjurkan Sayembara Lagu Puisi Berkumpulan yang penyertaannya terbuka kepada Sekolah-sekolah Menengah Zon Pantai Barat.

Pertandingan peringkat akhir telah berlangsung di Dewan Besar, DBPCS, pada 5 April 2012. Sebanyak enam buah kumpulan yang terdiri daripada SMK Kinarut, SMK Inanam, SMK Datuk Peter Mojuntin, SMK Putatan, SMK Sanzac, dan SMK Taman Tun Fuad layak ke peringkat akhir daripada 10 buah kumpulan yang menyertai sayembara tersebut.

Antara tujuan penganjuran sayembara tersebut termasuklah untuk memupuk dan menyemai kecintaan masyarakat terhadap lagu puisi, mewujudkan hubungan erat pelbagai kaum yang mempunyai minat dan kecenderungan yang sama melalui aktiviti berteraskan lagu puisi sekali gus

menyemarakkan aktiviti sastera di negeri Sabah dalam kalangan generasi baharu.

Sayembara peringkat akhir dihadiri oleh Datuk Jahid Jahim, Pembantu Menteri Belia dan Sukan Negeri Sabah. Dalam ucapannya, beliau berharap sayembara lagu puisi berkumpulan akan dapat mencungkil bakat penciptaan lagu puisi dalam kalangan pelajar. Selain itu, kegiatan berkenaan akan memberikan peluang kepada generasi hari ini agar menjadi lebih kreatif dalam penciptaan lagu-lagu puisi.

Sayembara peringkat akhir telah diadili oleh tiga orang tokoh yang tidak asing lagi dalam bidang muzik di Sabah, iaitu Asmin Mudin, seorang komposer lagu yang berpengalaman, Andrew Poniting, pensyarah Muzik di Universiti Malaysia Sabah dan Laila Elok, penerbit di Jabatan Penyiaran Sabah.


Johan Sayembara Lagu Puisi Berkumpulan Peringkat Akhir dimenangi oleh kumpulan dari SMK Kinarut, naib johan ialah SMK Inanam dan tempat ketiga dimenangi oleh SMK Sanzac. **W**



Wajah ceria pemenang Sayembara Lagu Puisi Berkumpulan bersama-sama tetamu kehormat.



Johan milik SMK Kinarut.



# Anugerah Berlian

---

oleh AZMAH NORDIN

---

Makalah ini penulis hasilkan khas untuk menjunjung kasih buat Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) yang banyak membentuk diri ini menjadi penulis sehingga menjadi seperti sekarang. Penulis juga memanjatkan kesyukuran ke hadrat Tuhan Yang Maha Kuasa atas limpah kurnia-Nya kepada hamba-Nya dan seluruh bantuan yang diterima daripada semua editor Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sabah (DBPCS) dan Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur (DBPKL) sehingga banyak karya saya yang terbit. Juga kepada mentor-mentor penulis sama ada di DBP ataupun di institut pengajian tinggi di Malaysia, serta setiap individu yang terlibat sehingga membuatkan semangat juang penulis terus membara, sekali gus mendorong penulis agar lebih berani dan yakin akan keupayaan diri untuk menonjok dunia penulisan sastera yang penuh dengan pancaroba ini. Penulis sangat menghargainya dan amat terharu. Tuhan yang Maha Kuasa sahaja yang dapat membals budi baik mereka semua.

Untuk pengetahuan pembaca sekalian, tanpa sokongan dan dorongan DBP penulis tidak mungkin berada di tahap ini. Kira-kira 24 tahun yang lalu, penulis datang ke DBP hanya dengan berbekalkan doa keluarga dan segenggam semangat untuk menerjuni bidang penulisan kreatif. DBP bukan sahaja membuka pintunya, malah memberikan penulis bimbingan demi bimbingan melalui bengkel-bengkel penulisan kreatif yang dianjurkan.

Sebelum itu, penulis hanya menulis makalah eksklusif untuk akhbar-akhbar arus perdana, termasuk di Sabah. Namun, kepuasan tidak pernah ditemukan, kerana penulis hanya menyampaikan butir bicara dan luahan hati orang yang penulis temu bual, tetapi tidak pernah mempunyai ruang untuk menyampaikan atau berkongsi gagasan dan wawasan sendiri. Malah, setelah bertungkus lumus penulis membuat penyelidikan untuk menguatkan temu bual tersebut daripada segala sudut, hasil tulisan penulis itu hanya tersiar satu kali di dada akhbar dan kemudian menjadi lapuk selepas sehari terbit. Itu belum disebut nama penulisnya yang turut menjadi "surat khabar lama".

Sesungguhnya, penulis berasa sangat terdesak. Entah bagaimana, tiba-tiba terlintas perkataan DBP dalam benak penulis. Nama itu bagaikan satu cahaya yang terpampang di ruang mata. Didorong oleh rasa ingin tahu, lalu penulis menghubungi editor DBPCS, bertanyakan sama ada artikel-artikel eksklusif penulis itu boleh dibukukan ataupun tidak, terutama sekali apabila artikel penulis mendapat kritikan yang positif daripada pihak pembaca.

"Datanglah ke DBP, nanti kami akan menilai kesesuaian penerbitan artikel puan," ujar Matlin Dullah, editor DBPCS yang pertama penulis kenali lewat talian telefon ketika itu. Terasa hidup sedikit semangat juang penulis yang mula pudar pada mulanya. Terbayang makalah-makalah yang bersusah-payah saya tulis, akhirnya akan diterbitkan dalam bentuk buku persendirian.

Pada keesokan paginya, dengan membawa sebuah fail yang penuh dengan makalah-makalah yang sudah terbit, penulis segera ke DBPCS yang terletak di tengah-tengah Kota Kinabalu. Penulis yang agak gementar tiba-tiba berasa tenang kerana disambut dengan mesra oleh semua pegawai dan karyawan DBPCS, meskipun penulis belum mengenali mereka. Suasana yang sama turut penulis rasai, sebaik penulis bertemu dengan senyuman mesra Matlin Dullah..

"Kami akan membaca dan menilai makalah anda ini," ujar Matlin Dullah, perlahan dan kelihatan begitu berhati-hati. "Sementara menunggu keputusannya yang mungkin memakan masa juga, kenapa tidak puan mencuba untuk menulis cerpen dahulu? Jika bersesuaian, bolehlah nanti disiarkan dalam majalah *Wadah*."

Penulis terkejut, tidak pernah terfikir bahawa penulis juga layak menghasilkan cerpen, meskipun penulis seorang pembaca cerpen dan novel Melayu dan Inggeris yang tegar. Semangat juang penulis yang malap kembali membara. Dan, penulis yang tidak tahu apa-apa tentang proses penulisan cerpen ini, pulang ke rumah dan mula menghasilkan cerpen dengan menggunakan salah satu makalah yang pernah penulis tulis itu sebagai bahan ilmu bantu (waktu itu, penulis tidak tahu pun apa itu ilmu bantu, penulis hanya ikut naluri sahaja). Penulis

# Diskusi Sastera

menghasilkan cerpen itu dengan sepenuh perasaan yang membara. Alangkah gembiranya penulis tidak terkira, cerpen pertama penulis yang berjudul "Bosan", terbit dalam *Wadah*.

Penulis bersyukur dan sangat gembira. Seminggu kemudian, penulis menerima panggilan telefon daripada Matlin Dullah lagi dan kali ini beliau menawarkan penulis untuk mengikuti bengkel penulisan kreatif anjuran DBPCS. Lewat bengkel ini, penulis bertemu dengan banyak mentor yang antaranya; Datuk Ismail Abbas, Tuan Haji Hamzah Hamdani, Ali Majod dan banyak lagi. Penulis pulang daripada bengkel itu dengan semangat juang yang menjulang tinggi. Dua minggu selepas bengkel itu, penulis menyertai pertandingan menulis novel. Tidak lama kemudian, penulis mendapat berita yang tidak pernah terlintas dalam fikiran penulis; penulis memenangi hadiah sagu hati. Sejak hari itu, peluang demi peluang DBP buka untuk penulis. Dari peringkat negeri Sabah, penulis menjadi berani untuk berjuang di peringkat antarabangsa. Kemenangan pertama penulis pada peringkat kebangsaan ialah kemenangan di tempat kedua dalam Peraduan Menulis Novel Kanak-kanak, dengan hadiah RM3,000.00. Novel penulis bertajuk *Noor Ainku Sayang*.

Melalui bengkel-bengkel yang pernah penulis serta, penulis mula menyedari bahawa sastera seumpama berlian yang berkeupayaan memancarkan dan menyemarakkan cahaya kehidupan para pembacanya, terutama sekali melalui keindahan bahasa, keteguhan nilai-nilai murni dan plot-plot cerita yang dijalin dengan daya kreativiti yang tinggi. Bolehlah kita katakan sastera sebagai "penulisan berlian" yang sebenarnya, kerana berlian juga yang perlu dicanai untuk dinikmati keindahan dan kilauan cahayanya. Diharapkan gemerlap sastera ini akan terus menjadi perhiasan jiwa pembacanya, sekali gus mempunyai pelbagai kegunaan dalam pembentukan manusia dan kemanusiaan itu sendiri.

Ada juga yang bertanya; kenapa penulis lebih berminat menulis untuk golongan remaja daripada untuk dewasa? Jawapannya mudah sahaja. Bahan-bahan untuk diproses sebagai novel remaja, lebih mudah dan murah penulis peroleh, contohnya anak-anak penulis sendiri pernah termasuk dalam golongan remaja. Dan hal ini menjadi sumber rujukan penulis. Apakah cerita yang paling mudah kita tulis, jika bukan cerita tentang perwatakan orang-orang yang paling hampir dengan kita? Pada pendapat penulis, golongan kanak-kanak dan remaja umpama pohon buluh, mudah dilentur dan dibentuk apabila masih rebung. Lain ceritanya jika

menulis untuk orang-orang dewasa yang kita kenal. Tetapi, kadang-kadang penulis juga apabila ada bahan-bahan sokongan yang cukup kuat.

Akhir sekali, sambil meneruskan perjuangan dalam penulisan kreatif ini, penulis mempelajari sesuatu yang baharu lagi. Jika sastera ialah penulisan berlian, maka anugerah sastera ialah anugerah berlian. Sebagai salah seorang penerima anugerah berlian ini, penulis adalah antara insan yang paling bertuah. Dan, sebagai membala budi DBP terhadap pembentukan diri ini sebagai penulis berjaya, sekarang penulis pula membuka pintu dan menebarkan cahaya berlian untuk penulis-penulis lain yang memerlukan bimbingan supaya boleh mendapat kejayaan seperti penulis. Semua itu boleh diperoleh secara percuma di : <http://azmahnordin.blogspot.com>

Berikut penulis senaraikan anugerah/hadiah yang pernah penulis peroleh sepanjang penglibatan penulis dalam dunia penulisan, dan juga antara buku penulis yang telah terbit. Semoga menjadi perangsang kepada penulis muda untuk terus menulis dan berkarya dengan bersungguh-sungguh.

## Antara anugerah/hadiah yang penulis peroleh:


1. S.E.A. Write Awards 2009,
2. Hadiah Tinta Seniman 2011,
3. Hadiah Menulis Novel DBP; (*Kukui*),
4. Hadiah Menulis Novel Kanak-kanak; (*Noor Ainku Sayang*),
5. Hadiah Persatuan Sejarah Malaysia, Cawangan Wilayah Persekutuan & GAPENA 1988; (*Timulak Kapal Perang*),
6. Hadiah Puisi dan Cerpen DBKL-DBP 1990; (*Wizurai*),
7. Hadiah Cerpen Malayan Banking-DBP 1991; (*Mikrotome*),
8. Tempat Kedua Hadiah Novel Remaja Berunsur Islam 1992; (*Di Bawah Unggul Ny*),
9. Hadiah Sastera Malaysia DBP 1992/93; (*Dari Dalam Cermin*),
10. Hadiah Peraduan Menulis Novel DBP Cawangan Sabah /Jabatan Ketua Menteri; (*Dari Dalam Cermin*),
11. Hadiah Sastera Sabah; (*Dari Dalam Cermin*),
12. Hadiah Cerpen ESSO/Gapena Sayembara VIII ; (*Kuntum Perdamaian*),

# Diskusi Sastera

- 
- 13. Hadiah Khas Novel ESSO/GAPENA; (*Kuntum Perdamaian*),
  - 14. Hadiah Sastera Sabah; (*Dukanya Abadi*),
  - 15. Hadiah Sastera Sabah; (*Singkowoton*),
  - 16. Hadiah sastera Sabah DBP 1998/1999; (*Syumul*),
  - 17. Hadiah Sastera Perdana Malaysia DBP 1996/1997; (*Menongkah Lumrah*),
  - 18. Hadiah Sastera Perdana Malaysia DBP 1996/1997; (*Permainan Kematian*),
  - 19. Hadiah Sastera Malaysia 1988/89 DBP (Cerpen),
  - 20. Hadiah Malayan Banking Berhad dan DBP (Hadiah Pertama Kategori B),
  - 21. Hadiah/Anugerah Sastera Kanak kanak Mobil-Mabopa 1995 (Sagu hati),
  - 22. Hadiah Sastera Sabah 1998/1999 (Genre Novel dewasa dan Cerpen),
  - 23. Hadiah Sastera Malaysia 1992/1993,
  - 24. Hadiah Sastera Kerajaan Negeri Sabah & DBP Cawangan Sabah 2002/2003 (Cerpen),
  - 25. Hadiah Sastera Perdana Malaysia 2000/2001 ( DBP); (*Kasih Seputih Kemboja*),
  - 26. Hadiah Karya Sulung Sempena Perayaan 25 tahun Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sabah pada 18 Jun 2002,
  - 27. Hadiah Sastera Sabah; (*Rahsia*).
  - 12. *Jauh Tidak Berantara* (Maju Mestika, 1990),
  - 13. *Dilambai Debur Cinta* (Fajar Bakti, 1990),
  - 14. *Tanaut* (RAN Publisher, 1994),
  - 15. *Janji* (DBP, 1991),
  - 16. *Biar Kasihmu Terukir* (DBP, 1991),
  - 17. *Ribut di Gua Gomantong* (DBP, 1992),
  - 18. *Melatiku Sayang* (Longman Malaysia, 1992),
  - 19. *Debur Menerpa* (DBP, 1992),
  - 20. *Sembilan Kasih* (Fajar Bakti, 1992),
  - 21. *Si Tarra* (Longman Malaysia, 1992),
  - 22. *Dari Dalam Cermin* ( DBP, 1992),
  - 23. *Siti Ariana* ( DBP, 1993),
  - 24. *Fatin* (DBP, 1993),
  - 25. *Di Bawah Unggulnya* (1993),
  - 26. *Ima Puteri Air* ( DBP, 1994 ),
  - 27. *Puteri Khairuni* ( DBP, 1994 ),
  - 28. *Pantai Kasih*( Fajar Bakti, 1994),
  - 29. *Tanaut* (Penerbit RAN, 1994),
  - 30. *Singkowoton* (DBP, 1994),
  - 31. *Puteri Harapan* ( DBP, 1994),
  - 32. *Impian Akuatik*,
  - 33. *Kewujudan Maya* (DBP, 1995),
  - 34. *Halusinasi* (DBP, 1995 ),
  - 35. *Misteri Aini* (DBP, 1995),
  - 36. *Menongkah Lumrah* (DBP, 1996 ),
  - 37. *Puteri Indrasariayu*,
  - 38. *Awang Kirana Mudir Besar* (Fajar Bakti, 1996),
  - 39. *Antara yang Terhebat*,
  - 40. *Puteri Angin*,
  - 41. *Singgahmata* (Fajar Bakti, 1997),
  - 42. *Merentas Selat* (Fajar Bakti, 1997),
  - 43. *Wizurai* ( DBP, 1997),
  - 44. *Syumul* ( DBP, 1998),
  - 45. *Dedikasi di Planet Marikh* (DBP, 1999),
  - 46. *Pesanan untuk Ira* (DBP, 1999),
  - 47. *Kasih Seputih Kemboja* (DBP, 2001),
  - 48. *Mega Nisaa* (DBP, 2005),
  - 49. *Titian Gelora* (2007),
  - 50. *Cerita Rakyat Sabah Bantogen* (DBP, 2009),
  - 51. *Cerita Rakyat Sabah Puteri Delima* (DBP, 2009). **W**

## Antara buku penulis yang telah terbit:

- 1. *Si Bidul* (DBP, 1987),
- 2. *Noor Ainku Sayang* (DBP, 1988),
- 3. *Dukanya Abadi* (DBP, 1988),
- 4. *Setulus Sarina* (Fajar Bakti, 1989),
- 5. *Kembara Planet* (Fajar Bakti, 1989),
- 6. *Timulak Kapal Perang* (DBP, 2000),
- 7. *Sewangi Hati Irani* (Pustaka Mestika, 1989),
- 8. *Permata Biru* (Federal Publication, 1989),
- 9. *Gadis Pinggiran* (Pustaka Maju Mestika, 1990),
- 10. *Pejuang Bawah Bayu* (SASBADI, 1990),
- 11. *Kukui* (DBP, 1990),



## Puisi

---

Ummu Haris

Bonda,  
kaubangkit sejak subuh kudus lagi  
menyembah Allah yang Esa.  
Bonda kaudidik kami  
menjadi anak yang diajar.

Bonda  
kau karya syurga yang dilihat alam  
beliaianmu mengalahkan dinginnya Subuh  
keperibadianmu seperti mentari yang menyimbah bumi  
ingin sekali kudendangkan lagu kewanitaanmu  
di laut tujuh lautan.

Namun, dalam diam dan termangu  
kutatap al-Quran  
benarlah halaman Luqman  
kau menyapihku selama dua tahun  
dan kerana itu  
kurebahkan dahi sujud pada Allah  
untukmu bonda.

Bonda,  
kedukaanmu takkan mampu  
dibasuh air mata  
kesabaranmu jualah  
di perjalanan di bumi fana  
sebagai penawar dan pengubat akan kepedihanmu.

Bonda,  
aku mohon di kala mentari terbenam  
bersaksikan langit yang syahdu  
ampunilah aku dan redalah kau atas perjalananku  
yang sedikit pun tak dapat kaubanggakan.

Kedukaanmu  
lara hatimu  
sering kumenungkan  
dan sering kuhadirkan di anjung paradigmaku  
dan sering membuat malamku penuh dengan air mata penyesalan.  
Namun, kupercaya dan berharap  
semoga bingkisan doa yang pergi bersama mentari yang terbenam  
akan didengar penduduk langit  
dan semoga akan dikabulkan Allah Rabbulizzati  
semoga kami menjadi anak yang soleh.

Bonda  
aku rindu padamu kala ini.  
Untuk menyatakan rinduku padamu  
kupersembahkan doa untukmu bonda:  
*Rabbanaghfirlana waaliwaalidayya warrhammhuma kamma rabbayana sighara.*  
Berbahagialah bonda dalam solat dan zikir  
kepada Allah Subhanahuwataala  
ampunkanlah aku aduhai bonda.  
Amin.

Saudagar Cinta





# Mencerap dan Mencerakin Tiga Puisi oleh Tiga Penulis

---

oleh ZAITON AJAMAIN

---

*“Writing is easy. All you have to do is cross the wrong words.”*

Mark Twain

(Sumber: *Unite Right! A DesktopDigest of Punctuation Grammar and Style*. Jan Venolia, Ten Speed Press, USA, 1979).

Kata Mark Twain, menulis itu sangat mudah. Apa yang perlu dilakukan, ialah mencantas, memotong atau menghilangkan perkataan yang tidak sesuai sahaja. Menulis sangat mudah kerana yang perlu dibuat ialah menulis dan terus menulis. Setelah itu, baca semula, kemudian buang/potong sahaja mana-mana perkataan yang salah/tidak sesuai atau kurang tepat. Proses ini lebih tepat disebut sebagai proses pemurnian.

Sesungguhnya, dalam proses penciptaan, jika kita ingin kongsikan idea, pandangan, perasaan dan pengalaman atau sebarang reaksi kita, yang sarat pula dengan beberapa falsafah/pernyataan/pemikiran kita, apa yang perlu kita buat ialah memikirkan atau merenunginya, setelah itu memikir-mikir perkataan/ungkapan yang tepat dan indah. Selanjutnya, mengungkapkan, mencatatkan atau menaip kata demi kata, ungkapan demi ungkapan. Inilah catatan awal ataupertama kita dalam setiap proses penciptaan apa saja genrenya, terutama puisi atau lirik lagu.

Setelah itu, catatan tersebut kita baca semula, ada kata/ungkapan yang kita kekalkan, ada yang kita potong atau buang dan gantikan, sehingga kita berpuas hati kerana hasilnya akan sedap dibaca atau dilihat, telah dihayati, kemudian ditanggapi.

Ada penulis yang berupaya melalui proses penciptaan yang sangat *intense*, teliti, ruwat atau cerewet, namun dengar semula jadi atau sangat mudah. Dia ada idea dan tema, dirungkai menjadi persoalan, digarap, diberi perwajahan dan suara. Hasil proses penciptaan ini pasti akan ada pengenalan, ada isi, ada rumusan dan kesimpulan. Sesungguhnya benar seperti dinyatakan Mark Twain dan juga John Cheese, mencipta karya dan menulis:

*“It's not just getting the right number of words, it's getting them in the right order.”*

Sesebuah karya telah siap dicipta untuk dibaca berulang kali sehingga pencipta mencapai kepuasan. Sebelum orang lain memberikan apresiasi, penulisnya telah terdahulu menganalisis/mencerakin karyanya. Pastinya inilah yang telah berlaku kepada tiga buah puisi pilihan kali ini.

Puisi yang terpilih kali ini karya Rubiah Dullah atau Dewa Maya/Seniwati Desa, bertajuk “Suburkan Ladang Bahasa Kita”, puisi pilihan selanjutnya karya Ammi Manja atau Abdul Manaf Kamarudin bertajuk “Kedukaan (Untuk Bumiku)”, dan puisi pilihan ketiga bertajuk “Ummu Haris” karya Saudagar Cinta atau Said Dacho. Sedikit latar belakang penulis pertama, Rubiah Dullah selain genre puisi, Rubiah juga menulis novel, cerpen dan skrip radio. Rubiah pernah memenangi beberapa hadiah penulisan. Sementara, Ammi Manja/Puspa Tinta meraih Hadiah Sastera Sabah melalui genre puisi. Saudagar Cinta juga penulis puisi dan cerpen.

Rubiah memilih untuk menggarapkan kepentingan; “suburkan ladang bahasa”, “mempertahankan/kesuburan dan kecantikan ladang ini”, “kerana inilah mercu tanda bangsa kita!”. Puspa Tinta memilih untuk mengungkapkan pemikirannya tentang isu pemanasan global dikaitkan dengan alam, unggas, mergastua, flora dan fauna, serta hutan rimba. Saudagar Cinta pula, menulis tentang kasih sayang antara anak dengan bonda atau “Ummu Haris”, uminya mungkin. Ketiga-tiga puisi pilihan kali ini telah mengungkapkan persoalan tentang kasih sayang/kecintaan, melalui tiga perkara dan tiga pendekatan.

Melalui puisi “Suburkan Ladang Bahasa Kita”, Rubiah mengungkapkan kecintaan terhadap bahasa kita (bahasa Melayu) dengan menasihatkan supaya bahasa kita dijaga ibarat kita memelihara sebuah ladang yang subur yang tentunya perlu dibaja, disiram dan dijaga/dikawal daripada serangan yang memusnahkannya. Rubiah juga

## Analisis Puisi

m e n y a t a k a n b a h a w a u s a h a memanfaatkan/mempelbagaikan bahasa asing boleh dilakukan, namun bahasa Melayu tetap menjadi keutamaan. Penggunaan simbol "ladang" mudah kita fahami, kerana ladang semudahnya jika dibaja dan dijaga akan suburlah, namun jika dibiarkan, potensi dimusnahkan pasti ada. Kemusnahannya tentunya akibat angkara kita atau akibat pencerobohan. Sesungguhnya, setelah pembacaan pertama, jika berlaku pemurnian yang tuntas, Rubiah akan lebih berhasil, seperti kata Mark Twain, Rubiah wajar membuang kata-kata yang tidak sesuai, kurang tepat/salah. Puisi "Kedukaan" yang ditujukan kepada bumi, boleh kita kaitkan kepada penulis, yang berbicara tentang bumi dan seluruh penghuni alam. "Kedukaan" mengungkapkan reaksi penulis yang telah berumur yang inginkan keselesaan menyedut udara bersih, inginkan cuaca yang nyaman. Sesungguhnya penulis inginkan suasana keceriaan dan kebersihan, serta penuh kedamaian. Pada ketika itu "unggas" berkicauan, 'mergastua' meriah, tanpa keserakahan dan keghairahan berlumba. "Aku" juga kecewa kerana segelintir sahaja yang menyedari hakikat bahawa "Kedukaan" itu kedukaan semua.

Puisi "Kedukaan" berupaya ditafsirkan sebagai rasa duka dan sakit penulis terhadap keadaan bumi dan alam. Seperti Rubiah, Puspa Tinta juga perlu melakukan pemurnian untuk lebih berhasil. Terdapat beberapa ungkapan yang berlawanan seperti "aku rindukan usia purbakalaku" berbanding "usia meniti senja", "serakah lumba/mempertaruh susila dan ujana".

Sementara, melalui "Ummu Haris" pula, Saudagar Cinta mengungkapkan seorang wanita solehah yang taat akan perintah-Nya. Namun demikian, saya cukup terganggu dengan ungkapan dan perlambangan Saudagar Cinta. Saya yakin puisi ini tentang seorang ibu, iaitu anaknya seorang wanita yang solehah bagi anaknya.

Apabila dikaitkan dengan "halaman Luqman" (Rujuk: al-Quran, Surah *Luqman* (Surah ke-31), tentang Nadhar bin Harits), dan juga kemudian dengan hasil carian saya terhadap "Ummu Haris", membawa saya kepada "Ummu Waraqah", seorang Muslimah mulia yang memberi dedikasi hidupnya kepada agama Islam. Namun, seluruh puisi ini tentang ibu dan anak.

Hasil cerapan saya terhadap puisi ini sesungguhnya ialah pernyataan penyair tentang ibu dan anak. "Bonda" seorang ibu/bonda yang solehah, taat kepada-Nya, seorang anak yang mengagumi dan mengasihinya (bonda), yang

berharap pula menjadi anak yang soleh.

"Kata-kata terbaik dalam susunan terbaik" (Samuel Taylor Coleridge), yang ditambah oleh Dr. Haji Awang Sariyan, wajar juga dalam susunan terbaik menurut adat berbahasa", pastinya menghasilkan karya yang juga terbaik. Sesungguhnya, usaha inilah yang saya sangat harapkan. Sebagai contoh, antara ungkapan "Penduduk Langit" dengan "Penghuni Langit" atau "Warga Langit", sudah pasti saya akan memilih "Penghuni Langit" (rujuk stanza 6). Hal ini sama juga dengan ungkapan "di laut tujuh lautan" (stanza 2), saya yakin salah satu ungkapan berikut lebih puitis: "di lautan tujuh/di tujuh lautan/di laut yang tujuh". Saya juga sangat terganggu dengan ungkapan "Kau adalah karya syurga yang dilihat a l a m / b e l a i a n m u m e n g a l a h k a n d i g i n subuh/keperibadianmu seperti mentari yang menyimbah bumi/ingin sekali kudendangkan lagu kewanitaanmu" (stanza 2). Hal ini bertambah rumit pada stanza 3: "benarlah halaman Luqman/kau menyapihku selama dua tahun" (stanza 3).

Sebagaimana saya nyatakan terdahulu, sebuah puisi pada peringkat awal ialah catatan yang perlu disaring dan dimurnikan sehingga berupaya menjadi sebuah karya yang indah dan bermutu, yang turut mengambil kira aspek logik fakta. Seperkara lagi yang wajar diambil ingatan ialah tajuk. Jika ditanya kepada penulis "Mudahkah memberi tajuk kepada karya mereka?" Saya yakin, banyak penulis yang menyatakan sukar. Ada yang akan mencatat tajuk terdahulu, kemudian merangka isinya. Ada yang terus mencatat puisinya dan berusaha mencari tajuk. Oleh itu, ketiga-ketiga puisi pilihan kali ini tidak sahaja memerlukan pemurnian kandungan, akan tetapi tajuknya. Kenapa tidak "Ladang Bahasa Kita? "Bumiku Berduka"? atau "Bondaku"?

Jelaslah, mencipta puisi bukan sekadar keseronokan mengungkapkan rangkaian kata bombastik yang telah merungkai persoalan pilihan penulis, merakamkan perasaan dan pemikiran penulis, hasil cerapan dan cerakinan ideanya. Saya masih mengajak penulis untuk meluaskan dan meningkatkan pembacaan, yang sesungguhnya turut meningkatkan perbendaharaan kata mereka. Puisi tidak sekadar catatan yang sarat dengan ungkapan, perasaan, dan pemikiran bombastik. Untuk itu, saya sering merujuk kepada ungkapan: "Malam Lebaran/Bulan di atas Kuburan". Ungkapan ini tetap segar dan membuka seluasnya ruangan cerapan dan cerakinan. Selamat berkarya, terus mencerap dan mencerakin. **W**



# Antara Fantasi dengan Struktur

---

oleh S.M. ZAKIR

---

Fantasi merujuk kepada khayalan tentang hal yang tidak berpijak di bumi nyata. Dalam definisi kamus secara umumnya, fantasi difahami sebagai cerita atau karangan berdasarkan angan-angan. Tentunya ada pelbagai definisi dan pemahaman tentang fantasi yang boleh sahaja diuraikan dengan pelbagai huraian. Tetapi, fahaman yang paling mudah kembali kepada titik awal tadi; khayalan dan karangan berdasarkan angan-angan. Sementara, struktur difahami sebagai kerangka yang mendirikan sesebuah binaan. Sifatnya objektif, mekanikal dan formal. Contohnya, dalam pembinaan sesebuah rumah, struktur yang membangunkan rumah itu terdiri daripada tiang, dinding, bumbung, dan sebagainya yang disusun secara formal dan mekanikal. Susunan yang kemas menjadikan rumah itu kukuh. Susunan yang kreatif menjadikan rumah itu unik. Susunan yang menarik menjadikan rumah itu indah. Berbalik kepada karya sastera, fantasi muncul sebagai hasil karangan yang datang daripada khayalan tentang cerita serta peristiwa di luar dunia nyata, malah di luar logik. Sementara, karya berstruktur merujuk hasil karangan yang objektif, tersusun dan ceritanya wujud dalam dunia nyata atau setidak-tidaknya dalam ruang logik dan rasional.

Cerpen yang dihidangkan dalam majalah *Wadah* kali ini ialah “Penunggu” karya Mohd Rizal Abdul Razak dan “Tajsis Kasih” karya Al Fazli HMS. “Penunggu” merupakan cerpen fantasi yang menampilkan watak Adiloro Kagen, Ketua Penunggu Bangunan dan Sultan Loro, Pemerintah Alam Halus. Perbualan kedua-dua watak ini mengalirkan cerita tentang peristiwa dan hubungan makhluk halus dengan manusia.

Terdapat juga manusia yang dapat berhubung dan menggunakan makhluk halus untuk kepentingan mereka, malah ada manusia yang tidak takut dan tidak dapat dikuasai oleh makhluk halus seperti kerani penjaga bangunan tempat makhluk halus tersebut tinggal. Akhirnya diketahui bahawa

Kerani Penjaga Bangunan itu ialah anak Sultan Loro dengan bangsa manusia yang bernama Ru Dewi. Walau bagaimanapun, sudah terlambat apabila kerani penjaga bangunan itu mati di tangan Adiloro Kagen sebelum sempat diketahui identitinya yang sebenar. Sebenarnya, cerpen ini tidak mempunyai jalan cerita yang jelas, malah tidak diketahui apa tema dan persoalannya. Cerita ini muncul sebagai fantasi yang tidak berhujung pangkal. Tidak diketahui apa yang sebenarnya yang ingin disampaikan oleh penulis melalui cerpen fantasi ini. Cerita ini bergerak dengan menampilkan watak Adiloro Kagen dan Sultan Loro, kemudian meleret kepada cerita manusia pemburu hantu, pertempuran makhluk halus dengan manusia, hubungan Sultan Loro dan Ru Dewi, pelantikan Adiloro Kagen menggantikan Sultan Loro dan akhirnya pertembungan yang mengakibatkan kematian Kerani Penjaga Bangunan.

Terdapat usaha memasukkan fakta saintifik tentang keadaan *hypnagogia*, iaitu fasa antara sedar dan dengan jaga yang membolehkan manusia melihat sesuatu yang tidak wujud pada mata kasar mereka. Ditimbulkan juga teori saintifik yang melihat kepada kemungkinan keadaan psikologi, dadah dan keupayaan luar biasa manusia untuk melihat alam di luar realiti. Hal ini cuba dihubungkan dengan wujudnya alam halus yang tidak dapat dilihat manusia, tetapi dapat mengganggu kehidupan manusia. Cuma perkara ini yang dapat dikaitkan dengan persoalan yang mungkin cuba ditimbulkan oleh cerpen fantasi ini. Selebihnya cerpen ini menerawang tanpa jalan cerita yang kukuh, tanpa arah dan matlamat cerita yang jelas. Sebuah cerpen fantasi juga sebenarnya harus bergerak di atas struktur cerita yang kukuh. Seharusnya mempunyai plot yang tersusun, cerita yang jelas, serta tema dan persoalan yang berhubungan dengan pemikiran, persepsi serta jawaban kepada sesuatu isu atau situasi. Cerpen “Penunggu”, tidak diatur dan disusun dengan baik

# Analisis Cerpen

untuk menghadirkan struktur cerita yang kuat, lengkap dengan tema dan persoalan yang dapat mencetuskan pertanyaan ataupun kesedaran kepada pembaca terhadap isu yang ingin dibangkitkan. Dalam cerpen “Penunggu” mungkin isu yang cuba dibangkitkan ialah tentang kewujudan alam halus yang melingkungi persekitaran hidup manusia. Tetapi, persoalan ini tidak diberikan fokus, sebaliknya lebih meleret kepada cerita khayalan pertempuran dan kesaktian alam halus daripada penampilan watak Sultan Loro dan Adiloro Kagen. Kelemahan ini membuatkan cerpen “Penunggu” meleret dan akhirnya menjadi karangan yang ditulis berdasarkan khayalan semata-mata; kosong dan hanya muncul dengan tujuan untuk menghibur tanpa usaha untuk mengajak berfikir.

Cerpen sebagai sebuah hasil sastera harus ditulis untuk mengajak manusia berfikir, atau sekurang-kurangnya mencetuskan emosi yang menarik kesedaran. Lantaran itu, cerpen harus bergerak sebagai cerita yang terbina secara formal – berlandaskan struktur yang kukuh, kerana struktur yang kukuh ini akan menghadirkan cerita yang kemas, jelas, dan objektif. Yang disebut objektif di sini ialah cerita yang mempunyai tema, persoalan dan matlamat penceritaan. Oleh sebab itu, menurut Danziger dan Johnson sebuah karya dianggap sebagai satu struktur. Pada asasnya sesbuah karya itu adalah organisasi yang lengkap dengan setiap bahagian dan sudutnya saling berhubungan dengan sedemikian cara sehingga makna keseluruhannya lebih utama daripada makna bahagian-bahagiannya. Melihat pengertian ini, istilah struktur tidak cuma merujuk aspek-aspek formalnya, seperti persamaan dan kelainan antara babakan atau penyusunan klimaks dan antiklimaks sesbuah plot, tetapi juga mencakup keseluruhan karya sastera itu. Dengan kata lain, setiap karya bukan sahaja mempunyai struktur, tetapi karya itu sendiri ialah satu struktur. Struktur bukanlah semata-mata penyusunan mekanikal pelbagai bahan, tetapi ialah sesuatu yang saling berhubungan, amat penting dan dinamis antara plot, perwatakan, nada, gaya, dan bahagian-bahagian lain.

Apa yang dikemukakan di atas terlihat dalam cerpen “*Tajsis Kasih*” karya Al Fazli HMS. “*Tajsis Kasih*” ialah sebuah cerpen yang bergerak mudah,

dan ditulis dengan gaya yang komunikatif. Cerpen ini dimulakan dengan pengenalan watak dua beradik; protagonis Ludin si adik dan antagonis Lugam si abang. Cerpen ini memasuki konflik dengan babakan yang baik, iaitu kegalauan fikiran Ludin yang menyapu di halaman melihat langkah abangnya Lugam membawa dua orang pegawai, iaitu Pegawai Bank dan Pegawai Penilaian meninjau-ninjau tanah pusaka peninggalan ibu mereka. Al Fazli HMS memunculkan teknik imbas muka (*foreshadow*) yang baik melalui situasi ini. Teknik ini memberikan firasat atau tanda tentang sesuatu yang berlaku pada masa hadapan, sekali gus menguja rasa ingin tahu pembaca. Cerpen ini menghidupkan semua bahagiannya menjadi struktur yang hidup dan saling memberikan nafas antara satu sama lain. Latarnya dibina indah dengan fungsi bukan sahaja untuk menghidupkan suasana tetapi juga melahirkan emosi serta memberikan firasat tentang sesuatu yang berlaku pada masa hadapan. Wataknya dibina sebagai manusia yang bukan sahaja hidup dengan sifat manusiawinya, tetapi juga membina ruang emotif dan ruang pemikiran, malah menggerakkan aliran bawah sedar secara lembut (*submissive*). Plotnya bergerak dengan babakan yang bukan sahaja disusun dengan kemas dan hati-hati, tetapi juga menggarapkan kesan emosi serta pemikiran yang halus dan mengesankan. Cerpen ini mudah sebenarnya, mengangkat tema hubungan kekeluargaan dengan persoalan mempertahankan tanah pusaka. Uniknya cerpen ini kerana ceritanya diolah untuk menimbulkan kesan emosi, kesedaran dan kesan yang lembut kepada pembaca. Malah, terdapat permainan teknik imbas kembali, imbas muka, firasat, dan metafora yang sangat mengesankan.

Imbas muka yang paling mengesankan ialah teknik cerpen ini meletakkan titik ceritanya kepada *tajsis* kubur yang menjadi judulnya. *Tajsis* kubur ialah binaan kubur yang dihias indah. Ibu Ludin telah mewasiatkan kepada Ludin apabila dia meninggal kelak, maka hendaklah jasadnya disemadikan di tengah-tengah tanah mereka, dengan meminta pula Ludin membina *tajsis* yang besar dan indah. Ibunya tahu bahawa membina bangunan atau binaan kubur bukanlah satu perkara yang digalakkan oleh agama Islam. Tujuan ibu Ludin bukan untuk bermegah-megah, tetapi ada sesuatu yang tersirat daripada wasiat tersebut.

# Analisis Cerpen

Tujuan ibu Ludin terbongkar apabila Lugam yang membawa Pegawai Bank dan Pegawai Penilaian untuk menilai tanah pusaka tersebut sebagai cagaran pinjaman bank. Pihak bank tidak dapat menerima tanah yang mempunyai kubur ibu Ludin di tengah-tengah tanah itu sebagai cagaran. Hal ini demikian kerana prosedur penilaian tanah juga mengambil kira soal kemanusiaan, dan soal kubur ini tentunya menjadi konflik yang besar jika hendak dilelong kepada orang lain jika peminjam tidak mampu membayar pinjaman. Maka, bank menolak permohonan Lugam, tetapi menasihatkan Lugam memohon bantuan kerajaan untuk memajukan tanah itu sendiri. Dengan itu terselamatlah tanah pusaka Ludin oleh pandangan jauh arwah ibunya yang mewasiatkan agar jasadnya ditanam di tengah-tengah tanah dengan binaan *tajsis* yang indah. Perkara ini bukan sahaja menghalang tanah pusaka daripada digadai dan dijual, tetapi mengelakkan berlakunya pertelingkahan antara adik-beradik. Ibunya telah dapat menelah sikap Lugam yang tentunya akan menggadaikan tanah tersebut untuk berniaga. Demi menghalang keadaan menjadi buruk, ibu yang tidak berpelajaran itu telah membuat keputusan dan pengorbanan yang paling bijak demi kasih ibu kepada anak-anaknya dan tanah pusaka tinggalan arwah ayah mereka. Inilah *tajsis* kasih yang tidak ternilai harganya buat Ludin.

Cerpen "*Tajsis Kasih*" ini hebat sebenarnya. Cerpen ini sebuah cerpen konvensional yang bergerak mudah, tetapi keupayaannya untuk memberikan sebuah cerita yang begitu mengesankan membuatkan cerpen ini menjadi sebuah karya yang amat baik. Yang paling penting yang dapat dilihat daripada cerpen ini ialah aspek strukturnya. "*Tajsis Kasih*" memperlihatkan teknik struktur dibangunkan dalam sesebuah cerpen, dan teknik struktur tersebut menjadikan ceritanya berkesan kepada pembaca. Cerpen ini pertamanya, membina latar sebagai binaan awal ceritanya. Latarnya bergerak sebagai *locus* atau pentas ceritanya bergerak. Kemudian, membina watak Ludin, Lugam, ibu; di samping watak dua orang pegawai iaitu Pegawai Bank dan Pegawai Penilaian dan anak-anak Lugam tempat Ludin mencerahkan kasih. Watak-watak ini lengkap dan saling menghidupkan karakter antara satu sama lain. Cerita ini mewujudkan protagonis Ludin yang

sangat berbeza sifatnya daripada antagonis Lugam, abangnya sendiri. Perbezaan ini secara tidak langsung mencetuskan potensi konflik. Setelah itu, dihadirkan persoalan tentang tanah pusaka yang kini menjadi milik Ludin dan Lugam. Ludin ingin mempertahankan tanah pusaka itu, sedangkan Lugam ingin menggadaikan tanah pusaka itu untuk cagaran pinjaman perniagaan yang belum tentu untung ruginya. Konflik terlihat jelas akan berlaku oleh situasi ini. Namun, klimaksnya dihadirkan dengan bagaimana tercegahnya konflik Ludin dan Lugam oleh tanah pusaka itu dengan wujudnya "*tajsis* kasih" hasil daripada wasiat dan kebijaksanaan arwah ibu mereka yang tidak berpendidikan itu. Ternyata, cerpen ini juga amat ironis.

Sepertimana yang dikatakan Danziger dan Johnson, istilah struktur mencakup keseluruhan karya tersebut. Istilah struktur saling berhubungan dan bergerak dinamis antara plot, watak, latar, nada, stail, teknik, dan semua bahagian yang mendirikan cerpen tersebut. Sementara, cerpen "Penunggu" ialah sebuah fantasi yang gagal mendirikan sebuah struktur untuk menjadikannya sebagai sebuah cerpen yang terbangun baik. Akhirnya, menjadi karangan yang ditulis berdasarkan khayalan, dan tidak meninggalkan kesan kepada pembaca. Berbeza daripada "*Tajsis Kasih*", caranya yang sangat berhati-hati mendirikan struktur "bangunan ceritanya" menjadikan cerpen yang mudah ini menjadi begitu berkesan kepada pembaca. Pemerhatian ini bukanlah untuk membandingkan kedua-dua buah cerpen ini secara tidak adil, tetapi lebih kepada upaya untuk memperlihatkan bagaimana sesebuah cerpen itu adalah sebuah struktur itu sendiri. Apabila sesebuah cerpen itu gagal membangunkan struktur yang baik dan kukuh, maka cerpen itu akan gagal menjadi sebuah cerpen yang baik. Sebaliknya, jika sesebuah cerpen itu dapat membangunkan sebuah struktur yang baik dan kukuh, maka cerpen itu akan muncul sebagai cerpen yang baik dan berjaya.

Mungkin di sini dapat dilihat teknik strukturalisme membangunkan sesebuah cerpen, bukan sahaja melalui teorinya tetapi juga secara praktiknya sebagaimana yang dilakukan oleh cerpen "*Tajsis Kasih*". Sekurang-kurangnya kita mula memahami tentang strukturalisme. *W*

# Puisi

## Di Pantai Ini

Tuhan anugerahkan kita lautan, di dalamnya tersimpan jutaan rahsia, di dasarnya tersimpuh jutaan wajah. Nelayan dan perahu menjadi gabungan akrab pada mencari rezeki untuk anak isteri melanjut hidup yang mesti dibawa sehari-hari. Ombak bukan musuh tapi teman yang mengawani tiap ketika.

(aku hanya mampu mengenal ketika)

Kala sunyi menerpa, laut damai menjadi teman paling setia yang sepanjang masa mendengar tanpa membantah setiap luah setiap resah.

(aku bagai merasai damainya)

Di gigi lautmu hari ini ratusan manusia melukis hari. Mengukir cerita pada halus pasir pantai. Merakam berita dan kisah hari-hari berbicara. Lumrah hari yang memar ditempuh badi, begitulah senandung kehidupan dalam sebuah pencarian yang panjang.

(aku kagum memeluk suasana)

Bagai gigi air yang tidak ada akhirnya, bagai laut yang tidak pernah melupai pantai, apabila ertiya hidup tanpa budi yang mesra.

(aku merakam nilai persahabatan)

Ramlie. A.R

## Pantun Budi

Tenang-tenang air laut,  
Sampan kolek mudik ke tanjung;  
Hati terkenang mulut tersebut,  
Budi yang baik rasa nak junjung.

Yang kurik kundi,  
Yang merah saga;  
Yang baik budi,  
Yang indah bahasa.

Bunga melati bunga di darat,  
Bunga seroja di tepi kali;  
Hina besi kerana karat,  
Hina manusia tidak berbudi.

Bunga Cina di atas batu,  
Jatuh daunnya ke dalam ruang;  
Adat dunia memang begitu,  
Sebab emas budi terbuang.

Anak beruk di tepi pantai,  
Pandai melompat pandai berlari;  
Biar buruk kain dipakai,  
Asal hidup pandai berbudi.

Tingkap papan kayu bersegi  
Sampan sakat di Pulau Angsa;  
Indah tampan kerana budi,  
Tinggi bangsa kerana bahasa.

Padang Temu, Padang Baiduri,  
Tempat raja membangun kota;  
Bijak bertemu dengan jauhari,  
Bagai cincin dengan permata.